



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6905]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keenambelas)—

Jadual—

Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 6922]

Kepala B. 66 [Ruangan 6932]

Kepala B. 38 [Ruangan 6986]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6921]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keenambelas)—

Kepala P. 64 dan P. 65 [Ruangan 6922]

Kepala P. 66 [Ruangan 6932]

Kepala P. 38 [Ruangan 6986]

PENERANGAN SENDIRI OLEH TIMBALAN MENTERI KEWANGAN [Ruangan 7038]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Iarut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SEP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.F. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE GHON (Kepong).
- „ TUN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Jumaat, 10hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SAHAM PERNAS DALAM AKHBAR-AKBHAR MALAYSIA

1. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan akhbar-akhbar Malaysia di mana PERNAS mempunyai saham, nyatakan peratus saham yang dipegang oleh PERNAS, di dalam setiap satu akhbar tersebut dan samada pengawalan dan penyertaan seumpama ini oleh PERNAS ke atas akhbar-akhbar Malaysia akan menjejaskan kebebasan akhbar-akhbar bebas.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat dalam kumpulan PERNAS memang ada mempunyai pelaburan secara portfolio investment di dalam beberapa buah syarikat yang giat dalam berbagai-bagai aktiviti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada Akta Syarikat, 1965, syarikat-syarikat perniagaan tidaklah mengumumkan senarai-senarai pelaburan portfolio mereka samada saham-saham yang berkenaan diperniagakan dalam pasaran saham ataupun tidak. Di atas sebab-sebab yang sama maka tidaklah wajar bagi pihak PERNAS dan anak-anak syarikatnya memberitahu kepada umum pelaburan portfolio yang dipunyai olehnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya pegangan saham secara portfolio yang dipunyai oleh PERNAS dan anak-anak syarikatnya dibuat semata-mata atas tujuan pelaburan.

PERPUSTAKAAN PARLIMEN

2. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan di Perpustakaan Parlimen bilangan naskhah berbahasa :

- (a) Inggeris; dan
- (b) Melayu,

dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memenuhi ruangan dan gerobok buku dalam Bahasa Melayu yang terlalu kurang itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Perpustakaan Parlimen mempunyai lebih kurang 12,250 naskah buku-buku dalam bahasa Inggeris dan jumlah buku-buku bahasa Melayu pula adalah lebih kurang 1,535 naskhah. Kebanyakan buku-buku yang dibeli itu terdiri daripada buku-buku berkenaan dengan politik, sosial, ekonomi, undang-undang, falsafah, agama, tawarikh dan ilmu alam, sains kemasyarakatan, saikoloji dan buku-buku lain yang difikirkan berfaedah kepada Ahli-ahli Parlimen.

Memandangkan buku-buku am dan buku-buku rujukan dalam bahasa Malaysia di Perpustakaan Parlimen sangat berkurangan dan perlu dilipatgandakan maka untuk tahun 1977 peruntukan yang lebih telah diluluskan untuk membeli lebih banyak lagi buku-buku am dan buku-buku rujukan yang bermutu dalam bahasa Malaysia.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar pembelian buku-buku untuk Perpustakaan Parlimen itu tertakluk kepada syarat-syarat kontrak Perbendaharaan yang mensyaratkan semua buku-buku hendaklah dibeli dari dua buah kedai sahaja, tidakkah beliau mengetahui banyak buku-buku rujukan yang mahal dan tinggi mutunya tidak dapat diperolehi daripada kedai-kedai tersebut, dan jika ada, pesanan mengambil masa berbulan-bulan pula.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tetapi seperti saya katakan masalah yang dihadapi oleh Parlimen ialah berkenaan dengan peruntukan yang pada tahun-tahun lalu sangat kurang, tetapi pada tahun akan datang peruntukan yang lebih telah diluluskan dan banyak lagi buku-buku boleh dibeli.

FAMA—TANAMAN KACANG TANAH DI KELANTAN

3. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar bahawa usaha FAMA memajukan tanaman kacang tanah di Negeri Kelantan pada tahun 1974 dan 1975 telah gagal dan melibatkan kerugian besar di kalangan petani dan juga FAMA bagi tahun-tahun tersebut khususnya jumlah hutang petani-petani yang masih terlekat dengan FAMA. Nyatakan apakah usaha Kerajaan bagi menjamin perkembangan pemasaran kacang tanah itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Sebaliknya dengan usaha FAMA, kacang tanah telah menjadi satu daripada jenis tanaman kontan yang utama ditanam oleh petani-petani di Kelantan.

Usaha FAMA itu tidak melibatkan kerugian kepada petani-petani. Apa yang sebenarnya berlaku mereka tidak dapat pulangan sebagaimana yang dijangkakan dalam pasaran 1975. Apa yang sebenarnya oleh disebabkan pasaran dalam tahun 1974 sangat baik, petani-petani di Kelantan telah meluaskan kawasan penanaman. Tetapi tanaman di negeri itu terlewat sedikit kerana keadaan cuaca. Ini menyebabkan pengutipan dalam negeri Kelantan berjalan serentak dengan negeri-negeri lain seperti Perak dan Trengganu. Oleh itu, bekalan yang ditawarkan dalam pasaran berlebihan dan menjejaskan harga kacang tanah pada masa itu. Tambahan lagi permintaan dalam dan luar negeri berkurngan ini adalah akibat kemerosotan ekonomi pada ketika itu. Walaupun begitu, dengan penglibatan FAMA, harga dapat dipertahankan ke paras yang tidak merugikan petani-petani.

Oleh disebabkan keadaan yang tersebut, maka ada sebilangan kecil petani-petani yang mengambil "credit input" dari FAMA. Tempoh untuk pembayaran balik telah dilanjutkan kepada musim-musim yang berikutnya.

Untuk menjamin perkembangan pemasaran kacang tanah, di antara lain, Kerajaan melalui FAMA:

- (a) akan terus melibatkan diri dalam pembelian kacang tanah petani-petani supaya menimbulkan keadaan persaingan yang sihat dan menambah luang-luang pemasaran bagi petani-petani;

- (b) sedang berusaha untuk menggantikan kacang tanah kupas yang diimpot dengan kacang tanah yang dikeluarkan dalam negeri;
- (c) akan melaksanakan tidak berapa lama lagi satu rancangan kawalan pemasaran kacang tanah;
- (d) mengadakan kajian-kajian potensi pemasaran dengan secara terus-menerus bagi menentukan jumlah yang maksima yang boleh dipasarkan dengan harga yang memuaskan. Maklumat pasaran hasil dari kajian ini akan disalurkan kepada petani-petani dan juga melalui Lembaga Pertubuhan Peladang atau sebagainya.

GURU-GURU KELAS KEMAS/TADIKA

4. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian sedar bahawa pembayaran elaun kepada guru-guru kelas KEMAS \$4.00 satu jam dan mengajar 2 jam semi ggu itu tidak sesuai dan terlampau murah bayarannya. Tidakkah pihak yang berkenaan bercadang untuk mengkaji dan mengubahsuaikan jabatan yang dijalankan sekarang;
- (b) berapa banyakkah kelas TADIKA yang telah dapat dibentuk dan membangunkan KEMAS dalam negara ini dan apakah hasilnya; dan
- (c) adakah pihak Kementerian memberi kursus melalui KEMAS kepada guru-guru yang mengajar di kelas TADIKA, jika ada, berapa kali setahun, jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sedar dan sedang menguruskan perkara ini.
- (b) Sekiranya nama yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini Kelas Taman Didikan Kanak-kanak ataupun TADIKA (TDK) maka ia bukanlah dikelolakan oleh KEMAS. Apa yang dikelolakan oleh KEMAS ialah bernama Taman Bimbingan Kanak-kanak atau TABIKA (TBK) dan sehingga sekarang sebanyak 963 kelas TABIKA (TBK) telah ditubuhkan di seluruh negara. Hasilnya adalah memuaskan. Ini adalah

dibuktikan daripada desakan yang diterima oleh Kementerian untuk membuka lebih banyak lagi kelas-kelas yang tersebut.

- (c) Semua guru Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak atau TABIKA (TBK) adalah diberi kursus selama 9 bulan di Pusat-pusat Latihan Pembangunan Keluarga di Kuala Lumpur dan Melaka. Kursus ini diadakan dua kali setahun.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya membuka lagi sekolah-sekolah ini dengan seberapa banyak yang boleh berdasarkan pemohon-pemohon daripada tiap-tiap kawasan Parlimen ataupun tiap-tiap daerah.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Jawapannya, insya Allah.

KECURANGAN KAKITANGAN KERAJAAN

5. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Undang-undang menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang telah didakwa di Mahkamah di atas kecurangan perkhidmatan mereka, dan nyatakan jumlah wang orang ramai yang terlibat di atas kecurangan yang berlaku.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan Kerajaan yang telah didakwa di Mahkamah di atas kecurangan perkhidmatan mereka dan jumlah wang orang ramai yang terlibat adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kakitangan</i>
1973	62
1974	79
1975	84
1976 (1-1-76—31-10-76) ...	84
	319

Jumlah wang rakyat terlibat \$8,567,793.92

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah dibuat kepada mereka yang melakukan kecurangan ini.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil adalah berbagai-bagai. Di antaranya ialah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada melalui tindakan Jabatan sendiri atau yang ada di bawah peruntukan-peruntukan perundangan yang lain.

PASARAN SAHAM (STOCK EXCHANGE) MALAYSIA

6. **Tuan Haji Embong bin Yahya** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- adakah Kerajaan telah atau sedang mengkaji semula kedudukan pasar saham (stock exchange) di Malaysia supaya tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum sahaja; dan
- adakah sebarang latihan dalam jurusan pasaran saham ini diberi kepada Bumi-putra bagi membolehkan mereka menyertai secara lebih luas dan aktif dalam pasaran saham di Malaysia.

Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua,

- Kerajaan telahpun mengkaji keadaan pasar saham (stock exchange) di Malaysia sekarang dan mendapati peraturan-peraturan berhubung dengan keahlian dan pergerakannya kurang memuaskan. Kerajaan berharap keadaan ini akan dapat diperbaiki di bawah Akta Perusahaan Sekuriti, 1973, yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.
- Buat masa ini latihan dalam jurusan pasaran saham tidak ada dijalankan oleh Kerajaan sendiri. Penglibatan seseorang dalam bidang ini adalah bergantung kepada pengalaman, keupayaan dan kemampuannya. Walau bagaimanapun, Komplek Kewangan Malaysia Berhad, yang dimiliki oleh MARA dan "Broking firm" ada juga memberi latihan sambil bekerja kepada kakitangannya.

HUTAN KAYU BALAK

7. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah dasar dan tindakan Kerajaan bagi memelihara dan mengawal Hutan-hutan Kayu Balak yang sedang berkurangan dengan begitu cepat sekali sekarang ini. Dan adakah benar berlaku pencurian Kayu-kayu Balak di

dalam kawasan Hutan Simpan Kerajaan oleh pengusaha-pengusaha Balak. Kalau benar apakah tindakan-tindakan yang telah diambil.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara dan mengawal hutan kayu-kayu balak, Kementerian saya telah mengambil langkah membentangkan satu cadangan Dasar Perhutanan Negara yang sekarang ini sedang dibincangkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di dalam Majlis Perhutanan Negara. Dasar ini meliputi bidang yang menyeluruh mengenai pembangunan dan pemeliharaan kawasan-kawasan hutan serta pemprosesan kayu-kayu dengan secara maksima dalam negara. Salah satu perkara penting di dalam dasar ini ialah penubuhan hutan kekal di mana Kerajaan-kerajaan Negeri dikehendakki mengujudkan kawasan-kawasan hutan kekal dengan jumlah keluasan yang sejajar dengan kepentingan negara. Kawasan-kawasan ini akan diusahakan mengikut rancangan tertentu untuk menentukan pengeluaran hasil hutan dalam negara dengan cara yang berpanjangan serta kadar yang berpatutan untuk perindustrian dan kegunaan tempatan dan eksport. Di samping itu Jabatan Perhutanan juga mempunyai dan sedang menjalankan rancangan untuk memulihkan hutan dengan rawatan sivilculture biasa dan tanam-mengaya atas kadar 80,000 ekar setahun. Akan tetapi, setakat ini rancangan Jabatan Perhutanan ini tidak dapat melaksanakan dengan sepenuhnya kerana kawasan-kawasan hutan sementara kekal masih lagi belum dapat ditentukan secara muktamad kerana belum dapat persetujuan penuh semua negeri. Peruntukan kewangan dan juga tenaga kerja yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai perbelanjaan dan menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan adalah didapati tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang berusaha mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat tersebut. Saya tidak menafikan tentang adanya kes-kes kecurian kayu balak oleh pengusaha-pengusaha balak. Walau bagaimanapun, perkara kecurian ini tidak banyak berlaku dan kes-kes yang dapat dikesan dan dapat disiasat atau disahkan adalah mendapat hukuman yang setimpal samada dikenakan denda dan bayaran ganti rugi atau lesen balak mereka dibatalkan. Di samping itu juga Jabatan Perhutanan telah menambahkan bilangan pegawai-pegawai

penguatkuasa untuk mengawasi hutan simpan Kerajaan supaya tidak berlaku kecurian kayu-kayu balak.

RANCANGAN UGAMA DI TV

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Penerangan menyatakan kerana apa pihak TV Malaysia tidak pernah menayangkan gambar-gambar berkenaan pengajaran-pengajaran agama dan kuliah-kuliah di merata tanahair sebagai satu usaha memperdekatkan agama kepada masyarakat seperti mana yang pernah dibuat penayangan seperti itu di tempat-tempat hiburan, sukan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan agama tidaklah boleh disamakan dengan rancangan-rancangan hiburan dan sukan yang boleh dibuat liputan seperti kegiatan-kegiatan sukan di luar studio. Pengajaran agama atau kuliah hanya dapat dibuat di studio. Kerana ini bukan sahaja kerana penyemakan skrip perlu dibuat tetapi supaya persembahannya boleh dibuat lebih sempurna. Kementerian saya sentiasa berusaha memperdekatkan agama kepada masyarakat seperti ternyata di dalam rancangan-rancangan agama "Cahaya", "Iman", "Assalamualaikum" dan lain-lain.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

9. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada terdapat sebarang projek rumah murah yang akan dilancarkan di Sarawak untuk golongan berpendapatan rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tentu sedia maklum bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini peruntukan sebanyak \$35 juta telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam bulan Julai yang lalu, bagi dilaburkan kepada Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak khususnya untuk tujuan membina rumah-rumah awam kos rendah di beberapa kawasan dalam negeri tersebut yakni mengikut target RMK ialah 3,500 unit semuanya. Di antara kawasan-kawasan yang akan dilaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah

di sana termasuklah di Kuching, Binatang, Bintulu, Sibul, Kapit, Simanggang, Sadong Tengah, Limbang dan Bukit Unjan iaitu di sembilan tempat semuanya.

SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS

10. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kerana kelewatan menghantar buku-buku teks ke sekolah-sekolah di Sarawak dan samada Menteri berkenaan akan menyiasat perkara ini sebagai suatu perkara segera.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Cban Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan ini mungkin menimbulkan gambaran yang salah bahawa kesemua buku-buku teks yang dibekalkan di bawah Sekim Pinjaman untuk negeri Sarawak lewat sampai di semua sekolah.

Perkara seperti ini tidak berlaku. Kebanyakan sekolah-sekolah menerima buku-buku teks mereka pada awal penggal pertama persekolahan, tetapi beberapa buah sekolah mungkin lewat sedikit mendapat setengah daripada buku-buku teks mereka disebabkan oleh masalah pengangkutan dan perhubungan ataupun mungkin ada di antara buku-buku teks itu yang kehabisan stok atau cetakannya dan lain-lain faktor lagi. Akan tetapi perkara seumpama ini tidak akan menimbulkan kesan ke atas sebahagian besar murid-murid kerana stok buku-buku teks dari tahun-tahun yang lepas sentiasa ada untuk dibahagi-bahagikan kepada murid-murid apabila sekolah dibuka semula pada tiap-tiap tahun.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat lebih khusus lagi tentang sekolah atau kawasan yang mengalami kelewatan sampai buku-buku teks itu, maka saya bolehlah mengarahkan Jabatan Pelajaran, Sarawak untuk menyiasat dan meninjau lebih lanjut lagi mengenai perkara tersebut.

TUDUHAN PESALAH DI MAHKAMAH

11. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-setengah mereka yang didakwa ditangkap oleh polis selepas sahaja mereka itu diadili di mahkamah. Jika benar, samada tindakan-tindakan polis bertentangan dengan keadilan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kurang jelas maksudnya. Mungkin apa yang dimaksudkan ialah mereka yang telah mereka yang telah didakwa dan setelah diadili, dibebaskan oleh Mahkamah tetapi sebaik sahaja keputusan itu tercapai, mereka telah ditangkap kembali oleh pihak polis.

Sungguhpun perkara serupa ini berlaku tetapi tidaklah benar ianya berleluasa. Ahli Yang Berhormat perlu faham bahawa seseorang pensalah itu dihadapkan atas sesuatu tuduhan tertentu. Ini tidaklah bermakna bahawa pensalah itu telah melakukan kesalahan itu sahaja. Pada kebiasaannya pensalah itu telah melakukan beberapa kesalahan tetapi hanya dibicarakan tentang satu kesalahan sahaja terlebih dahulu. Tuduhan terhadap kesalahan-kesalahan lain ditangguhkan sementara menunggu keputusan pembicaraan yang sedang dijalankan itu. Oleh yang demikian, jika pensalah itu dibebaskan atas satu tuduhan, tindakan selanjutnya perlulah diambil terhadapnya mengenai tuduhan-tuduhan yang lain. Maka pensalah itu perlulah ditangkap dan ditahan bagi membolehkan langkah-langkah selanjutnya diambil terhadapnya.

BANTUAN MODAL KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

12. Tuan Oo Gin Sun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa jumlah bantuan modal yang telah diperuntukkan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia bagi jangka masa 1976/77;
- (b) berapa banyakkah wang pembangunan yang telah diperuntukkan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah Kebangsaan (atas tanah Kerajaan) bagi jangka masa 1976/77 dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut sekolah-sekolah Kebangsaan (Cina) dan (Tamil); dan
- (c) apakah rancangan atau dasar pembangunan secara menyeluruh berhubungan dengan memperbaharui, memperbesar, menggantikan dan menubuhkan sekolah-sekolah Cina rendah yang baru.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah bantuan modal yang telah diperuntukkan bagi jangka masa 1976/77 ialah seperti berikut:

(i) Sekolah Rendah ... \$505,050

(ii) Sekolah Menengah ... 468,500

Jumlah ... \$973,550

(b) Jumlah wang pembangunan yang telah diperuntukkan bagi jangka masa 1976/77 untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah milik Kerajaan ialah sebagai berikut:

(i) Sekolah Rendah ... \$40,518,000

(ii) Sekolah Menengah 31,052,000

Pecahan bagi sekolah rendah ialah seperti berikut:

Sekolah Rendah Kebangsaan ... 36,995,000

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) 2,867,000

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) 656,000

\$40,518,000

(c) Rancangan pembangunan secara menyeluruh berhubung dengan memperbaharui, memperbesar, mengganti dan menubuhkan sekolah-sekolah baru samada sekolah-sekolah rendah kebangsaan atau jenis kebangsaan adalah bergantung kepada keperluan di sesuatu tempat yang didasarkan di atas pertambahan murid-murid dan kedudukan keadaan bangunan sekolah. Ini dilakukan di dalam kontek keupayaan kewangan yang terhad dan oleh itu rancangan itu dijalankan berperingkat-peringkat.

ASEAN—NEGARA-NEGARA INDO-CHINA

13. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada didapati sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara Indo-China hendak menjadi anggota ASEAN atau mereka masih menganggap bahawa ASEAN ialah suatu konsep penjajah. Jika tiada, apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh negara kita

bagi menjamin ujudnya suatu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali di kawasan kita ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-hajj): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah jelaskan di Dewan baharu-baharu ini iaitu negara-negara Indo-China ada menzahirkan reservation untuk menjadi anggota ASEAN. Sebab-sebabnya adalah sukar hendak dipastikan satu persatu denagn tepatnya. Saya juga suka merujuk Ahli Yang Berhormat kepada Soalan No. 12 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, pada 26hb Oktober, 1976.

LEBUHRAYA TIMUR/BARAT

14. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada benar bahawa kelambatan membuat jalan lebuhraya dari Kelantan ke Grik disebabkan:

(a) kebanyakan jentera yang digunakan ialah jentera lama yang sudah rosak;

(b) Buruh-buruh ialah buruh sementara. Manakala pembinaannya dari Grik ke Kelantan adalah sebaliknya, justeru dapat berjalan dengan lancarnya. Jika benar, langkah-langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dikatakan bahawa pembinaan Jalanraya Timur/Barat dari bahagian Jeli di Kelantan telah terlambat disebabkan kebanyakan jentera-jentera yang digunakan di bahagian tersebut ialah jentera-jentera yang lama dan rosak dan juga oleh kerana pekerja-pekerjanya ialah buruh sementara.

Saya ingin memaklumkan bahawa tidak banyak perbezaan di antara jentera-jentera dan buruh-buruh yang digunakan di kedua-dua belah bahagian Jeli dan Grik dan saya ingin menegaskan bahawa kemajuan kerja bagi kedua-dua bahagian adalah seimbang berbanding dengan tenaga kerja dan jentera yang terdapat di kedua-dua bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai projek Lebuhraya Timur/Barat ini. Ingin dimaklumkan bahawa projek Lebuhraya Timur/Barat ini yang panjangnya 72 batu telah dibahagi

dua untuk tujuan pembinaannya iaitu Bahagian Barat bermula dari Grik di Perak dan Bahagian Timur bermula di Jeli, Kelantan. Panjang jalanraya di sebelah Barat ialah 38 batu sementara di sebelah Timur 34 batu.

Setakat ini sepanjang 33 batu jalan telah disiapkan dan boleh digunakan oleh kenderaan-kenderaan bermotor iaitu 21 batu di sebelah Barat dan 12 batu di sebelah Timur. Menjelang akhir tahun 1977 dijangka kedua-dua bahagian jalan tersebut akan dapat disambungkan dan keseluruhan projek dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 1979.

Kesemua loji-loji pembinaan jentera-jentera telah dibeli pada peringkat permulaan projek tersebut. Oleh itu tidak ada loji-loji dalam projek ini yang melebihi 6 tahun.

Kebanyakan daripada pekerja-pekerja telah diambil khusus untuk projek ini. Daripada jumlah sebanyak 993 orang pekerja sebanyak 901 orang diambil secara sementara. Walau bagaimanapun taraf pekerja-pekerja ini bukanlah menjadi sebab kelambatan dalam pelaksanaan projek. Pada keseluruhannya pekerja-pekerja adalah menjalankan kerja-kerja mereka dengan memuaskan. Tindakan walau bagaimanapun sedang diambil untuk menempatkan lebih banyak daripada pekerja-pekerja ini keperjawatan tetap.

Saya ingin memaklumkan bahawa projek Lebuhraya Timur/Barat ini adalah merupakan projek jalanraya yang paling sukar sekali pernah dijalankan oleh JKR setakat ini. Oleh kerana hanya menyeberangi banjaran gunung utama di Semenanjung Malaysia, porentasan adalah terlalu sukar. Banyak batu-batu besar terpaksa ditembusi dan mengambil masa yang panjang untuk menggali batu-batu ini. Secara kebetulan kebanyakan batu-batu besar ini terdapat di bahagian sebelah Timur. Tambahan pula projek ini adalah di dalam kawasan keselamatan dan dengan itu pergerakan kerja-kerja adalah terhad sedikit. Walau bagaimanapun segala langkah-langkah telah diambil untuk memastikan bahawa projek ini akan disiapkan pada tempoh yang dijadualkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa sesungguhnya sedikit-sebanyak kegendalaan dalam usaha membuat jalanraya ini ialah disebabkan jurutera-jurutera ini

kebanyakannya adalah jurutera-jurutera muda yang saya dengar daripada pekerja-pekerja seolah-olah mereka ini banyak merupakan sebagai belajar sahaja. Jadi, apakah perhatian diberi dalam hal ini supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan lebih pesat.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang jentera-jentera yang rosak akibat dibom oleh pengganas pada satu ketika dahulu. Adakah jentera-jentera ini dapat digunakan sekarang ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang projek ini sebagai satu peluang bagi kakitangan Kerajaan, bukan sahaja bekerja tetapi sambil mengambil latihan. Dengan tujuan ini jurutera-jurutera muda bersama-sama dengan jurutera yang berpengalaman telah mengambil bahagian dalam projek ini dan mengikut rekod kita kerja jurutera-jurutera muda adalah memuaskan.

Berkenaan dengan jentera-jentera yang dimusnahkan oleh pengganas komunis pada tahun 1974, izinkan saya menjelaskan bahawa masalah ini telah diselesaikan.

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PERLEMBAGAAN

15. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan melantik satu Suruhanjaya di Raja Penyiasat untuk mengkaji implikasi kepada pindaan undang-undang jenayah dan Perlembagaan baru-baru ini.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat terhadap undang-undang jenayah dan Perlembagaan baru-baru ini tidak menimbulkan apa-apa masalah atau kerumitan. Mungkin terdapat sebilangan rakyat yang tidak puashati dengan pindaan-pindaan tersebut tetapi pindaan-pindaan itu telah dikaji dengan teliti dan adalah dibuat demi kepentingan negara pada keseluruhannya. Oleh yang demikian tidaklah perlu pindaan-pindaan itu dikaji oleh sesuatu Suruhanjaya di Raja Penyiasat.

MOTOKAR—CERMIN SCREEN HITAM-GELAP

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa bilangan motokar yang menggunakan cermin screen hitam gelap telah bertambah dan adakah apa-apa tindakan tegas dari pihak Polis ke atas tuan-punya motokar tersebut yang memang menjadi punca bahaya lalulintas.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan yang hampir sama telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam pada 19hb November, 1976 ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

KES SIVIL JENAYAH DI MAHKAMAH

17. Tuan Lim Kjt Siang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa kes-kes kebelakangan dalam mahkamah masih banyak. Jika benar, apakah beliau bercadang mengambil langkah-langkah yang patut.

Tuan Rab Yatim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini sentiasa dibangkitkan maka jawapan yang diberi ini adalah agak panjang dan maklumat-maklumat yang penting diketahui oleh rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh jumlah kes-kes sivil dan jenayah yang masih belum diselesaikan pada akhir bulan September, 1976 di Mahkamah-mahkamah Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:—

Kes-kes Sivil

Mahkamah-mahkamah Tinggi	...	3,819
Mahkamah-mahkamah Sesyen	...	6,816
Mahkamah-mahkamah Mejisteret	...	9,292
Jumlah	...	19,927

Kes-kes Jenayah

Mahkamah-mahkamah Tinggi	...	280
Mahkamah-mahkamah Sesyen	...	1,328
Mahkamah-mahkamah Mejisteret	...	2,302
Jumlah	...	3,900

Tidaklah dapat dinafikan bahawa jumlah kes-kes yang didaftarkan semakin bertambah dari setahun ke setahun. Ini adalah disebabkan bertambahnya undang-undang yang diluluskan dari masa ke semasa dan kerana bilangan penduduk-penduduk negara semakin bertambah. Tambahan pula pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat menyebabkan lebih ramai orang yang sadar akan hak-hak mereka untuk membawa pertikaian mereka ke Mahkamah. Selain daripada itu, pada tahun-tahun kebelakangan ini lebih ramai bilangan orang-orang yang dibela oleh peguam-peguam yang menyebabkan bertambahnya rayuan-rayuan yang juga bererti bahawa kes-kes ini mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan. Kelambatan dalam penyelesaian sesuatu kes itu bukan semata-mata disebabkan oleh Mahkamah. Peguam-peguam dan Pendakwa kadangkala tidak dapat menyiapkan persediaan pada hari-hari yang ditetapkan dan meminta penangguhan pula. Mereka juga kadangkala meminta supaya kes-kes ditangguhkan kerana saksi-saksi tidak dapat hadir ataupun dalam kes-kes sivil, butir-butir dan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Mahkamah belum diperolehi. Kadangkala Peguam-peguam meminta supaya kes-kes ditangguhkan kerana mereka dikehendaki berada di tempat lain. Pihak yang kena tuntutan juga kadangkala melambatkan perbicaraan dengan menghilangkan diri atau mengemukakan sijil sakit atau saksi-saksi tidak dapat dicari dan sebagainya.

Walau bagaimanapun langkah-langkah yang tegas telah diambil untuk mengurangkan "backlog" di mahkamah-mahkamah dan mempercepatkan lagi urusan pengadilan dan ini termasuk:

- (i) Menambah bilangan Mejisteret-mejisteret. Dalam bulan Julai tahun 1975 Kerajaan telah mengambil 15 orang Pegawai Tadbiran Am untuk berkhidmat sebagai Mejisteret.
- (ii) Sebagai memberi insentif kepada Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan kehakiman yang sedang berkhidmat, kerajaan telah mengujudkan satu tingkatan baru bergelar Tingkatan Kanan dan pegawai-pegawai perundangan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun adalah berkelayakan dinaikkan pangkat ke tingkatan tersebut dengan gaji \$1,500 hingga \$1,900 sebulan.

- (iii) Kerajaan juga telah dan akan mengadakan temuduga-temuduga untuk mengisi kekosongan jawatan Jurubahasa. Dalam bulan Januari hingga Mac tahun ini sejumlah 16 orang Jurubahasa telah dilantik untuk berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman.
- (iv) Dua orang Hakim baru telah dilantik dalam tahun 1975.
- (v) Dalam bulan September tahun ini 11 jawatan tambahsantara telah diwujudkan bagi pesara-pesara yang sedang berkhidmat sebagai Mejiesteret untuk membolehkan Jabatan Kehakiman mengisi semua kekosongan dalam jawatan Mejiesteret dengan pegawai-pegawai yang mempunyai Ijazah undang-undang.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tentu masih ingat bahawa dalam bulan Julai yang lalu Dewan ini telah meluluskan satu Rang Undang-undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan yang mana salah satu daripada pindaan itu membolehkan Yang di-Pertuan Agong melantik Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioners) dengan tujuan menyejajarkan urusan Mahkamah Tinggi. Dalam hubungan ini sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada pentadbiran mahkamah dan akan mengambil segala langkah yang difikirkan perlu untuk mempercepatkan lagi urusan pengadilan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 dan Anggaran Pembangunan, 1977 diluluskan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 dan Anggaran Pembangunan, 1977 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977 DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9bb Disember, 1976)

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjawab perbahasan.

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual)—

Kepala P. 64 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.10 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai peruntukan bagi Kementerian saya samada yang menyokong, menegur atau memberi cadangan-cadangan untuk memperkemaskan lagi jentera-jentera Jabatan-jabatan dan Badan di bawah tadbiran Kementerian saya ini. Semua teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan itu akan dikaji bagi tujuan memperkemaskan dan memperelokkan lagi pentadbiran dan sistem Jabatan-jabatan dan Badan berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menyentuh beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyoal yang pertama kelambatan pelaksanaan bekalan letrik luar bandar walaupun satu-satu rancangan telah diluluskan pada tahun lepas. Yang kedua keadaan Jalanraya Kuala Katil/Sungai Petani dan railway crossing. Yang ketiga, meminta bekalan air ditambah di kawasan beliau. Jawapan bagi soal pertama ialah tindakan sedang diambil untuk mengkaji masaalah ini pertama masaalah-masaalah kekurangan pemborong-pemborong yang berpengalaman dan juga Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk menambah lagi kakitangan-kakitangan untuk melaksanakan projek-projek letrik luar bandar dengan seberapa yang boleh untuk melaksanakan apa-apa program yang telah disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi menjawab soal kedua kita sedar orang ramai dan kenderaan menunggu apabila gate ditutup Tetapi keutamaan (priority) tidak dapat diberi dari analisa ekonomi pembinaan projek ini dan pembinaan terpaksa mengikut giliran dan tidak boleh dibuat pada masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan bina projek ini bila keadaan mengizinkan.

Jawapan soalan ketiga perkara ini seperti mana yang telah saya terangkan beberapa kali dalam Dewan ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk menimbangkan, kerana keutamaan satu-satu projek adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat membawa tiga pandangan, Yang pertama, meminta supaya Kompleks-kompleks bangunan-bangunan Kerajaan dipusatkan di Kuala Lumpur.

Yang kedua, menyeru supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa ditambah untuk memperhebatkan kerja-kerja penguatkuasa supaya kemalangan di jalan-jalanraya boleh dikurangkan.

Yang ketiga, meminta bekalan letrik di kawasan beliau untuk kemudahan lalulintas.

Bagi menjawab yang pertama cadangan Yang Berhormat itu sungguhpun baik tetapi jika bangunan-bangunan Kerajaan di Kuala Lumpur dipusatkan di satu tempat kesesakan lalulintas akan terus berlaku.

Jawapan mengenai pertambahan pegawai-pegawai Penguatkuasa, pada masa ini ada sebanyak 59 orang Pegawai Penguatkuasa dan

bilangan ini akan dinaikkan kepada 66 orang hasil daripada kelulusan Anggaran Belanja pada tahun 1977. Dengan adanya pertambahan Pegawai Penguatkuasa ini kerja-kerja akan diperhebatkan lagi bagi melaksanakan satu daripada usaha kita mengurangkan kemalangan-kemalangan yang berlaku. Juga oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa, Kerajaan telah memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian I untuk melaporkan kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Lalulintas, 1949/58 yang dilakukan oleh pemandu kenderaan perdagangan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jawapan soal ketiga pihak L.L.N. akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membawa kemuskilan kerosakan yang berlaku di bendang-bendang disebabkan pembinaan stesyen Microwave dan meminta gantirugi hasil daripada kerosakan tersebut. Bagi menjauhkan kerosakan yang berlaku di bendang-bendang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah diakui dan tuntutan gantirugi telah dibuat kepada syarikat insuran yang berkenaan. Tuntutan bayaran gantirugi itu sedang dirujukkan kepada Peguam dan adalah dijangka perkara ini akan dapat diselesaikan tiada berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah mengemukakan dua masaalah yang pertama keadaan jalan dan jambatan yang buruk di antara Jalan Kuala Oya dengan Pekan Mukah. Yang kedua, menyeru supaya mempercepatkan bekalan air dan letrik di tempat-tempat yang telah ditetapkan.

Jawapan kepada soal pertama, kerja-kerja untuk memperbaiki jalan tersebut sebenarnya termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan saya akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Mengenai persoalan kedua, saya akan mencuba sedayaupaya bagi mempercepatkan bekalan air dan letrik sepertimana peruntukan yang disediakan dalam tahun 1977. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penentuan projek-projek ini adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri maka saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berhubung

dengan Kerajaan Negeri untuk memasukkan dalam senarai projek-projek yang difikirkan patut diberi keutamaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyoal kelewatan yang berlaku terhadap bayaran-bayaran kemajuan kepada kontraktor bumiputra. Bagi menjawabnya saya telahpun mengeluarkan Surat Pekeliling kepada semua pegawai-pegawai Kementerian saya untuk memperbaiki masalah ini. Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang menyebabkan kelambatan terhadap pembayaran kemajuan tersebut antaranya:

Mungkin juga pemborong-pemborong telah menjalankan kerja-kerja tetapi pembayaran belum boleh dibuat oleh kerana kerja-kerja itu didapati tidak memuaskan. Selain daripada itu, mungkin juga aduan-aduan itu benar, tetapi tindakan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini. Satu Jawatankuasa di bawah Perbendaharaan telahpun ditubuhkan untuk mengkaji bagi memperbaiki sistem pembayaran yang dibuat pada masa ini. Sebarang aduan yang tepat adalah sentiasa disiasat dan tindakan-tindakan akan diambil. Walau bagaimanapun, saya sedang mengambil perhatian yang berat bagaimana cara mengatasi persoalan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah membawa beberapa soalan. Yang pertama masalah kurangnya teksi di kawasan-kawasan luar bandar juga di kawasan-kawasan FELDA dan lain-lain. Yang kedua, pengeluaran permit teksi dan juga mengeluarkan lesen-lesen kepada orang-orang yang belum begitu layak untuk mendapat lesen memandu.

Jawapan kepada soal pertama, perkara menambah dan mengadakan teksi di tempat-tempat baru adalah dikaji dari semasa ke semasa dengan merundingkan terlebih dahulu dengan pihak Ahli Jawatankuasa Penasihat Negeri. Kementerian saya adalah meminta pihak Lembaga berkenaan untuk membuat permohonan untuk menambah bilangan teksi di tiap-tiap negeri tersebut. Saya telah menerima perakuan daripada negeri Trengganu, Johor, Melaka dan Perak supaya ditambah bilangan teksi yang ada sekarang. Lain-lain negeri saya harap dapat lapuran daripada mereka tidak lama lagi.

Menjawab soalan kedua, pengeluaran permit teksi adalah dibuat secara temuduga berasaskan maklumat-maklumat yang diberikan oleh pemohon untuk menentukan mereka

yang layak sahaja boleh memohon. Saya akan mengarahkan Lembaga Pelesenan mengkaji sistem pengeluaran permit itu jika boleh diperkemas lagi.

Mengenai pengeluaran lesen memandu, Kementerian saya akan mengkaji sistem yang ada sekarang untuk diperkemas lagi mana yang perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga telah memberitahu bahawa banyak lori-lori tiada mempunyai lesen cukai jalan yang menjalankan operasi di kawasan-kawasan FELDA. Ini adalah merugikan tuan-punya-tuan-punya lori yang mempunyai cukai jalan di mana lori-lori tersebut telah meminta harga sewa yang lebih murah. Jawapan kepada soalan ini pegawai-pegawai Penguatkuasa dari Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang dengan kerjasama pihak Polis ada menjalankan beberapa gerakan terhadap lori-lori berkenaan. Saya menyeru supaya kerjasama daripada penduduk-penduduk di FELDA ataupun penduduk tempatan memberi maklumat supaya perkara ini dapat diatasi dengan lebih baik lagi. Kementerian saya tidak dapat menghapuskan samasekali kejadian-kejadian seperti tersebut melainkan kerjasama diperolehi daripada penduduk-penduduk di sekitar. Saya meminta Ahli Yang Berhormat dari Kawasan itu bekerjasama dalam memberikan maklumat-maklumat mengenai pergerakan lori-lori haram itu supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Juga saya meminta pihak FELDA yang memanggil tender-tender untuk kontraktor pengangkutan jangan membenarkan kontraktor-kontraktor tersebut kepada penguasa-penguasa lori-lori haram.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin membawa dua soalan:

- (1) Pelaksanaan kerja-kerja membina Jalan Kuala Lumpur/Seremban yang ada sekarang.
- (2) Pelaksanaan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang baru.

Jawapannya, kelambatan kerja-kerja ini adalah diakui. Walau bagaimanapun seperti yang saya telah maklumkan di Dewan yang mulia ini baru-baru ini tindakan sedang diambil untuk memberikan kerja-kerja ini kepada kontraktor-kontraktor lain bagi menyiapkan projek ini dan projek ini akan dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan (1977). Di kebanyakan bahagian Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang baru hampir-

hampir siap. Dan sebahagian daripada Lebuhraya ini akan dapat disiapkan dan dibuka kepada lalu-lintas pada pertengahan tahun 1977.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat membawa soal minta JKR mengambil langkah yang lebih lengkap dalam usaha membantu pemborong-pemborong Bumiputra selain dari pelaksanaan dasar mengutukkan 30% kerja-kerja kepada mereka.

Jawapannya, dari pengalaman yang didapati melaksanakan dasar menggalakkan penyertaan aktif kaum Bumiputra dalam aktiviti pembinaan di sektor awam, Kementerian saya memang merasakan bahawa langkah-langkah yang lebih luas dan berkesan perlu diambil untuk memastikan agar objektif dasar tersebut dicapai sepenuhnya. Satu kajian semula mengenai peranan Yunit Penyertaan Bumiputra di Jabatan Kerja Raya telah dijalankan dan hasil dari usaha tersebut Kementerian saya bercadang menyusun semula organisasi kakitangan dan organisasi peranan Yunit tersebut supaya tugas-tugas yang dilaksanakan olehnya nanti akan meliputi segala aspek penting pelaksanaan dasar berkenaan. Dengan penyusunan semula itu Yunit berkenaan tidak sahaja akan menjalankan tugas-tugas memberi pengiktirafan sebagai Bumiputra kepada pemborong-pemborong dan pengasingan 30% kerja-kerja untuk pemborong-pemborong Bumiputra, tetapi akan meliputi usaha penguatkuasaan agar segala syarat dan peraturan yang berkaitan dengan pengiktirafan dipatuhi dan juga memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pemborong-pemborong Bumiputra dalam hal-hal teknikal dan kontrak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membawa beberapa soal:

- (1) Bas-bas lama masih kelihatan di jalan raya walaupun Rang Undang-undang Lalulintas telah dipinda bertujuan mengurangkan bas-bas lama.
- (2) Mengenai kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.

Pertama, saya suka mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa untuk menggalakkan bas-bas lama digantikan dengan bas-bas baru, Kerajaan baru-baru ini mulai dari 1-1-76 meminda Kaedah Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor 1969 supaya sistem pembayaran cukai jalan diubah dan

dengan cara itu bas-bas yang didaftarkan selepas tahun 1976 tidak diperlukan membayar cukai tempat duduk dan dengan cara yang sedemikian keuntungan syarikat-syarikat bas yang menggantikan bas-bas lama dengan bas-bas baru akan bertambah dan secara tidak langsung menggalakkan syarikat bas menggantikan bas-bas lama yang berumur lebih daripada 12 tahun. Kaedah ini juga akan menghalang bas-bas yang berumur lebih daripada 12 tahun dilesenkan selepas 31hb Disember, 1978 iaitu tiga tahun daripada 1976. Dengan ini Kementerian saya percaya bahawa syarikat-syarikat bas akan mengambil peluang menggantikan bas-bas lamanya. Selain daripada itu Jabatan Pengangkutan Jalan juga di bawah Kementerian saya ditugaskan untuk memeriksa semula bas-bas tiap-tiap 6 bulan sebelum memberi lesen. Juga pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan akan membuat pemeriksaan yang mengejut untuk menentukan bas-bas itu dalam keadaan yang memuaskan.

Jawapan kedua berhubung dengan masalah kesesakan lalulintas, saya menyatakan bahawa "Traffic Dispersal Scheme" telah disediakan. Dua tawaran telah diberi untuk pembinaan jejambat di Jalan Ipoh, Jalan Sungai Besi dan Jalan Chan Sow Lin. Dua tawaran juga akan ditutup pada 3-1-77 untuk kerja-kerja menyiapkan projek "Middle Ring Road" yang mana akan mengurangkan kesesakan lalulintas di bandar-bandar. Saya menyatakan bahawa kesesakan lalulintas di Bulatan Edinburgh akan dapat diatasi ataupun dikurangkan dengan mengadakan lampu isyarat dan ini adalah sekarang dalam kajian untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa tindakan bagi mengurangkan kesesakan lalulintas adalah sentiasa dikaji dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson membawa beberapa soalan:

- (1) Bekalan Letrik Hilir Perak.
- (2) Mengapa projek-projek bekalan letrik luarbandar sedikit dijalankan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain lebih-lebih lagi memandangkan stesyen janakuasa adalah banyak bilangan di Perak.
- (3) Meminta Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kemudahan-kemudahan

asas luarbandar di kawasan pilihanrayanya yang mana Kerajaan Negeri kekurangan keupayaan untuk melaksanakannya seperti memberi kemudahan bekalan air.

Jawapan soalan pertama dan kedua adalah tidak benar dikatakan bahawa projek-projek bekalan letrik luarbandar di Negeri Perak adalah kekurangan sedikit jika dibandingkan dengan yang dijalankan di negeri-negeri lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di dalam tahun 1977 peruntukan sebanyak \$6.12 juta telah diberikan untuk melaksanakan Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar di Negeri Perak. Walau bagaimanapun soal pembahagian projek ke kawasan-kawasan atau daerah-daerah di dalam negeri tersebut adalah diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri sendiri. Oleh itu jika Ahli Yang Berhormat mendapati banyak kampung-kampung di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat belum lagi dibekalkan dengan api letrik, diharap dapat Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dimasukkan di dalam senarai bekalan letrik dalam tahun-tahun yang akan datang.

Jawapan kepada soalan ketiga, peruntukan sebanyak \$30 juta dalam tahun 1977 iaitu sebahagian daripada peruntukan sebanyak \$100 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, rancangan bekalan air adalah bertujuan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air luarbandar. Saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu merujuk perkara ini kepada Kerajaan Negeri supaya perkara ini dapat dikemukakan untuk dimasukkan dalam Rancangan Bekalan Air Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus merasa kesal terhadap kekurangan kakitangan J.K.R. yang mana tidak dapat menggunakan dengan sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan bagi menjalankan projek-projek di mana ini menyebabkan tergendalanya projek-projek tersebut.

Kementerian saya sedang berusaha untuk menambah kakitangan di bidang-bidang profesyenal dan separa iktisas di mana sekarang keadaan adalah semakin baik. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya akan mengambil lebih kurang 369 orang pegawai profesyenal bagi mengendalikan projek-projek yang telah dirancang. Walau bagaimanapun tergendalanya satu-satu projek

bukanlah disebabkan oleh kekurangan kakitangan sahaja, ada sebab-sebab lain yang menyebabkan keadaan ini misalnya masalah pengambilan balik tanah, kekurangan bahan-bahan binaan dan keadaan di luar kuasa kita seperti cuaca yang buruk dan lain-lain lagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak juga membuat soalan mengenai pendirian K.E.D. terhadap peranannya bagi melaksanakan projek letrik luar bandar dalam kawasanya kerana didapati bahawa Syarikat itu adalah enggan berbuat demikian. Jika benar sudah tentu akan membawa akibat yang buruk dan oleh itu Yang Berhormat Menteri adalah diminta membuat sesuatu dengan cara mendapatkan Kerajaan mengambil alih Syarikat itu.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya maklumkan bahawa peranan Syarikat K.E.D. (Kinta Electrical Distribution) melaksanakan projek-projek bekalan letrik dalam kawasanya pada ketika ini adalah masih tidak berubah iaitu Syarikat tersebut adalah terus bertanggungjawab melaksanakannya. Kementerian saya sedia memberi jaminan tentang hal ini dan oleh itu Ahli Yang Berhormat diminta supaya jangan khuatir tentang hal ini.

Bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, Tumpat dan Ulu Nerus, Kementerian saya adalah sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya. Saya sedar sungguhpun kempen-kempen dijalankan dengan lebih giat dari setahun ke setahun kemalangan jalanraya terus berlaku. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat itu tentu setuju bahawa punca kemalangan jalanraya ialah oleh sebab kesalahan pemandu-pemandu dan pengguna jalanraya itu sendiri. Pengguna-pengguna jalanraya mestilah insaf dan sedar akan pentingnya sentiasa berwaspada dan bertatatertib ketika berada di jalanraya.

Usaha-usaha dari semua pihak yang berkenaan dalam bidang mencegah kemalangan jalanraya ini sentiasa dipergiatkan dari masa ke semasa. Umpamanya Kementerian saya telahpun membuat pindaan-pindaan terhadap Kaedah-kaedah Kereta Motor (Sekolah Pemandu) yang telah mula kuatkuasanya pada 1hb Ogos, 1975. Pindaan-pindaan tersebut

telah dilakukan bertujuan untuk meninggikan lagi taraf memandu dan juga taraf jurulatih-jurulatih serta sekolah memandu yang berlesen di negara kita ini. Dengan adanya peraturan-peraturan yang mewajibkan pemakaian topi keledar secara berperingkat di negara kita ini perangkaan kemalangan jalanraya yang melibatkan penumpang dan penunggang di kawasan-kawasan tersebut menunjukkan perangkaan penunggang dan penumpang telah berkurangan sebanyak lebih kurang 35%. Saya akan menimbangkan melaksanakan peraturan-peraturan tersebut di kawasan-kawasan lain kelak. Buat masa ini, saya juga sedang mengkaji untuk melaksanakan undang-undang talipinggang keledar di kereta-kereta.

Pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang terhadap pengguna-pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan-peraturan jalanraya. Dalam pada itu saya akan mengkaji soal memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Majlis Keselamatan Jalanraya. Selain daripada itu usaha sedang dijalankan untuk menambah kakitangan penguatkuasa dan juga menambah alat-alat penguatkuasaan, seperti kereta ronda, alat-alat penimbang lori yang lebih besar, radar penangkap lori deras dan sebagainya. Pihak polis juga sedang berusaha untuk menambah penubuhan cawangan-cawangan khas trafik di daerah-daerah bandar yang membangun di seluruh negara. Dengan tertubuhnya cawangan-cawangan khas trafik itu maka segala tindakan-tindakan penguatkuasaan yang berkaitan dengan lalulintas akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Di samping itu, Majlis Keselamatan Jalanraya di Kementerian saya sebagaimana biasa sentiasa menjalankan kempen keselamatan jalanraya pada tiap-tiap tahun dengan mendapat kerjasama dari semua pihak. Kempen-kempen tahunan itu diperluaskan dari setahun ke setahun dengan menambah daya-usaha pengajaran terhadap pengguna-pengguna jalanraya dengan menambah bahan-bahan kempen dan juga membuat seranta (publicity) melalui Talivisyen, Radio, Akhbar dan mass media yang lain. Usaha-usaha Majlis ini untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalanraya ini diperluaskan juga oleh kempen-kempen yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri di peringkat negeri dan daerah masing-masing.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha juga dibuat untuk memberi keutamaan bagi memperbaiki jalanraya-jalanraya yang merbahaya di negara kita ini.

Kesemua langkah-langkah positif yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan ini untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya sebenarnya tidak akan memberi kesan sedikitpun kalau sekiranya pihak pengguna-pengguna jalanraya sendiri tidak mempunyai kesedaran dan bekerjasama menggunakan jalanraya itu dengan cermat. Oleh yang demikian di samping ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya ini Ahli Yang Berhormat jua diminta memberi kerjasama supaya menyedarkan kesemua pengguna jalanraya akan hakikat bahawa kemalangan jalanraya ini hanya boleh diatasi sekiranya mereka sentiasa berwaspada.

Berhubung dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tentang langkah-langkah yang harus diambil untuk mengatasi masalah ini saya suka mengucapkan terima kasih dan jika sesuai akan dijadikan panduan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$81,646,400 untuk Kepala B. 64 dan \$7,263,400 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$625,324,761 untuk Kepala P. 64 dan \$1,456,000 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Kepala B. 66 (Jadual)—

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.38 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan anggaran perbelanjaan bagi tahun 1977 untuk Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah semuanya \$594,690,010 di bawah kepala:

B. 66	...	...	...	\$ 24,237,000
P. 66	...	...	...	570,453,010

dijadikan sebahagian daripada jadual Rang Undang-undang Perbekalan ini.

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan yang berjumlah \$24,237,000 di bawah Kepala B. 66 adalah dibahagikan kepada:

(i) Pentadbiran Am (Ibu Pejabat)	\$ 1,100,100
(ii) Jabatan Ukur, Seme- nanjung Malaysia ...	20,411,000
(iii) Pejabat Ketua Penga- rah Tanah dan Galian Persekutuan	2,725,900
Jumlah ...	\$24,237,000

Ingin saya menarik perhatian Dewan ini bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$24,237,000 yang dikehendaki bagi Belanja Mengurus tahun 1977 adalah kurang sebanyak \$11,871,110 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi Belanja Mengurus tahun 1976. Ini adalah disebabkan oleh berlakunya penyusunan semula Kabinet sebagaimana yang telah diumumkan pada 5hb Mac, 1976, di mana Jabatan-jabatan seperti Jabatan Hutan, Jabatan Galian, Jabatan Kaji-bumi dan Jabatan Mergastua telahpun dikeluarkan daripada tanggungjawab Kementerian ini. Peruntukan Belanja Mengurus bagi tahun 1977 yang saya sebutkan di atas adalah bagi ketiga-tiga Jabatan yang masih ada di bawah Kementerian ini. Sungguhpun beberapa Jabatan telah dikeluarkan dari tanggungjawab Kementerian ini, akan tetapi Peruntukan Belanja Mengurus Jabatan-jabatan yang ada bagi tahun 1977 adalah melebihi sebanyak \$1,349,790 dari peruntukan tahun 1976. Mengikut Pecahan-pecahan Kepala ialah:

Di bawah Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan

Peruntukan ini mendapat sebanyak \$15,239,800 adalah untuk gaji dan kenaikan gaji tahunan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan. Sebanyak \$457,117 melebihi peruntukan tahun 1976, ini adalah disebabkan oleh tambahan beberapa jawatan ini di bawah Kementerian ini.

Di bawah Pecahan-kepala 1200—Elaun-elaun dan Lain-lain Habuan Wang

Peruntukan sebanyak \$1,007,800, adalah diperlukan bagi membiayai elaun Bantuan Khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang menerima gaji bersih \$500

sebulan dan ke bawah. Dalam peruntukan ini kita dapat tambahan sebanyak \$44,294 lebih daripada tahun lalu.

Di bawah Pecahan-kepala 1300—Tambahan Kos Kakitangan

Keperluan untuk tahun 1977 ialah \$113,000 berbanding dengan tahun 1976 yang hanya \$92,021 sahaja. Peruntukan ini diperlukan bagi menampung caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sesuai dengan pertambahan jawatan yang telah diluluskan untuk tahun 1977 itu.

Di bawah Pecahan-kepala 2300—Perhubungan

Peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1977 adalah \$101,900 memberikan tambahan sebanyak \$10,900 lebih dari tahun ini.

Di bawah Pecahan-kepala 2500—Sewaan

Peruntukan di bawah pecahan-kepala ini ialah sebanyak \$1,460,300, iaitu bertambah sebanyak \$699,800 yang mana diperlukan bagi membiayai cukai tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan yang bertambah sebanyak 88 peratus.

Tanah-tanah yang telah menjadi hakmilik Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Tahun 1975 ialah 3,082 keping, bagi tahun 1976, 5,800 keping dan untuk tahun 1977 adalah dianggarkan jumlah hakmilik Kerajaan Persekutuan akan mencapai angka 8,000 keping.

Di bawah Pecahan-kepala 2700—Bekalan dan Bahan-bahan

Peruntukan \$1,054,600 telah disediakan dan ini merupakan pertambahan sebanyak \$180,600 lebih dari tahun lalu ialah kerana kenaikan harga barang-barang di pasaran dunia ini ialah juga penambahan penggunaan kertas-kertas cetak, dakwat, petrol dan lain-lain lagi. Demikian juga di bawah Pecahan-kepala 2800 dan juga 2900, semuanya mendapat peruntukan tambahan lebih daripada tahun-tahun yang lepas.

Di bawah Pecahan-kepala 3300—Perabot dan Lengkapan Alat Kelengkapan dan Ternakan

Sejumlah \$327,200 adalah diuntukkan. Ini juga mendapat peruntukan lebih daripada tahun lalu sebanyak \$82,350. Sepertimana

yang dikatakan tadi bahawa peruntukan ini ialah kerana penambahan kakitangan pegawai-pegawai dan juga penambahan berbagai projek ukuran dan pemetaan di Directorate Pemetaan Negara yang memerlukan pertambahan alat-alat perabut dan kelengkapan.

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Tuan Pengerusi, bagi anggaran pembangunan di bawah Kepala P. 66, adalah berjumlah sebanyak \$570,453,010. Peruntukan ini bertambah sebanyak \$69,354,162 lebih dari 1976 ini adalah dikehendaki untuk membolehkan Kementerian ini mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan juga Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan ini dibahagi kepada beberapa rancangan dan yang terbesarnya ialah kepada Rancangan FELDA.

Pecahan-kepala 1 dan 4—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)—\$310,887,600

Di bawah Pecahan-kepala 1 dan 4 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mendapat peruntukan sebanyak \$310,887,600. Dengan peruntukan ini FELDA akan terus dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha pembukaan tanah dan penempatan peneroka.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh FELDA adalah termasuk di antara lain adalah pembukaan tanah, perumahan, perkembangan pertanian, kemasyarakatan, pembinaan kemudahan-kemudahan awam, pengurusan tanah, peroses, pemasaran, penyeliaan pertanian, latihan tenaga manusia dan mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman. Segala usaha yang dijalankan ini akan menghasilkan pembukaan tanah pertanian yang lebih besar dan seterusnya meningkatkan taraf hidup peserta-peserta FELDA sebagai satu agensi yang bertanggungjawab dalam kerja pembangunan pertanian akan terus memainkan peranan untuk menolong mengurangkan jurang perbezaan ekonomi yang tidak seimbang yang didapati di antara penduduk di dalam dan di luar bandar.

Sejak tertubuhnya sehingga akhir tahun 1976 ini, Felda telah membuka tanah seluas 819,457 ekar untuk pertanian, dan 54,033 ekar untuk perkampungan. Sejumlah peserta 39,500 keluarga (atau lebih kurang 237,000 orang) dianggarkan akan ditempatkan. Luas kawasan yang ditanam dengan sawit ialah 515,566 ekar, di mana seluas

239,004 ekar telah mengeluarkan hasil. Dari-pada jumlah 283,284 ekar yang ditanam dengan getah, seluas 125,546 ekar telah ditoreh. Tanaman tebu pula adalah berjumlah 13,154 ekar dan daripada jumlah ini seluas lebihkurang 9,306 ekar telah mula mengeluarkan hasil. Kawasan yang ditanam dengan koko berjumlah 3,958 ekar dan 460 ekar telah mula mengeluarkan hasil. Adalah dianggarkan juga hasil-hasil sawit sehingga akhir tahun 1976 ini akan berjumlah 279,000 tan (minyak sawit 234,000 tan dan isi sawit 45,000 tan), pengeluaran getah sebanyak 51,940 tan dan pengeluaran tebu sebanyak 203,000 tan.

Dari segi pembukaan tanah, Felda adalah satu daripada agensi-agensi yang telah membuktikan kebolehanannya dapat memajukan kerja lebih daripada matlamat yang ditugaskan. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, Felda telah membuka tanah lebih daripada yang telah dijadualkan. Demikian juga dalam Rancangan Malaysia Kedua jadualnya 403,500 ekar sedangkan Felda telah membuka seluas 412,375 ekar. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Felda telah ditugaskan untuk membuka seluas 350,000 ekar. Dalam tahun 1976 ini sahaja seluas 91,889 ekar telah dimajukan dan untuk tahun 1977 Felda akan memajukan seluas 100,000 ekar lagi dengan kelapa sawit, getah, koko, tebu dan kopi.

Peruntukan sebanyak \$310,887,600 ini akan dibahagi dua iaitu \$197,280,000 adalah peruntukan pinjaman, dan \$113,607,600 adalah peruntukan perbelanjaan langsung. Daripada jumlah perbelanjaan langsung ini, \$67,818,600 akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan Felda, dan bakinya sebanyak \$45,789,000 akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan seperti perkhidmatan awam termasuk pembinaan jalan raya, bekalan air untuk kemudahan sosial.

Peruntukan pinjaman sebanyak \$197,280,000 akan digunakan untuk membiayai projek-projek berikut:

(a) *Pembukaan dan Penjagaan Rancangan*

Dalam tahun 1977, Felda bercadang hendak memajukan 100,000 ekar seperti saya kata tadi dengan tanaman kelapa sawit (65,118 ekar), getah (30,342 ekar), koko (3,500 ekar) dan kopi (1,000 ekar). Anggaran perbelanjaan membuka tanah, menanam dan

menjaga kawasan sawit, getah dan tebu ini ialah \$140,606,000. Dalam tahun 1976, peruntukan untuk kerja yang sama ialah \$137,062,150. Peruntukan langsung adalah diberi untuk memajukan tanaman koko (\$4,422,900) dan kopi (\$600,000) kedua-dua ini akan disatukan dalam peruntukan pengurusan. Ini ialah kerana projek koko dan juga projek kopi masih dalam peringkat perintis.

(b) *Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peserta*

Seluas 16,649 ekar kawasan perkampungan akan dimajukan dalam tahun 1977 bagi menyediakan tapak-tapak perumahan peserta, pejabat, sekolah, klinik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. Daripada angka ini, 5,827 ekar akan digunakan untuk tapak-tapak rumah peserta dengan jumlah peruntukan sebanyak \$264,000.

(c) *Pembinaan Rumah-rumah Peserta*

Dalam tahun 1977, \$10,086,000 adalah diuntukkan bagi membina rumah-rumah peserta. Sebanyak \$2,601,480 daripada peruntukan 1977 ini akan digunakan untuk pembayaran akhir kepada pemborong-pemborong bagi 3,097 buah rumah yang mula dibina dalam tahun 1976, yang akan siap dalam tahun 1977 dan \$7,848,400 diperlukan bagi pemberian kontrak-kontrak baru untuk 5,940 buah rumah dalam tahun 1977, dan rumah-rumah ini dijangka akan disiapkan dalam tahun 1977 dan tahun 1978. Bilangan peserta dianggarkan akan bertambah sebanyak 5,000 keluarga dalam tahun 1977, menjadikan jumlah bilangan peserta yang semuanya 44,500 keluarga.

(d) *Pinjaman Sara Hidup Peserta*

Anggaran perbelanjaan untuk pinjaman ini dan membeli perkakas-perkakas keperluan pertanian peserta dalam tahun 1977 ialah \$3,081,000. Pinjaman ini akan diberi kepada peserta-peserta dalam rancangan yang belum mengeluarkan hasil.

(e) *Kemudahan-kemudahan Memproses*

Peruntukan sebanyak \$43,243,000 adalah diperlukan dalam tahun 1977. Felda mempunyai 18 kilang sawit yang mengeluarkan hasil pada penghujung tahun 1976. Dalam tahun 1977, 5 buah

kilang sawit lagi akan siap dibina. Dalam tahun 1977 juga 6 buah kilang baru akan mula dibina, dan dijangka siap pada tahun 1978. Tambahan sebuah kilang getah akan disiapkan pada tahun 1977. Dalam tahun 1977 juga Felda akan menambah keupayaan-keupayaan memproses bagi kilang-kilang yang sedia ada. Kerja-kerja akan juga dilaksanakan bagi menambah keupayaan tangki-tangki minyak di Pelabuhan Kelang dan membina tangki minyak di Pelabuhan Tanjong Gelang (Kuantan). Pembinaan kemudahan-kemudahan muatan minyak di Tanjong Gelang dijangka siap dalam tahun 1977.

Pecahan-kepala 3—Rancangan Kemajuan Sungai Tong, Trengganu

Peruntukan Pinjaman berjumlah \$420,000 adalah diperlukan bagi tahun 1977 iaitu untuk memajukan projek pertanian di Rancangan Kemajuan Sungai Tong, Trengganu. Dalam tahun 1977 sebanyak 463 ekar lagi akan ditanam dengan kelapa sawit. Jumlah yang diperlukan ini adalah untuk meneruskan projek ini yang telah dimulakan dalam tahun 1976 oleh Kumpulan Ladang-ladang Trengganu Sdn. Bhd.

Pecahan-kepala 5 dan Pecahan-kepala 7—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)

Sebanyak \$27,599,260 adalah untuk Rancangan Pemulihan dan Penyatuan Tanah dan juga Rancangan Tanah Belia di bawah FELCRA. Dalam tahun 1977 Felcra bercadang akan memulakan 16 buah rancangan dengan kelulusan sejumlah 17,180 ekar. Dari jumlah ini 2 buah Rancangan Tanah Pemulihan seluas 1,368 ekar, 8 buah Rancangan Tanah Pinggir yang luasnya berjumlah 7,737 ekar dan 6 buah lagi Rancangan Tanah Belia yang luasnya 8,075 ekar. Sejumlah 8,775 ekar tanah akan ditanam dengan kelapa sawit, 7,405 ekar akan ditanam dengan getah dan 1,000 ekar akan dijadikan sawah padi. Pelaksanaan projek-projek ini akan memberi faedah kepada 2,020 orang peserta.

Pecahan-kepala 10—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)—\$144,350,420

Peruntukan untuk tahun 1977 adalah berjumlah \$114,350,420. Iaitu peruntukan secara langsung sebanyak \$94,009,420 dan peruntukan secara pinjaman sebanyak \$20,341,000. Peruntukan ini adalah dikehendaki untuk melaksanakan konsep pembangunan iaitu bagi

menempatkan penduduk-penduduk dalam kawasan pembangunan bandar supaya mereka dapat menikmati kehidupan dan kemudahan bandar yang akan mempunyai kemudahan perindustrian serta membolehkan penduduk-penduduk di bandar itu mendapat bahagian di dalam perkembangan perniagaan dan perusahaan bagi mencapai matlamat dasar ekonomi baru negara. Sehingga tahun 1976 Lembaga ini telah merancang 15 buah bandar yang akan dilaksanakan sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Kerja-kerja pembangunan telahpun dimulakan di bandar Pusat Bukit Ridan, Keratong dan Bukit Ibam.

Bagi pembangunan infrastruktur pula beberapa lebuh raya yang penting dalam kawasan Lembaga ini seperti lebuh raya Kuantan/Segamat, Jalan Keratong/Bahau dan Jalan Bukit Ibam/Rompin sedang dalam beberapa peringkat perlaksanaan. Begitu juga dengan bekalan air di mana empat projek akan dilaksanakan menjelang tahun 1980. Projek pertama bekalan air ini iaitu penyediaan bekalan air bagi Bandar 5, 8, 10 dan 12 telah pun dimulakan. Projek kedua ialah bekalan air bagi bandar 16, 17, 19, 20, 22 dan 25 telah pun dimulakan juga.

Bagi perkembangan pertanian, sehingga tahun ini sebanyak 487,000 ekar tanah telah pun diluluskan untuk pertanian. Dari jumlah itu seluas 200,000 ekar telah pun ditanam. Dari jumlah yang diluluskan untuk pertanian seluas 431,000 ekar telah pun diuntukkan bagi tanaman kelapa sawit, 36,000 ekar untuk tanaman getah dan 20,000 ekar untuk tanaman-tanaman lain termasuk jambu gajus, rumput rampai dan penggunaan penyelidikan.

Kerja-kerja pembangunan bandar akan diteruskan bukan sahaja untuk pembukaan dan penyediaan tapak tambahan kepada apa yang telah tersedia tetapi juga termasuk pembangunan rumah kekal, tapak perindustrian dan pembinaan-pembinaan infrastruktur yang lain seperti bekalan air sementara, bekalan elektrik sementara dan jalan-jalan dalam bandar.

Kerja-kerja yang akan berjalan di dalam Kawasan Pahang Tenggara diasaskan kepada usaha-usaha perancangan yang telah berjalan selama empat tahun akan menjadikan tahun 1977 sebagai tahun di mana akan dapat dilihat perkembangan-perkembangan fizikal yang lebih rancak. Ini akan menghasilkan bertambahnya penduduk-penduduk yang akan masuk dan menetap di Kawasan Pahang Tenggara. Pada masa ini ada lebih kurang

12,000 penduduk yang telah menyertai projek-projek yang telah dirancang berdasarkan kepada 5,800 pekerjaan yang telah diwujudkan. Adalah dijangka bahawa dalam tahun 1977 bilangan penduduk ini akan bertambah menjadi 50,000 orang berasaskan kepada 24,700 pekerjaan.

Pecahan-kepala 11—Lembaga Kemajuan Tenggara (KEJORA)—\$75,986,580

Peruntukan sebanyak \$75,986,580 bagi tahun 1977 adalah dikehendaki bagi meneruskan pembangunan dan pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah dimulakan pada tahun sebelumnya dan juga untuk memajukan kawasan-kawasan baru. Peruntukan ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu peruntukan secara langsung sebanyak \$60,441,580 dan pinjaman sebanyak \$15,545,000. Pembangunan yang sedang berjalan dan bersambung bagi tahun 1977 adalah seperti berikut:

PERTANIAN

(a) Kayu Mati

Seluas 3,124 ekar untuk tanaman kelapa sawit.

(b) Ulu Chenas II

Seluas 2,700 ekar untuk rancangan tanah campuran.

(c) Bukit Saga

Seluas 2,400 ekar untuk tanaman getah. Rancangan ini akan dimajukan dengan kerjasama RISDA.

(d) Sungai Lebak

Seluas 6,100 ekar untuk tanaman kelapa sawit.

(e) Sisek

Seluas 1,500 ekar akan dimajukan bagi perusahaan lembu daging.

Kawasan-kawasan baru yang akan dibuka dalam tahun 1977 adalah seperti berikut:

(a) Ulu Chenas I

Seluas 4,500 ekar untuk ditanam dengan kelapa sawit. Rancangan ini akan dijalankan oleh Syarikat Anak KEJORA dan Johor Tenggara Oil Palm Sdn. Berhad.

(b) Sungai Kacur

Di rancangan ini seluas 2,700 ekar tanah adalah untuk tanaman kelapa sawit.

PERUMAHAN

Sebuah Syarikat Perumahan bernama Perumahan Tenggara Sdn. Berhad telah ditubuhkan oleh KEJORA bagi menjalankan projek-projek perumahan di kawasan Johor Tenggara. Sebanyak 780 buah rumah harga murah, 47 buah harga sederhana dan 35 buah buah rumah kedai di tiga buah bandar iaitu Bandar Tenggara, Bandar Penawar dan Bandar Mas akan dibina dalam tahun 1977.

PELANCUNGAN

Bagi pembangunan pelancungan, peruntukan sebanyak \$2,345,000 adalah disediakan bagi menyambung kerja-kerja menyiapkan kompleks kemudahan bagi rancangan pelancungan bagi pelawat harian, hotel kelas sederhana, hotel kelas pertama dan padang golf.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Pembangunan utama bagi tahun 1977 merupakan kerja-kerja meneruskan projek-projek pembinaan jalan-jalan sepanjang 181.5 batu yang dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Di samping itu sepanjang 12 batu jalan-jalan baru akan dimulakan dalam tahun 1977. Peruntukan sejumlah \$40,000,000 secara langsung telah disediakan bagi tahun 1977 untuk pembinaan jalan-jalan tersebut.

BEKALAN AIR

Bagi tahun 1977 ialah telah ditentukan bagi meneruskan rancangan-rancangan bekalan air yang telah dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi dua buah bandar baru, iaitu kompleks pelancungan dan 7 buah pusat penempatan.

Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah

Peruntukan sebanyak \$19,107,620 (Cara Langsung \$17,390,620 dan Pinjaman \$1,717,000) adalah diperlukan bagi menjayakan projek-projek di Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dalam tahun 1977.

Peruntukan sebanyak \$2,538,320 adalah diperlukan bagi menampung keperluan belanja mengurus dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pentadbiran harian Lembaga. Daripada jumlah ini sebanyak \$1,238,320 adalah diperuntukkan untuk pembayaran gaji dan upahan kepada kakitangan Lembaga yang mana dijangka akan bertambah daripada 108 kepada 143 orang pada tahun 1977. \$100,000 akan diperuntukkan bagi latihan untuk mengadakan kumpulan tenaga mahir yang akan membekalkan tenaga pekerja kepada projek-projek pembangunan dan perusahaan di dalam kawasan

Trengganu Tengah terutamanya dalam projek-projek usahasama di mana Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dikehendaki menyediakan pengurusan dan kakitangan. Pegawai-pegawai Professional Dagang anjuran Bantuan Teknik Bank Pembangunan Asia akan meneruskan khidmat mereka dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah pada tahun 1977 dan Lembaga telah diperuntukan sebanyak \$1,200,000 bagi membiayai pegawai-pegawai tersebut yang mana diletakkan di bawah kemudahan-kemudahan. Sebahagian besar daripada pemberian secara langsung iaitu sebanyak \$13,652,300 adalah diperuntukkan bagi kemudahan-kemudahan. Pada tahun 1977 Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah akan meneruskan kerja-kerja pembinaan 3 buah bandar-bandar baru di dalam kawasannya. Kerja-kerja pembinaan ini adalah meliputi perkara-perkara seperti pengukuran dan penyiasatan, pembersihan hutan dan menyediakan infrastruktur fizikal dan sosial bagi pembangunan peringkat pertama bandar-bandar tersebut. Di samping pembinaan 3 buah bandar-bandar baru ini, Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah juga akan menjalankan kajian pelan induk dan kejuruteraan bagi 3 buah bandar lagi mulai tahun 1977.

Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah juga akan melaksanakan berbagai-bagai projek pertanian dan lain-lain projek-projek perusahaan pada tahun 1977 dan pinjaman sebanyak \$1,717,000 adalah diperlukan. Kebanyakan daripada projek-projek ini adalah merupakan projek usahasama di antara Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan syarikat-syarikat swasta atau lain-lain agensi Kerajaan. Peruntukan pinjaman tersebut adalah merupakan peruntukan bagi membiayai ekuiti Lembaga ini di dalam projek-projek tersebut. Projek pertanian, perhutanan dan perusahaan yang dimaksudkan itu termasuklah projek-projek perumahan, projek tanah liat, projek kuari dan projek buah-buahan.

Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak \$16,449,000

Peruntukan Pinjaman sebanyak \$16,449,000 adalah dikehendaki untuk menyambung projek-projek Ladang Empat dan Subis di Miri dan Mukah Kompleks Peringkat 1, 2, 3, dan 4. Projek-projek ini adalah di bawah kawalan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Projek-projek ini mengandungi kawasan seluas 36,000 ekar untuk tanaman kelapa sawit di kawasan-kawasan tersebut.

Sebahagian daripada peruntukan yang dipohonkan itu adalah juga untuk kerja-kerja menyiapkan kilang-kilang kelapa sawit di Lambir-Subis Kompleks berdekatan dengan Miri.

Pecahan-kepala 25 dan 27-31—Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia

Peruntukan berjumlah \$4,592,500 adalah dibahagikan kepada Pecahan-pecahan Kepala seperti berikut :

Pecahan-kepala 25 — Sebanyak \$1,124,500 adalah diperlukan bagi menyambung kerja-kerja penentuan dan ukuran *Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia* yang telah dimulakan pada bulan September, 1974. Kawasan-kawasan sempadan yang terlibat ialah Kalimantan Barat di Sarawak dan Kalimantan Timur di Sabah. Peruntukan sebanyak \$1,124,500 akan digunakan untuk pembayaran gaji dan Elaun Buruh, Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Perhubungan Pembekalan bahan-bahan dan sebagainya.

Pecahan-kepala 27 — *Bangunan Mesin Fotosukat* baru bagi Jabatan ini sudah siap dibina berdekatan dengan Jabatan tersebut dengan menelan belanja sebanyak \$207,000. Peruntukan sebanyak \$20,000 yang diminta itu adalah untuk membiayai wang tahan (*retention money*) bagi projek ini.

Pecahan-kepala 28 — *Mesin-mesin dan Alat-alat* seperti Electronic Plotter mesin cetak dan mikrofيلم dan dan sebagainya hendak dibekalkan dengan peruntukan sebanyak \$1,048,000 yang disediakan itu.

Pecahan-kepala 29 — Peruntukan sebanyak \$650,000 adalah dikehendaki untuk membeli Metrik Ukuran Kadastra yang baru memandangkan kepada keperluan pertukaran Sistem Metrik Antarabangsa.

Pecahan-kepala 30 — Semua peta-peta akan dikeluarkan dalam sistem metrik untuk pertahanan, pembangunan dan kegunaan rancangan-rancangan peta-peta yang bersekil (*scale*) 1:63,360 akan ditukarkan ke sekil 1:500,000. Untuk

melaksanakan projek Penukaran Metrik Pemetaan peruntukan sebanyak \$1,195,000 adalah dikehendaki untuk membeli alat-alat yang sesuai bagi projek ini.

Pecahan-kepala 31 — *Projek Penentuan tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Thailand* yang telah dimulakan dalam tahun 1973 akan disambungkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sempadan Antarabangsa Malaysia/Thailand mempunyai lebih kurang 482 Km (299 batu) sempadan tanah dan 93 Km (58 batu) sempadan sungai berjumlah semuanya 575 Km (357 batu) sempadan. Penentuan dan pengukuran ini dijalankan bersama oleh Juru Ukur Malaysia dan Juru Ukur Thailand. Sehingga akhir bulan Oktober, 1976 penentuan dan pengukuran yang telah siap ialah 156.0 Km (96.8 batu). Baki yang belum siap ialah 419.0 Km (262.2 batu). Penentuan dan pengukuran ini akan memakan masa oleh kerana keadaan tempat dan keselamatan di sempadan masa sekarang. Peruntukan sebanyak \$555,000 bagi tahun 1977 adalah dikehendaki untuk membeli alat-alat bagi projek ini. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan yang tinggi kepada ukuran dan pemetaan untuk pembangunan dan pertahanan. Dasar ini adalah dijalankan dengan sesungguhnya.

Pecahan-kepala 41 — Peruntukan sebanyak \$10,000 adalah dikehendaki bagi tahun 1977 bagi membeli alatulis khas untuk alat sukat air pasang dan juga bagi penyenggaraan stesyen-stesyen sukat air pasang.

Pecahan-kepala 42 — Peruntukan sebanyak \$300,000 adalah dikehendaki bagi tahun 1977 untuk membeli alat-alat ukur, bayaran tambang helicopter dan juga pembelian barang-barang bagi membina tanda-tanda Ukur. Di dalam tahun ini juga adalah dicadangkan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

(1) Bagi memperluaskan kawalan "geodetic"

sepanjang sempadan Sabah — Kalimantan supaya dapat mengawal kerja-kerja ukur sempadan antara-bangsa di antara Sabah dan Kalimantan Timur.

(2) Untuk mengadakan tanda-tanda ukur (bench marks) sepanjang jalan Tambunan ke Ranau dan Sandakan dengan cara "precise levelling".

(3) Untuk memberi kawalan bumi bagi kerja-kerja pemetaan dan untuk tujuan-tujuan "cadastral".

Pecahan-kepala 43 — Peruntukan sebanyak \$200,000 yang diperlukan itu bagi tahun 1977 adalah untuk mengambil gambar foto udara sepanjang 3,000 batu di Sabah bagi tujuan meminda peta-peta.

Pecahan-kepala 44 — Peruntukan sebanyak \$250,000 akan digunakan bagi tujuan:

(1) Bayaran pendahuluan $\frac{1}{3}$ dari harga sebuah kamera jenis klinseh.

(2) Pembelian mesin (setting) jenis foto.

(3) Pemotong kertas letrik.

Pecahan-kepala 45 — Peruntukan sebanyak \$300,000 akan dipergunakan bagi membeli sebuah mesin "degitiser" yang mempunyai keupayaan "peripherals" for digitisation of Natural Resources" bagi peta-peta Sabah dan mengadakan Bank Data untuk kesenangan mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan melalui computer.

Dengan ini Tuan Pengerusi, saya pohon izin supaya peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 66 sebanyak \$24,237,000 dan Pembangunan P. 66 sebanyak \$570,453,010 dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan 1977 bagi Kementerian saya berjumlah semuanya \$594,690,010 diluluskan.

4.08 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai Kepala B. 66. Pecahan-kepala 1100. Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Selalu saya mendengar di Dewan yang mulia ini, ketika menjawab soalan saya sendiri dan juga ketika menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa pentadbiran tanah ini tidak dapat diselesaikan walau sampai bila-bila masa sekalipun. Masaalah tanah ini adalah terlampau banyak, tetapi saya merayu dan berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada perkara yang tidak boleh diselesaikan dan tidak ada sesuatu kekosotan yang tidak dapat dirangkaikan, sedangkan kemerdekaan yang dahulu negara kita dijajah oleh Inggeris yang kuasanya begitu besar dapat kita berunding, berikhtiar untuk mewujudkan balik, inikan pula undang-undang tanah yang pada anggapannya saya boleh jadi telah dikosotkan pada masa pemerintahan Inggeris dahulu. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi: Belum apa-apa, Ahli Yang Berhormat sudah merayu!

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, daripada apa yang saya tahu berkenaan tanah begitu juga hal bersangkutan dengan ugama kerap kali dikuasai oleh Kerajaan Negeri. Ini kerap kali dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tetapi saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan gunakanlah budibicaranya untuk berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya masaalah-masaalah tanah yang saya dapat tahu semenjak 20 tahun dahulu sampai hari ini tidak dapat diselesaikan. Begitu juga tentang hasil-hasil tanah, biasa saya dengar, adalah terlalu mahal jika hendak dibandingkan dengan estet-estet dan sebagainya. Jikalau ditanya, pihak yang berkenaan menjawab ini mengikut Kanun Tanah Negara. Jadi saya merayu walau bagaimana payah sekalipun hendaklah kita rundingkan supaya perkara ini selesai, janganlah menimbulkan kesusahan kepada petani-petani.

Tuan Pengerusi: Ini hasil pendapatankah atau hasil cukai?

Tuan Shaari bin Jusoh: Hasil cukai termasuk pentadbiran tanah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kuala dalam Anggaran Perbelanjaan ini hasil bermakna wang masuk.

Tuan Shaari bin Jusoh: Hasil pentadbiran.

Tuan Pengerusi: Baiklah supaya betul dimasukkan di dalam rekod. Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan. Sebagaimana saya katakan tadi, tentang tanah yang ada sampai 20 tahun tidak selesai sampai hari ini kadang-kadang selepas diminta, ada sampai empat permintaan bertindih. Kadang-kadang diterima wang pertaruhan, kalau ada datang orang lain, kita terima dan pernah berlaku pergaduhan di antara seorang dengan seorang yang lain. Yang paling menyedihkan lagi, selepas ditinggalkan berpuluh-puluh tahun, maka tanah ini terpaksa diambil pesaka. Kita mengakui ada peraturan yang ditetapkan oleh Islam tetapi kadang-kadang undang-undang tanah ini juga terpaksa dibawa ke mahkamah. Kadang-kadang orang yang miskin tidak dapat mengambil lawyer dan sebagainya—saya tidak menuduh lawyer tidak baik. Tetapi tiap-tiap orang mengambil upah tentulah dia berca-dang hendak tolong orang yang menerima wang upahan itu. Dia ambil upah itu ialah hendak membetulkan perkara yang dia hendak tolong. Tetapi pihak orang kampung apatah lagi orang yang miskin kerap kali teraniaya. Jadi saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tolonglah ambil perhatian perkara yang tersebut.

Begitu juga, tentang pegawai. Saya dapat tahu pegawai-pegawai tidak cukup dan selalu disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Kalau Kerajaan-kerajaan Negeri tidak cukup wang, saya berharap pihak Kementerian tolong menambakkannya untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Sekarang saya menyentuh pula tentang hasil. Saya mengesyorkan kalau boleh hasil ini hendaklah mengikut tempat. Kalau tempat itu harga tanahnya tinggi, dinaikkan walaupun sampai \$1,000 pada seekar kerana kedudukan harga tanah tidak sama. Dengan itu barulah kita boleh seimbangkan pendapatan. Ada setengah hasil tanah terlampau sedikit tetapi hasilnya diambil banyak sangat, jika dibandingkan peratus tanah berkenaan. Dengan sebab itu, saya merayu, walaupun

saya kerap kali menyebut “merayu” tetapi kerana tidak ada perkataan lain, saya merayu agar perkara tanah ini janganlah dipecah-pecahkan, kerana ini menimbulkan pergaduhan di antara keluarga yang menuntut pesaka yang masih tidak selesai sampai 20 tahun lebih. Saya merayu Menteri yang berkenaan menggunakan kebijaksanaannya untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala P. 66, muka surat 480—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan tadi banyak kemajuan yang telah dicapai dan ramai rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah mendapat kemudahan dengan adanya rancangan FELDA yang ditaja oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di bawah Kementerian Tanah dan telah mendapat sambutan dan pendapatan yang istimewa daripada penduduk-penduduk yang memasuki rancangan itu.

Di sini saya suka mengesyorkan supaya di Rancangan FELDA ini Kerajaan sendiri mengeluarkan wang bagi tujuan menebas, menebang, menanam dan sebagainya dan membuat rumah-rumah untuk peneroka berkenaan. Maka dengan sebab itu sebelum tiap-tiap peneroka diambil memasuki rancangan tersebut, saya berharap kita adakan satu tempat bagi peneroka yang cukup baik dan taat setia kepada negara supaya jangan lagi berlaku peneroka-peneroka itu selepas diberi keistimewaan menghentam balik pihak Kerajaan dan ada setengah-setengahnya pula mencuri hak FELDA sendiri. Ini kita amat dukacita. Maka dengan sebab itu, saya berharap, kita hendaklah mengeluarkan wang berjuta-juta ringgit untuk mengadakan rancangan itu. Saya berpendapat patutlah Rancangan FELDA itu kita jadikan sebagai satu kampung baru di mana orang-orangnya bagus, taat setia kepada Kerajaan di segenap segi.

Tuan Pengerusi, FELDA juga telah mengadakan rancangan besar-besaran seperti menanam getah dan kelapa sawit. Saya amatlah menyokong. Tetapi saya berpendapat, getah dan kelapa sawit, kita eksport keluar negeri sedangkan untuk keperluan dalam negeri kita tidak digunakan. Ada satu perkara yang mustahak, walaupun ada Belia Peladang melaksanakan projek persawahan tetapi tidak begitu besar sepertimana rancangan menanam getah FELDA. Sedangkan padi pada

hari ini kita masih tidak mencukupi, terpaksa mengimpot daripada Siam dan kadang-kadang ada dibawa masuk dengan cara menyeludup bersama-sama dengan benda-benda berbahaya. Dengan sebab itu saya berpendapat sebagaimana Kementerian ini mengadakan Rancangan FELDA dengan menanam getah, kelapa sawit, tebu dan sebagainya hendaklah juga mengadakan Rancangan Sawah secara besar-besaran. Saya mengesyorkan juga supaya Kerajaan mengadakan satu rancangan, kalau tidak menjadi halangan, izinkanlah saya membuat satu cadangan dengan menamakan Lembaga Kemajuan Sawah Persekutuan. Sebagaimana L.K.T.P. (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), maka saya cadangkan Kerajaan membuat secara besar-besaran

Tuan Pengerusi: Sawah pun tanah juga.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya faham sawah itu adalah tanah yang rendah jadi boleh ditanam padi itu pada pendapat saya. Tetapi kalau tanah biasa, seperti kata Menteri tadi ialah untuk pertanian dan sebagainya, maka sawah pada pendapat saya harus untuk ditanam padi.

Setakat hari ini walaupun ada usaha oleh penduduk-penduduk di kampung tetapi mereka terpaksa menebas sendiri, menebang sendiri. Kalaulah Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan rancangan seperti tanam getah selepas ditebang, ditebas, ditanam dan dibubuh baja barulah diberi kepada peneroka. Saya percaya Kerajaan patut mengadakan rancangan persawahan seperti ini, lengkap dengan rumah seperti yang diberi kepada peneroka pada hari ini. Kalau boleh, saya cadangkan rumah-rumah peneroka hari ini kita ubah fesyennya. Kalau di bandar, kita selalu lihat rumah-rumah flat yang tinggi-tinggi. Maka saya fikir peneroka-peneroka ini pun eloklah diadakan demikian untuk 10-20 keluarga patut diletakkan di satu tempat. Janganlah peneroka itu diletakkan dalam rumah-rumah yang kecil sangat, seolah-olah petani-petani tidak boleh buat rumah bentuk baru seperti yang ada di dalam pekan. Saya tidak maksudkan supaya didirikan bangunan yang terlalu tinggi. Tetapi untuk mengikut keadaan kemajuan, kita tambah sedikit.

Tuan Pengerusi, itulah harapan saya dan saya berharap sangat sebagaimana yang saya syorkan tadi Jabatan Tanah hendaklah

menggunakan kebijaksanaan dan daya usahanya agar masalah tanah ini dapat diselesaikan walau bagaimna rumit sekalipun.

4.20 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Pengerusi, sambil menyokong permintaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya ingin menyentuh dua perkara di bawah Kepala B. 66, Pecahan-kepala 1100 (1), Aktiviti (1) Pentadbiran Am iaitu soal implementasi dan penyertaan bumiputra dalam perusahaan pembangunan tanah serta mengenai hasrat Kerajaan hendak meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memajukan pembangunan serta mempercepatkan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan objektif-objektif sosio-ekonomi kita di dalam konteks pembangunan Dasar Ekonomi Baru dan keselamatan nasional seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebentar tadi.

Tanah merupakan harta terbesar bagi bumiputra. boleh dikatakan keseluruhan negeri kita, tetapi yang malangnya tanah-tanah ini tidak dapat digunakan bagi keperluan mereka untuk dimodalkan secara besar-besaran atau untuk kemajuan pembangunan dengan cepat dan pesat kalau rancangan-rancangan ini dikendalikan oleh bumiputra sendiri.

Tuan Pengerusi, pengalaman yang telah kita lalui dan juga pengalaman yang kita pelajari dari negara-negara yang sedang membangun di wilayah yang berdekatan dengan kita, kita telah membuktikan, bahawa dalam menjalani proses pembangunan, tak dapat tiada, ada pihak yang mesti menjadi korban, terkorban atau berkorban. Saya hendak bercakap sedikit tentang golongan rakyat yang mungkin "terkorban" akibat proses pembangunan ini. Pengorbanan itu mungkin terpaksa mereka alami, kerana mereka tidak mampu bertahan dari arus pembangunan ataupun pengorbanan itu mungkin tidak sengaja ditimpakan kepada mereka.

Di negara kita memang sudah ada Undang-undang Kanun Tanah Negara (National Land Code) yang ada asasny sendiri ialah melibatkan pentadbiran tanah, seperti kuasa dan hak Kerajaan-kerajaan Negeri

dalam pentadbiran tanah, peraturan-peraturan pentadbiran tanah, kuasa dan hak pemilik-pemilik tanah, serta jaminan hak milik tetap, dan juga perlindungan-perindungan yang diberikan oleh Undang-undang Tanah Kawasan Malay Reservation.

Di bawah Undang-undang hak milik tetap di kawasan-kawasan Melayu, pada pandangan saya, perlindungan hak milik atau protection memang sudah dan agaknya cukup diberikan dan hal ini mestilah dikekalkan. Tetapi, Undang-undang Kanun Tanah Negara atau The National Land Code tidak pula pernah menjadi tenaga pembangunan yang langsung atau active development agency. Apa yang diertikan sebagai "pembangunan" di bawah Undang-undang Kanun Tanah itu, ialah kawalan bagi pecahan atau penukaran kegunaan tanah oleh tuan-tuan yang empunya bagi tujuan perniagaan atau bangunan, dan pembangunan menerusi perancangan bandar. Tetapi, kebanyakan daripada pembangunan yang diamalkan dari segi ini, dikendalikan oleh tuan-tuan punya persendirian, dalam lingkungan kawalan Kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga ada tidaknya tanah yang hendak dibangunkan oleh ejensi-ejensi Kerajaan sendiri.

Bagi kawasan-kawasan tanah penempatan Melayu atau Malay Reservation dan juga bagi kawasan-kawasan yang tidak termasuk dalam istilah "Malay Reservation" tetapi dipunyai oleh orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain, "pembangunan" adalah terbatas, atau tuan-tuan punya itu sendiri terkorban oleh arus pembangunan yang saya sebutkan tadi. Ini ialah kerana beberapa sebab:

- (i) Modal untuk membangunkan tanah itu tidak cukup atau tidak ada langsung melainkan diharap semata-mata kepada pihak bank swasta.
- (ii) Ketiadaan atau kekurangan pengetahuan pengurusan yang diperlukan untuk pembangunan.
- (iii) Ketiadaan peluang pemasaran tanah yang cergas bagi kawasan-kawasan itu, dan kalau ada pasaran pun harganya telah di discount terlebih dahulu kalau dibandingkan kawasan yang sama yang berhampiran dengan kawasan yang bukan Reserve Melayu.
- (iv) Ketiadaan atau kekurangan usahawan.

Akta Kanun Tanah Melayu atau Malay Reservation Enactment bagi beberapa buah negeri di negara ini, adalah dimaksudkan sebagai langkah perlindungan bagi orang-orang Melayu supaya pemilikan itu kekal di tangan mereka. Ini amatlah baik. Tetapi, malangnya perlindungan seperti ini telah sebanyak sedikit menghalang atau menyukarkan tuan-tuan punya itu menggunakan tanah tersebut untuk pembangunan. Di samping itu, kita juga dapati keperluan-keperluan asas bagi melaksanakan pembangunan seperti modal yang saya sebutkan tadi pengetahuan pengurusan dan keusahawan kurang didapati walaupun terdapat di kalangan masyarakat lain. Jika ditinjau dari segi peluang pembangunan tanah kawasan-kawasan Melayu itu, saya berpendapat cara pentadbiran dasar dan tujuan-tujuan Enactment Kanun Tanah Kawasan Melayu tahun ketiga puluhan itu haruslah dikaji semula.

Sebagaimana Tuan Pengerusi maklum, setengah-setengah negeri yang tidak ada Malay Reservation sedang membangun dengan pesat. Di negeri-negeri seumpama itu, kawasan-kawasan pertanian yang pernah dimiliki oleh orang-orang Melayu atau kaum bumiputra sedang bertukar milik, kerana kepesatan pembangunan. Pemaju-pemaju swasta yang berkebolehan sedang bertapak dan membiak di kawasan-kawasan yang dahulunya pernah dimiliki oleh orang-orang Melayu. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, lama kelamaan perkara ini berlaku dan dilangsungkan nanti akan timbul pula, satu tanda tanya tentang nasib orang-orang ini.

Pada pandangan saya, ini adalah satu masalah nasional yang harus diatasi kerana kita sedang menghadapi beberapa masalah-masalah yang tertentu.

- (i) Pembangunan kawasan-kawasan Melayu tidak seimbang dengan arus pembangunan kerana perlindungan yang menjauhkan peluang mengumpul modal, ketiadaan pengetahuan pengurusan, dan ketiadaan kecekapan usahawan telah menjadi satu issue yang besar.
- (ii) Perpindahan orang-orang Melayu juga dari tanah-tanah mereka yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan kerana ketiadaan perlindungan bagi tanah-tanah untuk mereka yang sedang menduduki di kawasan-kawasan itu.

Masanya sudah tiba bagi kita menghalusi masalah-masalah ini dan mencari huraian yang agak wajar sedikit. Phenomena masyarakat Melayu dan lain-lain kaum bumiputra seperti ini perlu kepada pembaharuan dan pembaharuan itu mestilah pembaharuan yang sejajar dengan arus pesat pembangunan sekarang ini. Pembangunan yang kita mahu, ialah pembangunan yang seimbang dan "ke-seimbangan" bererti, orang-orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputra yang menjadi korban pembangunan, sebagaimana saya terangkan tadi, mestilah sama-sama merasakan nikmat pembangunan ini.

Modal, pengetahuan mengurus dan keusahawan mestilah disediakan bagi orang-orang Melayu ini dan kita boleh menyediakan keperluan-keperluan asas ini, sama ada:

- (i) Meluaskan lagi peranan agensi-agensi Kerajaan, seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dalam usaha-usaha membangun kawasan-kawasan perumahan.
- (ii) Menolong bumiputra-bumiputra yang sedang membangunkan rancangan-rancangan perumahan.
- (iii) Ini saya agak penting untuk membantu lagi usaha-usaha baik Bank Pembangunan dengan secara menambahkan bekalan peruntukan atau modalnya melalui Bank Bumiputra bagi membolehkan agensi-agensi yang sedang membantu orang-orang ini dan melayan secukupnya keperluan orang-orang bumiputra yang sedang mengalami masalah yang saya sebutkan tadi, atau jikalau tidak Bank Pembangunan itu seharusnya dijadikan Bank Tanah untuk mengatasi masalah ini supaya pada hitung panjang ramai lagi bumiputra dapat peranan yang agak direct.

Bank Tanah bolehlah menjadi punca modal atau pengamanah pembangunan bagi tanah-tanah kawasan Melayu di luar kawasan Malay Reservation.

Bank Pembangunan dan Bank Tanah itu juga boleh mengadakan keperluan-keperluan bagi pembangunan tanah sebagaimana saya sebutkan tadi. Dalam pada itu tugasnya mestilah jangan bercorak pertubuhan dalam pertubuhan, mestilah merupakan satu institusi yang mempunyai modal yang cukup, kuasa-kuasa pentadbiran dan perlaksanaan yang luas serta pengurusan yang agak cekap.

Tuan Pengerusi: Bank Pembangunan tidak termasuk di bawah Kementerian ini.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Agensi sebagai badan untuk membangunkan kawasan-kawasan Malay Reservation.

Tuan Pengerusi: Kalau bab tanah sahaja tak apalah, tetapi peranannya itu terkeluar sedikit daripada Kementerian ini.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Sekiranya tidak, Tuan Pengerusi, ini akan menimbulkan satu masalah dalam soal pembangunan masyarakat. Di negeri-negeri yang mengalami pengorbanan yang saya sebutkan tadi mungkin kekeciwaan atau frustrasi akan timbul dan ini akan menjadi satu tumpuan yang hebat kepada pihak-pihak yang anti-nasional. Jika gejala-gejala ini timbul akan tergugatlah keselamatan negara kita dan akan pincanglah usaha kita hendak mempercepatkan pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru.

4.32 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 66, muka surat 473, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Tanah Persekutuan.

Tanah adalah kuasa Negeri dan Kerajaan Negeri berkuasa ke atasnya. Kita akui akan hakikat ini.

Soal tanah adalah satu perkara yang rumit, kerana ia melibatkan rakyat. Pegawai Tadbiran terdiri dari dua peringkat: (1) Pegawai Tadbir Persekutuan, dan (2) Pegawai Tadbir Negeri.

Adalah difahamkan juga bahawa Pegawai-pegawai tanah akan dilantik khas dan ia mempunyai tugas yang berasingan dengan Pegawai-pegawai Daerah. Ini saya rasa harus diberi pujian, kerana ia dapat melicinkan lagi pentadbiran pejabat tanah.

Perkara pindah milik tanah, adalah satu perkara yang ringan yang boleh diselesaikan oleh Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah. Di luar bandar, mereka ini dikenali dengan nama D.O. atau A.D.O..

Bekas Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Abdul Razak, selalu menegaskan bahawa redtape hendaklah dihapuskan, dan kurangkan meeting dan mengambil tindakan segera. Perkara ini masih lagi berjalan hingga sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Di Negeri-negeri yang mundur, seperti Kelantan dan Trengganu, D.O. dan A.D.O. ini memainkan peranan yang utama dalam daerahnya. Boleh jadi satu daripada faktor yang menyebabkan negeri-negeri itu mundur, ialah D.O. atau A.D.O. itu lembab, atau kurang tenaga berfikir, atau kurang berkemampuan dalam menjalankan tugasnya. Dasar Kerajaan adalah bagus, tetapi perlaksanaannya tidak begitu cekap dan tidak begitu business-oriented dalam menjalankan pentadbirannya khususnya mengenai rakyat. Maka oleh kerana kurang cekap (efficient) menjalankan polisi Kerajaan, maka Daerah masing-masing, kadang-kadang tidak mendapat apa-apa kemajuan. Lihat sahaja di negeri Trengganu dan Kelantan. Kemajuan yang dibuat di setengah-setengah Daerah tidak ada menunjukkan kemajuan. Setengah-setengah D.O. atau A.D.O. ini tidak ada initiative. Ini terbukti. Dari itu, saya mengesyorkan bahawa Mesyuarat Pegawai-pegawai Daerah hendaklah selalu diadakan guna mencari jalan bagaimana dapat memberi menafaat untuk menjalankan projek di Daerah masing-masing. Mesyuarat Pegawai-pegawai Daerah ini, kalau boleh diadakan bergilir-gilir di tiap-tiap Negeri, dan mesyuarat ini tidaklah semestinya diadakan di Kuala Lumpur sahaja. Dengan cara ini saya percaya D.O. dan A.D.O. kita akan sentiasa aktif dan lebih tenaga berfikir di samping memandang jauh ke hadapan dalam membangunkan kemajuan daerah masing-masing. Kita boleh dapati akan kemajuannya dengan hasil-hasil yang dikutip di tiap-tiap Daerah masing-masing. Sekiranya, hasil-hasil yang didapati 10 tahun dahulu sama dengan hasil yang dikutip sekarang, maka ini dapat kita tafsirkan bahawa D.O. atau Pegawai Daerah itu kurang berkemajuan, oleh kerana kurang pembangunan yang dibuat di daerahnya. Yang ruginya bukan sahaja Kerajaan, tetapi juga rakyat.

Saya rasa, Menteri kemajuan Tanah mempunyai bidangkuasa untuk mengwujudkan penyelesaian dalam pentadbiran tanah. Kementerian ini boleh memberi kerjasama

dengan nasihat, atau merupakan pertolongan melalui Badan Petugas (Task Force). Ianya juga boleh dipanjangkan melalui Majlis Tanah Negara (National Land Council). Saya rasa di setengah-setengah Negeri, boleh dipinjamkan Pegawai Tadbir Persekutuan untuk menjalankan projek pembangunan di daerah-daerah yang berkenaan.

Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar boleh diberi faham bahawa Pegawai-pegawai Tadbir Persekutuan, boleh diperbantukan (seconded) untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Dengan pengalaman mereka, saya rasa ini akan menjadi satu asset kepada Negeri itu. Saya berharap Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 480, Kepala Pembangunan P. 66, Pecahan-kepala I—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

FELDA menjalankan berbagai rancangan untuk memberi kemudahan kepada rakyat. Beribu-ribu ekar tanah getah dan kelapa sawit telah dibuka. Hasilnya telah nampak sekarang.

Rancangan Tanah Jengka adalah satu rancangan raksaksa, satu rancangan yang mendapat pinjaman dari Bank Dunia (World Bank). Rancangan ini adalah sebagai satu contoh pembangunan wilayah (regional development) yang diusahakan dengan begitu teratur dan tersusun. Ramai peneroka terutama bekas Pasukan Keselamatan telah diambil menjayakan rancangan tersebut. Begitu juga peneroka-peneroka ini terdiri dari berbagai tempat dan negeri dan ditempatkan dalam satu kawasan rancangan pembangunan yang mempunyai segala kemudahan di dalamnya.

Pemuda-pemuda kita banyak membuat penyidikan Doktor Falsafahnya (Ph.D.). Dari segi kajian yang dibuat bahawa peneroka-peneroka ini terdiri dari berbagai-bagai golongan, daerah dan negeri dan mereka ini mengusahakan rancangan Kerajaan yang pada akhirnya tanah-tanah yang diusahakan oleh peneroka-peneroka ini akan dimiliki oleh mereka sendiri. Ini satu usaha yang berani dan wajar.

Daripada hutan belantara hingga ia menjadi satu kawasan pembangunan yang tersusun, mengikut rancangan-rancangan yang diatur oleh Kerajaan. Semua kemudahan

ada di dalamnya. Dan di satu masa kelak, akan lahirlah intelek-intelek Melayu hasil dari kawasan pembangunan ini.

Tuan Pengerusi, FELDA ada menanam tanaman koko. Rancangannya tidak begitu besar. Tanaman koko, mengikut pasaran sekarang adalah cukup tinggi harganya. Walaupun tanaman koko ini tidak diusahakan secara besar-besaran, namun harganya sangat tinggi dan keperluan dunia adalah sangat menggalakkan. Saya ingin mengesyorkan bahawa tanaman koko ini diperbanyakkan dan diperluaskan rancangannya, seperti mana yang dibuat kepada tanaman getah dan kelapa sawit. Ini bukan sahaja menambahkan hasil negara, malahan menambahkan sumber hasil pendapatan kita.

Tuan Pengerusi, saya berbalik semula kepada muka surat 473, Aktiviti (2) Ukur.

Jabatan Ukur adalah satu Jabatan yang mustahak kepada negara, penting dan strategik. Dalam masa peperangan, Jabatan Ukurlah yang memainkan peranan utama, ia dapat memberikan detail-detail mengenai kedudukan hasil bumi negara kita.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah kurangnya Juru Ukur dari pegawai-pegawai Melayu yang ada dalam Jabatan Ukur ini. Saya rasa usaha-usaha hendaklah dibuat untuk menghantar lebih ramai anak-anak Melayu kita keluar negeri, atau mendapatkan ijazah-ijazahnya dalam mengisi kekosongan ini. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hendaklah memerhatikan akan perkara ini. Kalau perlu, diperbanyakkan lagi biasiswa dalam jurusan ini. Mudah-mudahan kekosongan ini dapat diatasi dengan seberapa segeranya.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

4.40 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya hanya menyentuh dua perkara yang saya anggap adalah mustahak iaitu mengenai Aktiviti (3) Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, atas perkara pentadbiran tanah negara, saya ingin berucap tentang Kanun Tanah Negara berhubung dengan ke-

luaran hak milik kepada rumah-rumah pangsa supaya rumah-rumah pangsa itu dapat dijual kepada penghuni-penghuni pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa Kanun Tanah Negara telah mempunyai peruntukan-peruntukan untuk mengeluarkan hak milik kepada flet-flet bertingkat-tingkat, akan tetapi saya difahamkan kelambatan menjualkan flet-flet kepada orang berpendapatan rendah disebabkan oleh masalah penubuhan Lembaga Pengurusan (Management Corporation) yang bertujuan mentadbir dan menguruskan flet-flet itu selepas dijualkan.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, penubuhan Lembaga Pengurusan di flet-flet tidaklah menjadi apa-apa masalah oleh kerana saya yakin, di flet-flet yang terdapat sekarang di Kuala Lumpur ada penduduk-penduduk yang berkelibar dan layak untuk menguruskan Lembaga Pengurusan itu jika satu Lembaga ini ditubuhkan.

Mengenai perkara penjualan rumah-rumah pangsa kepada golongan berpendapatan rendah, saya difahamkan juga bahawa sebagai yang saya katakan tadi, ada terdapat peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara untuk memberi hak milik kepada penghuni-penghuni selepas flet-flet itu dijualkan. Kelambatan ialah disebabkan oleh masalah Lembaga Pengurusan.

Tuan Pengerusi, oleh hal yang demikian, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil segala langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang merupakan halangan kepada perkara penjual flet-flet kepada penghuni-penghuni mereka.

Saya faham bahawa satu Rang Undang-undang Pindaan telah dibentangkan ke dalam Dewan ini untuk meminda Kanun Tanah Negara mengenai perkara Lembaga Pengurusan dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan yang lanjut terhadap hal ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya menegaskan di sini bahawa penghuni-penghuni flet-flet bertingkat-tingkat di negara kita, khususnya di dalam bandar Kuala Lumpur telah menunggu lama-lama untuk mendapat hak milik flet-flet yang mereka menyewa sekarang, dan saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat membantu penyewa-penyewa flet-flet itu untuk memiliki rumah sendiri dengan secepat yang mungkin.

Atas perkara tanah juga, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu tindakan tipu helah yang selalu dilakukan oleh syarikat-syarikat yang mengeluarkan iklan-iklan dalam surat khabar tempatan berhubung dengan penjualan tanah untuk perumahan. Iklan-iklan dalam surat-surat khabar itu membawa pegertian kepada orang ramai bahawa syarikat-syarikat tersebut ada mengusahakan rancangan kemajuan tanah untuk tapak rumah dan tanah-tanah tersebut bolehlah dibeli oleh orang ramai dengan harga yang murah dan dengan cara bayaran ansuran bulanan yang mudah.

Sebenarnya tanah-tanah yang hendak dijual itu bukanlah tanah-tanah untuk tapak rumah. Di sini ingin saya menyentuh satu syarikat yang baru-baru ini telah mengiklankan dalam surat khabar mengenai tanah-tanah yang hendak dijual kepada orang ramai dan syarikat ini ialah Syarikat Seri Alam Sdn. Bhd. Saya hendak beri satu contoh.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada berkata sungguhpun syarikat yang berkenaan ada memiliki tanah-tanah itu akan tetapi hak milik diberi syarat bahawa tanah-tanah itu hanya boleh digunakan untuk perusahaan pertanian sahaja. Dan semasa Syarikat itu mengeluarkan iklan-iklannya, sebarang tindakan belum pun diambil bagi mengemukakan permohonan kepada pihak yang berkuasa yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran bagi syarat itu ditukar supaya tanah-tanah itu boleh digunakan untuk membina rumah-rumah.

Pendek kata, iklan-iklan yang dikeluarkan itu menyesatkan kerana pembeli-pembeli tanah-tanah itu tidak diberi jaminan bahawa mereka akan tetap dibenar membina rumah di atas tanah yang dibeli itu. Mereka tidak difahamkan bahawa samada mereka akan dapat membina rumah di atas tanah yang dibeli itu adalah bergantung sebulat-bulatnya kepada kuasa budibicara pihak berkuasa yang berkenaan untuk memutuskan samada permohonan yang dikemukakan kelak atau sekarang oleh Syarikat ini bagi menukar syarat, boleh diperkenankan atau tidak.

Sekiranya pihak berkuasa yang berkenaan memutuskan permohonan itu ditolak, maka pembeli-pembeli rumah atau tanah akan tertinggal dengan pemilikan sebidang tanah pertanian sahaja yang harganya adalah tidak setimpal dengan bayaran yang dikenakan. Tetapi oleh kerana kejahilan bilangan besar orang ramai akan selok-belok jual-beli tanah

dan urusan-urusan pentadbiran tanah yang dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa mengenai perkara itu, dan di samping itu adanya keadaan dalam mana orang ramai berkehausan tanah-tanah untuk tapak rumah, maka sebilangan besar telah tertarik hati oleh iklan-iklan itu dan seterusnya telah mengejar dengan bergopoh-gapah ke pejabat Syarikat itu untuk mendapatkan borang permohonan untuk membuat tempahan dan membayar wang tempahan. Berikutan dengan itu, apa yang sudah terjadi? Rancangan-rancangan kemajuan tanah itu telah terbelengkalai dan pembeli-pembeli telah kehilangan wang tempahan mereka.

Pada hemat saya, syarikat itu telah melakukan satu tipu helah dan sebilangan besar orang ramai telah menjadi mangsanya. Tetapi adakah Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syarikat ini untuk mendapatkan pembelaan bagi mangsa-mangsa itu? Setahu saya, sehingga kini belum ada apa-apa tindakan yang akan mendatangkan hasil yang berkesan. Sungguhpun Kementerian ini telah mengumumkan bahawa sebuah Jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengkaji masaalah ini dan membentangkan-syor-syornya, hasil usaha Jawatankuasa Khas itu belum diketahui atau belum nampak. Oleh hal yang demikian, saya suka meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat memberitahu Dewan ini apakah tindakan Kementeriannya akan ambil terhadap syarikat itu atau syarikat-syarikat yang lain yang melakukan tindakan tipu helah seperti itu.

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyeru Kerajaan mengadakan kawalan ketat di atas sesiapa yang mengeluarkan iklan-iklan dalam surat khabar mengenai penjualan tanah perumahan kepada orang ramai. Oleh sebab perkara yang saya berucap tadi ialah ada berkaitan dengan Kanun Tanah Negara, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan dapat memberi satu jawapan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya ada tiga orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, jadi saya bercadang hendak jemput Yang Berhormat Menteri menjawab perbincangan ini lebih kurang pukul 5.30. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Maran dahulu.

4.50 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya suka menyentuh satu dua perkara yang saya agak penting bagi kepentingan masyarakat seluruhnya, terutama sekali di bawah Kepala B. 66 muka surat 473. Pecahan-kepala 1100. Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, perkara kelambatan di dalam hal pentadbiran tanah memang telah menjadi pengetahuan umum. Di dalam bulan September, 1973 Kementerian ini telah mengadakan satu seminar mengenai pentadbiran tanah. Di dalam tahun 1974, Kabinet telah menerima cadangan-cadangan ataupun recommendations yang dibuat oleh seminar tersebut yang melibatkan penyusunan semula keseluruhan jentera pentadbiran mengenai hal-hal tanah. Suatu task force telah dilantik bagi melaksanakan cadangan yang tersebut. Apa yang menjadi kesalan Tuan Pengerusi, ialah jentera Kerajaan yang sentiasa terikat dengan approach traditional terhadap sesuatu masalah yang bermula dengan seminar, kemudian diikuti dengan cadangan, kemudian diikuti pula dengan Cabinet's recommendations kemudian diikuti pula dengan perlantikan jawatankuasa (committee) khas dan kemudian diikuti pula dengan beberapa cadangan sehingga perkara itu menjadi begitu lewat dan apa yang telah dipersetujui di dalam seminar 1973 dan 1974 boleh jadi tidak sesuai dilaksanakan di dalam tahun 1976.

Awal tahun 1975 Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan telah menerima satu delegasi dari Persatuan Peguam Malaysia (Malaysian Bar Council) dan Bar Council, saya ketahui, sangat tertarik hati oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sangat-sangat mengambil berat di atas hal pentadbiran tanah.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa penyusunan semula secara menyeluruh mengenai pentadbiran tanah adalah penting dan sangat-sangat perlu, akan tetapi sebelum penyusunan semula secara menyeluruh ini dapat dilaksanakan, maka tindakan sementara patutlah dibuat, jika tidak masalah yang ada sekarang akan bertambah rumit dan bertambah buruk. Kelewatan di dalam mendaftarkan pindah milik dan gadaian adalah melibatkan berbagai lapisan masyarakat dan akibatnya adalah tidak baik. Misalnya, penjual tanah

yang menjualkan tanahnya tidak memperoleh wang secara serta-merta dan ia terpaksa menunggu sampai berbulan-bulan oleh kerana pembeli tanah akan membenarkan peguamnya membayar wang harga sepenuhnya sehingga pindah milik itu didaftarkan dengan sempurna. Begitu juga keadaannya dengan pengusaha ataupun industrialis. Sungguhpun pengusaha-pengusaha ini telah banyak membelanjakan wang di dalam membuat pekerjaan feasibility study, bank hanya akan meminjamkan wangnya di atas cagaran tanah dan tidak akan mengeluarkan pinjaman itu selagi gadaian tidak didaftarkan.

Satu lagi contoh ialah seorang pemaju hendak memajukan tanah sebagai sebuah projek perumahan. Pemaju ini meminjam misalnya \$1.5 juta daripada sebuah bank di atas cagaran sekeping tanah dan pinjaman tersebut hendak digunakan bagi memajukan tanah yang lain. Rumah-rumah kedai dan rumah kediaman yang dimajukan itu siap dan dijual dan pinjaman bagi pembeli-pembeli pula telah diaturkan dengan sebuah bank lain iaitu bank yang kedua, akan tetapi bank kedua itu tadi tidak akan mengeluarkan pinjaman kepada pembeli-pembeli itu selagi gadaian belum didaftarkan. Katakanlah wang pinjaman yang akan dipinjamkan kepada pembeli itu berjumlah \$2 juta iaitu harga jualan semua rumah-rumah yang telah siap dimajukan itu dan dari wang jualan \$2 juta inilah yang akan dibayar balik oleh pemaju itu di atas pinjaman \$1.5 juta kepada bank yang pertama tadi. Sungguhpun rumah-rumah itu telah siap, akan tetapi pemaju tidak mahu menyerahkan rumah kepada pembeli oleh kerana harga belian belum dibayar sepenuhnya sehingga beberapa bulan menantikan pendaftaran gadaian. Sementara itu bank pertama yang meminjamkan \$1.5 juta tadi telah mengambil tindakan foreclosure. Jadi walaupun penjelasan harga telah dibuat sepenuhnya oleh bank kedua itu tadi, tetapi oleh kerana ia mengambil masa yang begitu lama maka keuntungan habis dibayar kepada faedah bank.

Selain daripada itu, kelambatan seperti ini adalah menjadi sumber korupsi. Penjual tidak boleh menunggu pendaftaran gadaian begitu lama kerana takutkan kerugian yang baru yang disebutkan tadi. Jadi mereka membayar kepada pegawai-pegawai supaya perkara ini dapat dipercepatkan. Pegawai pula mengambil kesempatan di dalam hal ini dengan bayaran yang begitu lumayan, maka banyak terjadi di mana kelambatan itu

sengaja dilakukan oleh pegawai-pegawai itu sendiri. Di dalam hal seperti ini siapakah yang hendak kita salahkan? Adakah sesuai kita mengatakan bahawa korupsi terus berlaku selagi ada yang memberi? Tuan Pengerusi, di dalam hal ini memberi adalah suatu kewajipan kepada pemaju kerana untuk mengelakkan daripada kerugian yang begitu besar. Keterangan yang biasa diberi oleh pihak berkuasa iaitu Kementerian ini ialah Pejabat Tanah kekurangan kakitangan. Ini adalah satu perkara yang sangat benar. Bagi mengatasi perkara ini dan juga perkara sengaja melambat-lambatkan pendaftaran itu, maka saya suka lah mencadangkan seperti berikut:

- (1) Pejabat Tanah hendaklah melantik seorang kerani—biarpun seorang muda ataupun junior clerk di setiap bahagian pendaftaran dan kerani muda ini bertanggungjawab menerima penyerahan dokumen dan kemudian dimasukkan penyerahan tersebut di dalam buku penyerahan di waktu penyerahan itu dibuat. Pengakuan atas penyerahan hendaklah dibuat dengan secara bertulis serta-merta, tuliskan sekali bilangan penyerahan dan lain-lain butir yang berkenaan. Jika penyerahan dibuat melalui pos semua surat-surat hendaklah dibuka di hadapan pegawai kanan dan pemberitahu akan penerimaan dibuat seterusnya. Segala rekod mengenai haribulan diterima hendaklah diadakan, dengan itu dapatlah pegawai-pegawai kanan menyemak dari masa ke semasa iaitu mana dokumen yang dahulu diterima hendaklah didahulukan pendaftarannya dan yang kemudian diterima hendaklah dikemudiankan.
- (2) Pastikan bahawa Pemungut Hasil Tanah (PHT) menetapkan suatu hari dalam seminggu untuk menandatangani dokumen-dokumen, kerana kita tahu Pemungut Hasil Tanah itu semuanya telah berat dengan pekerjaan-pekerjaan lain. Jika PHT tidak berkemampuan masa lantiklah pegawai-pegawai yang berkelayakan membuat kerja itu dan gazetkan nama-nama mereka.
- (3) Adakan pegawai-pegawai sementara. Bantahan akan ada di pihak Kementerian ini di atas sebab-sebab seperti kerani di Pejabat Tanah hendaklah mempunyai pengalaman yang cukup sebelum diberi tugas-tugas khas ataupun kerani sementara tidak sesuai kerana

mereka itu akan cuba melambat-lambatkan kerja dan seterusnya meminta jawatan permaoent dan ketiga ini akan melibatkan peruntukan dan perbelanjaan. Saya mencadangkan bahawa beribu-ribu penuntut universiti yang bercuti hendaklah digunakan kerana mereka ini adalah layak dan boleh membuat pekerjaan seperti ini jika mereka itu dilatih walaupun sehari dua. Bahkan cadangan seperti ini telahpun dibuat oleh Bar Council akan tetapi sambutan Kementerian ini adalah masih dingin.

Satu perkara lagi mengenai cukai setem di atas perkara pindah milik tanah. Apabila borang pindah milik dibuat penyerahannya. Pendaftar akan menentukan samada ianya lengkap untuk didaftarkan. Ini adalah mengikut peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara. Salah satu daripada syarat sebelum ianya diterima sebagai sempurna, borang itu hendaklah dibayar cukai setem secukupnya mengikut harga tanah. Sebelum satu Mac, 1973 ini tidak menimbulkan masalah oleh kerana nilai cukai setem itu berdasarkan kepada nilai balasan ataupun consideration yang memang tertulis di atas borang pindah milik tersebut, tetapi selepas Mac, 1973 sistem penilaian cukai setem ini telah dipinda iaitu hendaklah berdasarkan nilai harga Pasaran tanah yang sebenarnya.

Misalnya, jika seorang bapa hendak memindah milikan rumah kepada anaknya di atas balasan atau consideration \$30,000 maka pihak Pemungut Cukai Setem tidak akan menetapkan cukai setem selagi harta tersebut tidak dinilai sebenarnya mengikut harga pasaran oleh seorang Penilai Kerajaan. Di sini Penilai Kerajaan dibebankan pula satu tanggungjawab yang berat. Ini menyebabkan pindah milik itu memakan masa juga. Pada hemat saya peruntukan pindaan ini tidak harus dilaksanakan dalam keadaan yang ada sekarang ini. Dahulu saya juga telah memberi contoh bahawa oleh sebab keberatan tanggungjawab Penilai-penilai Kerajaan ini maka Penilai di Kuantan telah mengambil masa selama tiga minggu untuk menilai sekeping tanah yang jauhnya setengah batu daripada pejabatnya.

Mengenai hakmilik strata, saya sangat-sangat sukacita dan puas hati oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah

tidak memudaratkan tanah-tanah di bawah Malay Reservation, maka pindaan itu patutlah ditarik semula atau dipinda dengan peruntukan-peruntukan yang sesuai.

5.04 plg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong di atas permintaan Kementerian ini.

Saya ingin menyentuh Kepala B. 66, Pe-
cahan-kepala 1100, Aktiviti (1). Pertama
sekali saya ingin mengatakan di sini bahawa
ini ialah satu Kementerian yang ganjil. Ganjil
kerana ada Menteri, ada Timbalan Menteri,
ada juga pegawai-pegawainya tetapi apa-apa
perkara yang dibangkitkan dalam Dewan
yang mulia ini berkaitan dengan tanah,
jawabannya masalah tanah ialah masalah
Kerajaan Negeri. Jadi apakah tugas pegawai-
pegawai yang begitu banyak yang kita dapati
sekarang. Tetapi alhamdulillah kerana ada
juga Majlis Tanah Negara di mana semua
Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri
Besar yang dianggotai dalam Majlis ini dan
saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan
supaya menggunakan pengaruh beliau dan
budibicara beliau, supaya Menteri-menteri
Besar dan Ketua-ketua Menteri jangan me-
nyalahgunakan kuasa-kuasa yang diberi ke-
pada mereka oleh undang-undang yang ber-
kaitan dengan tanah. Misalnya, tanah TOL
(Temporary Occupation Licence) untuk me-
ngeluarkan geran ini ialah kuasa Kerajaan
Negeri. Tetapi ada ketikanya di mana pem-
ilik-pemilik lesen ini telah memiliki selama
20 atau 30 tahun di mana ketika itu tanah
ini nilainya \$100 satu ekar pun orang tak
mahu, tetapi sekarang sudah 20 atau 30
tahun tanah ini dipagar dengan usaha mereka
sendiri tanpa bantuan satu sen pun daripada
Kerajaan Negeri. apabila hendak dikeluarkan
geran Kerajaan Negeri memerlukan premium
\$1,000 atau \$2,000 satu ekar. Ini sudah men-
jadi harga pasaran. Inilah yang saya kata
jangan menyalahgunakan kuasa, jangan ber-
sifat zalim.

Misal yang kedua, berkaitan dengan Undang-undang Pengambilan Tanah (Land Acquisition Act), apabila tanah-tanah hendak diambil daripada orang-orang perseorangan biarlah ditentukan bahawa kegunaan tanah ini ialah untuk kepentingan orang ramai, bukan untuk digunakan oleh Persatuan-persatuan Belia Peladang di mana anggotanya

terhad kepada satu-satu golongan dan apabila membayar balik gantirugi biarlah memadai, berpatutan dan yang manasabah.

Contoh yang ketiga, apabila dibenarkan oleh Pemungut Hasil Tanah untuk satu-satu keping tanah diambil tanah merah daripada tanah tersebut mestilah disyaratkan supaya jangan menimbulkan masalah kesulitan kepada masyarakat-masyarakat kampung yang berdekatan dengan habuk-habuk debu. Jangan disyaratkan cuma supaya tanah-tanah merah ini jangan mengalir ke dalam sungai-sungai dan sebagainya, mesti disyaratkan juga supaya masyarakat berdekatan tidak menjadi mangsa hasil daripada pengangkutan tanah-tanah merah ini daripada bukit ke laut. Ini saya harap Menteri yang berkenaan menggunakan jasa baik beliau, sebab beliau tidak ada kuasa dalam perkara-perkara berkaitan dengan tanah, menasihat mereka ini, terutama sekali Ketua Menteri, misalnya di Pulau Pinang jangan bersifat zalim.

Lagi satu perkara yang saya ingin menyentuh dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, ialah berkaitan syarat-syarat yang ditetapkan di atas tanah-tanah. Mungkin pada masa zaman penjajah dahulu, mereka ini tak berani masuk dalam hutan-rimba, mereka tengok tanah ini tanah bukit, digezetkan sebagai bukit. Pada hal tanah itu tak sampai 100 kaki tinggi. Ada pula tanah yang sampai 200 hingga 300 kaki tinggi tetapi dia tak gezete sebagai bukit di bawah Land Conservation Act. Jadi, dalam perkara ini saya menyeru kepada Kementerian ini supaya menyemak semula semua tanah-tanah dalam negara ini yang mana tak patut digezetkan sebagai hill land dibatalkan dan yang mana patut digezet sebagai hill land digezetkan, sebab apa yang berlaku sekarang tidak begitu. Ada sekeping tanah lebih kurang 50 kaki tinggi digezetkan sebagai hill land, apabila tanah itu digezetkan sebagai hill land hendak terbang pokok pun mesti dapat kebenaran daripada Pemungut Hasil Tanah dan hendak gali lubang pun mesti mendapat kebenaran daripada Pemungut Hasil Tanah. Jadi, syarat-syarat yang tertentu tidak patut diberi.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Jabatan Ukur. Ini sudah menjadi pengaduan umum di atas kelambatan mengeluarkan geran-geran apabila tanah-tanah itu dipecah-pecahkan. Jadi, saya harap satu jalan mestilah dicari supaya dapat mempercepatkan, sebab di zaman sains dan teknologi, di

zaman pembangunan ini banyak mereka memerlukan supaya tanah-tanah dipecah-pecah dan dijual untuk didirikan rumah-rumah. Apabila proses ini dilambat-lambatkan, kesulitan dan masalah banyak akan timbul.

Begitu juga berkaitan dengan Jabatan Galian. Kita selalu mendengar bahawa lombong-lombong ini pecah, manusia-manusia terkambus. Adakah ini bermakna bahawa jabatan-jabatan ini dan Pengarah Tanah dan Galian tidak menjalankan tugas-tugas beliau dengan sempurna. Sungguhpun ada Suruhanjaya ditubuhkan apabila sesuatu lombong pecah, tetapi habis satu Suruhanjaya, satu lombong lain pecah, habis satu Suruhanjaya, satu lagi lombong pecah.

Jadi, yang menjadi masalah, Tuan Pengerusi, dua kesimpulannya, Yang Pertama, pegawai-pegawai ini tak mahu menjalankan tugasnya. Yang kedua, apa yang disebut oleh rakyat umum yang kurang faham dalam selok-belok ini mengatakan ini tentu sudah ada kira. Apa maksudnya itu saya sendiri tak faham, tapi inilah apabila perkara-perkara ini berlaku, perkataan-perkataan mengatakan ini sudah ada kira. Mereka ini sudah masuk. Untuk mengelakkan ini, saya harap supaya Kementerian ini mengawasi betul-betul perkara ini supaya menyelidik. Kalau kita hendak kata mereka ini tidak pandai, mereka pakar.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pendaftaran pindah milik. Saudara saya dari Maran tadi telah membangkitkan perkara ini dengan panjang lebar. Sungguhpun begitu, kalau dua, tiga minggu baru siap, pada fikiran saya ini satu kejayaan. Kalau dibandingkan dengan di Pulau Pinang tiga empat bulan pun belum siap. Sebabnya Pejabat Setem satu bangunan Pejabat Penilaian Tanah lain bangunan, Pejabat Pendaftaran Pindah Milik lain bangunan, dan jarak di antara tiap-tiap satu bangunan ini lebih kurang 300-400 ela. Inilah yang menyebabkan kelambatan. Apakah salahnya jika ketiga-tiga jabatan yang berkaitan dalam pemindahan milik ini disatukan. Pada masa ini tidak. Pejabat Setem dekat district, Pejabat Penilaian dekat bangunan Bank Negara, Pejabat Tanah dekat bangunan Syed Putra. Jadi kelambatan yang timbul ini ialah hasil daripada tidak sempurnanya, menempatkan pejabat-pejabat ini.

Lagi satu kesilapan terutama sekali di Pejabat Tanah di Negeri Pulau Pinang. Banyak kesilapan-kesilapan yang telah berlaku di dalam pendaftaran dalam kenyataan-kenyataan dan dalam rekod-rekod Pejabat Tanah, dalam extract of titles dan interim register. Jadi apabila kesilapan-kesilapan ini dapat dikesan oleh pemilik-pemilik tanah dan kesilapan-kesilapan ini dilakukan oleh pegawai-pegawai di Pejabat Tanah, pada fikiran saya, eloklah kesilapan ini dibetulkan sendiri pada pegawai yang berkenaan kerana peruntukan telah diberi dalam Kanun Tanah Negara di mana kesilapan ini berlaku pegawai ini dapat membetulkan. Tetapi apa yang berlaku sekarang tidak. Apabila kita tunjuk bahawa ini satu kesilapan yang dibuat oleh mereka, ini terpaksa kena ambil court order. Ini jawapannya, mesti pergi court untuk membetulkan. Padahal peruntukan telah diberi dalam Kanun Tanah Negara untuk pegawai-pegawai ini sendiri untuk membetulkan kesilapan. Tetapi ini tidak dibuat. Mereka suruh kita sendiri pergi minta court order. Memang boleh ambil court order tapi ini akan mengambil masa dan akan melibatkan perbelanjaan. Jadi inilah sedikit-sebanyak saya minta Kementerian ini mengambil perhatian dan teguran-teguran yang saya buat dan pandangan-pandangan yang saya buat ini cuma tidak lain dan tidak bukan demi kebaikan.

5.08 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya suka menyebutkan di sini satu dua perkara iaitu mengenai Kepala P. 66 dan Pecahan-kepala I iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyampaikan rayuan-rayuan, kemusykilan-kemusykilan daripada pihak peserta Rancangan FELDA ini yang banyak mengalami nasib yang kurang baik. Sebab dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, ada satu Rancangan FELDA yang agak tertua iaitu Rancangan FELDA Chalak. Dalam rancangan ini kepada peserta-peserta yang bernasib baik, Alhamdulillah, mereka dapat dalam \$10—\$15 satu hari, tetapi kepada peserta-peserta yang kurang bernasib baik yang maksud saya iaitu tanah-tanah yang ditentukan kepada peserta yang kurang bernasib baik terkena bencana

alam. Di samping kebetulan tanah-tanah berpaya yang tidak dapat ditanam dengan pokok-pokok getah, dan ada banyak peserta-peserta yang menerima nasib seperti ini yang sekarang ini berpendapatan amat kecil sekali. Jadi, rayuan-rayuan yang diterima ini supaya sekurang-kurangnya pihak FELDA ini dapat menimbangkan mengenai pemotongan hutang yang dipotong kepada peserta-peserta ini ataupun dapat pihak yang berkenaan ini mengusahakan tanaman semula kepada tanah-tanah yang pokok getahnya itu telah termusnah dan tidak dapat mengeluarkan hasil, ataupun satu cara yang dapat diikhtirakan iaitu mencantumkan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai peserta yang memang kawasan-kawasannya juga kurang pokok getah supaya dapat membantu peserta-peserta ini menambahkan pendapatan beliau dan bagi membolehkan beliau itu menyempurnakan hutang-hutang yang dikenakan ataupun syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak FELDA kepada peserta ini. Jadi di antara perkara-perkara yang saya sebutkan itu saya minta pihak FELDA membuat kajian yang teliti mudah-mudahan dengan ini dapat memberi pertolongan kepada peserta-peserta yang bernasib kurang baik ini.

Tuan Pengerusi, mengenai FELDA ini juga ialah masalah pengambilan ataupun menempatkan peserta-peserta baru. Barangkali mungkin oleh kerana kebetulan di dalam kawasan saya memang ramai orang-orang yang miskin yang terdiri daripada kaum nelayan, sebab itulah Tuan Pengerusi sendiri mungkin acap kali mendengar rungutan daripada saya mengenai rayuan-rayuan kemudahan-kemudahan kepada orang-orang miskin. Umpamanya, dalam penempatan peserta-peserta baru kalau hendak dikira peserta dari Trengganu ditempatkan di Pahang, ini memang tidak jauh. Saya akui tidak jauh tetapi saya banyak menerima rayuan-rayuan lebih-lebih lagi sekarang ini musim tengkujuh dan di saat akhir ini FELDA telah memanggil ramai peserta-peserta baru kepada rancangan-rancangan. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasihlah oleh kerana banyak rakyat di dalam kawasan saya yang dijemput untuk memenuhi ataupun mengambil tempat peserta baru. Masalahnya ialah masalah perpindahan banyak jugalah yang tidak mampu hendak berpindah ke kawasan yang ditentukan. Perkara yang seperti ini memang rasa kecil dan agak ganjil kalau saya sebutkan

tetapi kalau diselidik ada di antara yang di-jemput itu ataupun yang ditentukan itu memang betul-betul tidak berupaya lebih-lebih lagi sekarang ini musim mereka itu tidak dapat bekerja.

Apa yang saya minta di sini samada boleh dipertimbangkan peserta-peserta ini kepada kawasan-kawasan yang berdekatan sekiranya ada, kawasan-kawasan yang berada di dalam negeri Trengganu itu sendiri sekiranya masih ada kawasan-kawasan kosong. Sekiranya tidak ada kawasan-kawasan kosong yang boleh ditempatkan mereka itu, saya merayu kepada pihak FELDA ini agar dapat menimbangkan sekiranya bakal peserta-peserta ini membuat rayuan supaya ditangguhkan mereka memenuhi tempat yang ditentukan sehingga dapat berikhtiar mencari kewangan bagi membolehkan mereka berpindah ke kawasan-kawasan yang ditentukan.

Selain daripada itu mengenai masalah kemudahan sosial. Oleh kerana ada beberapa kawasan di Rancangan FELDA di dalam kawasan saya yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan sosial dan kerap kali apabila saya melawat ke kawasan-kawasan itu, inilah yang ditimbulkan supaya dibuat rayuan dan rayuan inipun telah dibuat juga, mungkin pihak Kementerian ini belum mempunyai kewangan. Tetapi saya suka mengulangi di sini diberilah perhatian yang berat dan bersungguh-sungguh supaya kawasan-kawasan FELDA yang baru ini diberi kemudahan-kemudahan sosial.

Begitu juga mengenai jalan-jalan. Jalan-jalan di dalam kawasan FELDA ini ada yang sejak FELDA dibuka sehingga sekarang masih belum diperbaiki. Oleh kerana kita semua sedia maklum bahawa di tiap-tiap rancangan FELDA kebanyakan tanahnya berbukit-bukit dan berlorong-lorong, ada setengah-setengah jalan di dalam kawasan FELDA tidak dapat dilalui tetapi tidak diperbaiki. Jadi inilah yang saya merayu di sini supaya dapat diberi perhatian mengenai pembaikan jalan-jalan yang ada di dalam kawasan FELDA.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka menyebut sedikit mengenai Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Oleh kerana kebetulan dua hari yang lepas, kita berbincang di sini dan pihak Wakil Rakyat termasuklah saudara saya dari Balik Pulau, Pulau Pinang merayu mengenai kemudahan jalan keretapi di negeri Trengganu sebagaimana yang telah ternyata bahawa

negeri Trengganu adalah salah satu negeri yang ada di Semenanjung Malaysia ini tidak merasai nikmat keretapi, itu memang sudah menjadi nasib rakyat negeri Trengganu. Tetapi apa yang mendukacitakan saya apabila desakan-desakan ini dibuat di dalam Parlimen ini lebih-lebih lagi dirasakan oleh saudara saya daripada Pulau Pinang

Tuan Pengerusi: Minta jimatkan masa Yang Berhormat, ini tidak bersabit dengan keretapi di sini, bersabit dengan tanah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Kalau dapat keizinan Tuan Pengerusi, saya maksudkan kemudahan jalan dalam Rancangan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah.

Tuan Pengerusi: Jalan ini barangkali di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya. Sebutkan perkara yang tepat dengan Kementerian ini sudahlah. Ada seorang lagi Ahli yang sudah tiga kali berdiri hendak bercakap, saya hendak benarkan beliau berucap dua tiga minit.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Kalau dapat keizinan daripada Tuan Pengerusi, sebab saya nampak di sini ada peruntukan mengenai jalan.

Tuan Pengerusi: Kalau ada peruntukan boleh sebut.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan di sini dengan sehabis-habis ringkas ialah jawapan yang diterima daripada Menteri Perhubungan sewaktu beliau mengunjungi Trengganu khusus untuk menentukan projek seperti ini dalam Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Jawapan yang kita terima ialah beliau telah datang ke Trengganu dengan helicopter untuk ditunjukkan di manakah tempat-tempat yang menasabah untuk dibina jalan keretapi. Beliau tidak mendapat sambutan ataupun kerjasama daripada pihak Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Saya tidak tahu di manakah silapnya di antara kedua belah pihak ini. Itulah sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya hendak beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok berucap dua tiga minit dan maaf saya tidak nampak Yang Berhormat berdiri dua tiga kali tadi.

5.29 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi tahun 1977 yang berjumlah sebanyak \$594,690,010. Tuan Pengerusi, saya akan menghadkan ucapan saya dalam tempoh lebih kurang lima minit sahaja, iaitu Kepala B. 66, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am dan Kepala Pembangunan 66, Pecahan-kepala (1)—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Pecahan-kepala (5) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA).

Saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa beberapa masaalah yang ada hubungan secara langsung dengan pentadbiran tanah khususnya di Kelantan. Saya difahamkan bahawa Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 yang dipinda oleh Akta A336/76 menimbulkan kerumitan bagi rakyat dan juga Kerajaan apabila sesuatu projek yang melibatkan pengambilan balik tanah. Hasil daripada kerumitan ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan satu Memorandum berhubung dengan soal itu. Semenjak berjalannya Akta itu daripada tahun 1960 hingga kepada 29hb Februari, 1976 tidak begitu banyak kesulitan yang timbul dalam hal pengambilan tanah untuk kegunaan am kerana bayaran gantirugi yang dibayar menurut Akta No. 34/60 itu dipercayai memuaskan dan mencukupi sesuai dengan kehendak Article 13 (2) Perlembagaan Malaysia.

Sejak berjalan kuatkuasanya pindaan Akta A336/76 ini banyaklah tuduhan-tuduhan dilemparkan kepada Kerajaan kerana tuantuan tanah yang terlibat dalam suatu pengambilan balik tanah tidak puas hati disebabkan dua perkara:

- (i) Bayaran gantirugi yang dibuat berpandu kepada Jadual Pertama Akta yang telah dipinda itu adalah diasaskan di atas jenis kegunaan tanah. Bayaran yang dibuat dengan cara ini jauh didapati lebih rendah daripada harga pasaran bagi tanah itu serta tidak pula mencukupi dalam ertikata menurut Article 13 (2) Perlembagaan Malaysia.
- (ii) Bayaran gantirugi yang dibuat dalam pengambilan balik tanah sebelum Akta itu dipinda berpandukan Jadual Pertama yang lama adalah menurut harga pasaran dengan tidak mengambil kira tentang jenis kegunaan tanah itu.

Cara ini, Tuan Pengerusi, adalah lebih menepati kehendak-kehendak Article 13 (2) Perlembagaan Malaysia, kerana ianya realistic dan boleh diterima oleh pihak tuan-tuan tanah yang berkenaan.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, yang menunjukkan perbezaan nilai harga tanah yang dibuat sebelum dasar Akta itu dipinda, tanah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris, Sultan Ismail, Kota Bharu, nilai tanah sebelum Akta ini dipinda ialah \$35,000 seekar dan selepas dipinda antara \$4,000 -- \$6,000 seekar.

Tuan Pengerusi, FELDA. Saya meminta supaya proses pembukaan tanah di bawah rancangan FELDA di Negeri Kelantan dipercepatkan supaya ianya dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang mana soal kewangan tidak lagi berbangkit, kerana kita sedia maklum bahawa peruntukannya terkandung di dalam belanjawan negara.

Pembukaan tanah melalui Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) hendaklah juga diberi pertimbangan yang serius di Kelantan kerana setakat ini aktiviti atau kegiatan FELCRA di Kelantan adalah terlalu kecil tidak sepertimana di Perak, Johor dan juga Melaka.

Akhir sekali, saya suka menarik perhatian Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ke arah perlaksanaan pembukaan tanah di bawah Pembangunan Wilayah di Ulu Kelantan yang telah diumumkan beberapa ketika dahulu. Setahu saya Pembangunan Wilayah Kelantan Selatan ini merangkumi satu kawasan yang luasnya tidak kurang daripada 2.6 juta ekar. Memandangkan kepada projek ini sebagai kawasan yang begitu luas, sudah tentu ianya akan mengubah pendapat rakyat jika ianya terlaksana sepertimana yang telah diumumkan. Akan tetapi apa yang mendukacitakan saya bahawa setakat ini proses ke arah penubuhan secara reality belum lagi jelas. Tambahan pula melihat kepada Anggaran Belanjawan Kementerian tidak termasuk peruntukan bagi projek ini. Oleh hal yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah benar-benar mengambil perhatian berat terhadap Pembangunan Wilayah Ulu Kelantan supaya ianya menjadi suatu kenyataan sesuai dengan pengumuman yang telah dibuat secepat mungkin.

5.34 ptg.

Datuk Haji Mohd. Amri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berucap di dalam Anggaran Belanjawan, baik biasa atau pembangunan dalam Kementerian saya pada petang ini. Bolehlah dikatakan bahawa pada dasarnya Ahli-ahli Yang Berhormat itu menyetujui terhadap Anggaran Belanjawan ini sendiri, cuma ada beberapa teguran yang disentuh yang sebahagian besarnya tertumpu kepada soal-soal atau masalah pentadbiran tanah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sukalah saya menyatakan bahawa soal pentadbiran tanah ini seperti mana jawapan dalam soal mulut pada hari semalam, saya telah jelaskan bahawa masalah pentadbiran tanah terutamanya dari segi menyelesaikan perkara-perkara tanah yang ada kaitan dengan orang ramai, perkara ini memang tidak dapat diselesaikan dengan begitu sahaja. Penyelesaian yang hakiki memang tidak didapati dengan kerana bila kita telah menyelesaikan satu-satu permohonan, datang permohonan baru dan kadang-kadang oleh kerana kekurangan kakitangan yang diselesaikan itu tidak seimbang dengan yang baru datang. Jadi, dalam ertikata apa yang telah dijelaskan oleh saya pada hari semalam bukanlah bermakna maksudnya perkara ter-bengkalai yang sekarang ini tidak akan dapat diselesaikan sampai berpuluh-puluh tahun. Tetapi apa yang saya maksudkan bengkalai yang ada diselesaikan dan akan timbul bengkalai baru. Hal seperti ini apa yang kita harapkan ialah supaya jumlah bengkalai itu akan bertambah kurang dari setahun ke setahun dengan berjalannya susunan-susunan baru yang kita telah atur pada masa sekarang ini.

Saya tidak hendak memberi jawapan satu persatu dengan menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang menegur atas perkara ini, memadailah saya menyebut perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Masalah pentadbiran tanah ini, Tuan Pengerusi, benarlah seperti apa yang disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pada satu masa dahulu dalam tahun 1973 Seminar Pentadbiran Tanah telah dibuat, tahun 1974 diluluskan oleh Kabinet, kemudian barulah tahun 1975 ditubuhkan

Jawatankuasa Petugas. Pada anggapan Ahli Yang Berhormat itu bahawa cara seperti ini adalah merupakan satu cara yang lambat, satu cara yang boleh dianggapkan sebagai mempusakai tradisi lama dalam pentadbiran tanah. Tetapi cubalah kita fikir dengan tenang takkanlah satu-satu keputusan seminar yang diambil itu boleh diluluskan oleh Jemaah Menteri tanpa mengkajinya dengan cermat samada dari segi keupayaan perlaksanaannya, dari segi implikasi pelaksanaan terhadap keputusan-keputusan itu. Kabinet terpaksa mengkaji tiap-tiap satu daripada keputusan seminar itu dengan cermatnya oleh pakar-pakar atau orang yang ahli bekerja di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesudah itu barulah dibawa kepada Kabinet dan akhirnya barulah perlaksanaannya dijalankan satu persatu, itupun jika pelaksanaan itu bersentuh dengan kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri, maka kadangkala pelaksanaan itu agak terlambat oleh kerana pihak Kerajaan Negeri juga akan mengkaji dengan cermatnya implikasi yang akan menyentuh Kerajaan Negeri itu sendiri, seperti cadangan untuk mengasingkan Perkhidmatan Tanah dengan Perkhidmatan Daerah supaya memudahkan kerja-kerja tanah oleh pegawai-pegawai yang memang terlatih khas untuk urusan tanah.

Cadangan ini sampai sekarang tidak dapat dilaksanakan 100% malah dapatlah saya menyatakan bahawa perlaksanaannya ini tidak pun sampai 20%, oleh kerana sebahagian daripada Kerajaan Negeri terpaksa pula mengkaji, apakah cadangan ini benar-benar sesuai dengan keadaan situasi dan polisi yang ada pada Kerajaan Negerinya sendiri.

Dengan demikian, tidak semua keputusan seminar itu dapat dilaksanakan, samada oleh pihak Kerajaan Pusat mahupun oleh pihak Kerajaan Negeri. Akan tetapi dalam hal-hal yang dapat dilaksanakan sebagai melicinkan pentadbiran tanah semuanya dapat berjalan dengan baik. Pada dasarnya, kedudukan pentadbiran tanah yang ada pada hari ini jauh lebih tersusun dan lebih baik daripada pentadbiran-pentadbiran tanah pada masa 10 atau 20 tahun yang lampau. Walaupun saya pernah dengar ada orang berkata bahawa pentadbiran tanah di zaman penjajah lebih teratur daripada pentadbiran tanah pada masa sekarang. Barangkali peraturan pentadbiran tanah pada masa penjajah kerana tidak banyak rakyat yang memohon tanah dan tidak banyak masalah tanah yang boleh diselesaikan oleh beberapa kerat kerani dan

beberapa orang pegawai sahaja dalam sesebuah negeri. Tetapi perkembangan pembangunan dengan merdekanya negara dan dengan pesatnya pembangunan negara, maka jumlah pemohon tanah berlipat-lipat kali ganda dan masaalah tanah pun berlipat-lipat kali ganda. Jadi tidak dapat kita samakan di zaman dahulu dengan zaman sekarang. Kalaupun sistem zaman penjajah dahulu kita pakai sekarang ini, saya percaya tidak akan dapat diselesaikan langsung masaalah yang ada pada hari ini. Jadi pada hakikatnya pentadbiran tanah pada hari ini adalah jauh lebih maju daripada pentadbiran tanah 10-20 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, saya masih belum puas hati. Sebab itulah usaha dan ikhtiar masih dicari dan diusahakan supaya pentadbiran itu akan bertambah baik dari satu masa ke satu masa.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan tentang soal Kanun Tanah Negara, Akta Simpanan Tanah Orang Melayu dan sebagainya. Ini memanglah pada pandangan saya, pandangan yang diberikan itu mengandungi niat yang baik. Tetapi tidak bolehlah kita katakan bahawa Kanun Tanah Negara tidak akan menjadi undang-undang yang aktif dari sudut pembangunan tanah sebab Kanun Tanah Negara itu ialah suatu undang-undang untuk mengawal dan mentadbirkan sistem pentadbiran tanah dan perkara hal ehwal tanah supaya tidak berlaku sebarang kekusutan dan pertikaian yang boleh menimbulkan keadaan huru-hara di dalam negara kita ini.

Jika hendak dilibatkan Akta atau Kanun Tanah Negara dengan soal pembangunan tanah maka ini juga memberi erti bahawa dengan adanya Kanun Tanah Negara akan dapat memberi jaminan bahawa orang yang berhak terhadap tanah itu tetap terjamin oleh undang-undang.

Tuan Pengerusi, ada Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa seringkali bila perkara hal pentadbiran tanah dibawah ke dalam Parlimen ini pihak Kementerian ini memberi jawabannya terlalu mudah, urusan tanah ialah urusan Kerajaan Negeri sehingga sampai keluar pertanyaan daripada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat: kalau begitu apa kerja Kementerian ini? Tanah hak negeri, apa yang dapat dibuat oleh Kementerian dalam bab tanah? Sehingga sampai dia nampak apa yang dapat dibuat oleh Kementerian dalam hal tanah ialah soal Majlis Tanah Negara semata-mata.

Saya rasa ini tidaklah benar. Tidakkah sampai apabila soal tanah itu hak negeri sampai Kementerian ini tidak ada kerja langsung. Seperti saya telah nyatakan bahawa walaupun tanah itu hak Negeri tetapi soal penyelarasan pentadbiran tanah antara negeri dengan negeri mestilah ujud. Maka penyelarasan itu diwujudkan melalui Majlis Tanah Negara dan Jabatan Tanah Persekutuan pun menjalankan tugasnya untuk memberi nasihat dan arahan-arahan kepada pegawai-pegawai tadbir tanah di peringkat negeri-negeri supaya dasar penyelarasan tanah itu tetap terjamin dan terpelihara dengan baik.

Misalnya tentang soal kedudukan tanah yang dikatakan tanah tinggi atau tanah rendah dan sebagainya. bila kita hendak tanam getah, tidak dapat kebenaran umpamanya, tidakkah dapat disalahkan kepada soal pentadbiran tanah semata-mata. Sebab bila tanah itu hendak ditanam getah dan sebagainya. ada berkaitan dengan beberapa Jabatan Kerajaan daripada Kementerian-kementerian lain terutama Jabatan Pertanian misalnya. Sebab dia mesti bertanggungjawab bahawa tiap-tiap tanaman itu terjamin, tanamannya subur dan akan mengeluarkan hasil. Jadi dengan demikian jelaslah kepada kita bahawa kalau kelambatan berlaku dalam perkara-perkara yang seperti itu bukanlah kelambatan itu dengan kerana disengajakan tetapi terpaksa melalui kaedah-kaedah itu sendiri. Memang benar kita tidak berkehendakkan banyak red tape. Tetapi kalau sekiranya tidak ada langsung peraturan, melangkau meja dan melompat kemeja maka habislah fail-fail bertaburan kalau tidak ada ikatan red tape. Kita tidak hendakkan banyak red tape. Satu dua itu padalah, tetapi kalau langsung tidak ada red tape, fail akan terbang. kalau kena angin perlahan pun akan terbang. Sebab itu kita kena beringat di antara dua kaedah hendak cepat bila ikut aturan itu mesti dapat diselarasakan supaya pentadbiran kita tidak merupakan pentadbiran yang kucar-kacir, pentadbiran yang mengikut kehendak dan nafsu semata-mata.

Tuan Pengerusi, ada seorang Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh perkara strata title, perkara hendak memberikan milik bangunan yang bertingkat seperti bangunan rumah pangsa sehingga sampai ada yang minta jaminan supaya perkara itu benar-benar akan berlaku.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pada bulan November yang lepas rumah yang mulia ini telah dikemukakan dengan suatu Rang Undang-undang untuk bacaan kali yang pertama iaitu Rang Undang-undang untuk membuat beberapa pindaan terhadap Seksyen 355, 356, 362, dan 367 dalam Kanun Tanah Negara. Undang-undang inilah yang menyentuh soal Management Corporation seperti yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Memang dengan adanya Kanun Tanah Negara sekarang ini pun pemberian milik terhadap rumah pangsa itu boleh dilakukan. Tidak ada satu undang-undang yang menghalang daripada dilakukan. Tetapi pihak Kerajaan berkehendakkan supaya rumah-rumah pangsa itu terjamin keselamatannya, maka perlulah ada Management Corporation dan untuk mengadakan itu terpaksa diadakan beberapa pindaan di dalam Kanun Tanah Negara itu sendiri. Saya berharap, insya Allah, dalam persidangan Dewan Rakyat kali ini Rang Undang-undang ini akan dapat diselesaikan.

Yang kedua, ada Ahli Yang Berhormat tadi menyentuh perkara ujudnya sebuah syarikat iaitu syarikat berkenaan dengan mengeluarkan iklan menjual tanah. Syarikat ini menyediakan tapak-tapak rumah dengan harga yang murah dan dengan bayaran beransur kepada tuan tanah. Jadi dia merasa risau bahawa syarikat ini samada telah melakukan penipuan atau tidak terhadap rakyat. Pada anggapan saya tadi dalam ucapan Yang Berhormat itu semacam suatu tuduhan sudahpun dikeluarkan bahawa syarikat itu telah melakukan satu penipuan terhadap rakyat.

Sebenarnya, perkara ini sudah ada di dalam perhatian Kementerian ini dan kita sudah menjalankan penyiasatan yang rapi untuk menentukan masalah ini. Sebenarnya, Syarikat SRI ALAM SDN BHD ini telahpun dijemput oleh pihak Kementerian saya sendiri dan telahpun kita menjalankan penyiasatan, melihat Undang-undang Tubuh-nya, Memorandumnya dan Articles of Associationnya tentang bagaimana syarikat itu, adakah syarikat itu sebuah syarikat yang telah didaftarkan dan ada kehendak-kehendak, peraturan syarikat itu bagi membolehkannya membeli dan membangunkan tanah. Maka kita dapati bahawa sesudah dibaca isi memorandum syarikat itu pada Seksyen 3 (ii)—Syarikat SRI ALAM SDN BHD ini berhak membeli dan membangunkan tanah. Dan pada memorandum itu

mengatakan dengan tegasnya bahawa pemegang saham syarikat itu adalah 4 orang, tidak perlu saya sebutkan namanya. Syarikat ini telah menjalankan kerjanya dengan membeli beberapa keping tanah, kemudian dibuat plot-plot di atas pelan dan dijual plot itu dengan surat. Kita telah melihat surat-surat perjanjian atau contoh-contoh surat perjanjian yang dibuat oleh Syarikat ini.

Pada 7hb Disember, 1976 kita telah menerima surat-surat contoh perjanjian itu. Ada dinyatakan bahawa jika tanah yang tersebut iaitu tanah yang telah dijual plotnya kepada orang ramai tadi jika tanah itu tidak diluluskan "pecah sempadan" atau "pecah lot" dan tidak diluluskan untuk menjadi rancangan perumahan oleh Kerajaan Negeri Selangor maka semua pembeli yang telah membuat pertaruhan melalui surat-surat perjanjian itu akan menjadi tuan-tuan tanah berkongsi atas tanah tersebut.

Tentulah pembeli-pembeli tanah itu dengan sendirinya pada anggapan saya telah membaca surat-surat perjanjian itu sebelum membayar wang pertaruhan. Saya tidak percaya ada orang yang membeli barang dengan tidak tahu bentuk rupa barang itu hendak mengeluarkan \$500, \$800 atau \$1,000 bukanlah mudah pada orang yang miskin, dia mesti membaca surat itu, jadi ini satu hal yang kita rasa dengan perbuatan yang dibuat itu pada anggapan kita tidaklah merupakan satu penipuan, kecualilah kalaulah mungkin diambil wang dengan menggunakan surat perjanjian cara lain. Syarikat ini ada membeli tanah 100 ekar di Sepang Negeri Selangor yang mengandungi tiga suratan hakmilik. Syarikat ini telah membayar kepada tuan punya tanah itu dengan harga \$90,000. Pembayaran telah selesai. Tanah ini menjadi harta syarikat, tiba-tiba tanah ini terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk kawasan Pejabat Daerah Sepang oleh Kerajaan Negeri Selangor. Satu problem telah timbul. Jadi, menurut keterangan yang telah diberikan, syarikat ini telah memulangkan balik wang pertaruhan kepada mereka yang telah menempah tanah itu, dan syarikat juga telah menerima balik wang daripada tuan punya tanah. Tanah itu telah kembali kepada tuan asalnya kerana tanah itu rupa-rupanya terlibat dengan pembangunan pejabat.

Ada lagi beberapa contoh lain yang telah dibuat dan di antara banyak-banyak contoh itu hanya satu contoh sahaja lagi yang agak

sedikit membimbangkan iaitu satu ladang yang dibeli oleh syarikat ini luasnya lebih daripada 500 ekar. Ini akan melibatkan dengan undang-undang atau dengan Akta baharu berkenaan dengan estet, berkenaan dengan fragmentation terhadap tanah-tanah ladang. Jadi, itulah perkara-perkaranya yang kita telah siasat. Setakat hari ini belum lagi pihak kita menerima sebarang sungutan rasmi daripada pembeli-pembeli secara pecahan-pecahan plot ini bahawa dia telah ditipu oleh syarikat ini. Jika ada pengaduan, tindakan bolehlah diambil, tetapi walau bagaimanapun, saya percaya sebuah syarikat bumiputra seperti ini, kalau benar-benar berminat untuk memajukan rancangan tanahnya, pihak Kerajaan perlulah memberikan perhatian yang berat. Memberikan perhatian dalam ertikata menjayakan syarikat di atas kadar yang menasabah supaya syarikat tidak akan rugi dan supaya pembeli-pembeli itupun akan dapat faedah daripadanya. Apa yang kita tahu benda seperti ini akan berlaku salah satu daripada dua, samada syarikat ini sendiri akan membangunkan projek-projek perumahan, kalau dia membangunkan projek perumahan, dia mestilah bertanggungjawab dengan pembinaan infrastruktur. Ini menelan belanja yang besar yang mungkin syarikat ini menanggung kerugian akibat daripada harga tanah yang dijual begitu murah, ataupun dia jual plot tanah sahaja dan rakyat mendirikan rumah. Ini akan melibatkan Kerajaan Negeri atau Penguasa Tempatan bagi mengadakan infrastruktur. Jadi, keduanya keadaan ini menimbulkan keadaan serba salah. Sekarang ini pihak Kementerian masih lagi mengkaji perkara ini dan perkara ini akan dilaporkan kepada sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji dan menghalusinya dengan secukupnya.

Tuan Pengerusi, dalam soal pentadbiran tanah ini ada juga dibangkitkan oleh seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi tentang pengambilan balik tanah, dengan adanya Akta Pengambilan Tanah di bawah pindaan baharu Jadual I harga atau nilai bayaran harga tanah kepada rakyat telah berubah daripada dahulunya dinilai mengikut harga pasaran, berubah kepada nilai mengikut jenis kegunaan tanah itu sendiri. Biasanya tanah-tanah orang kita ini walaupun tanahnya termasuk dalam bandar, kalau masih lagi jadi tanah padi, tanah padilah ataupun di pinggir bandar tanah padi, tanah padilah. Di waktu orang menilai tanah padi, takkanlah tanah padi naik harga sampai \$30,000 sedangkan tempat duduk tanah itu

di sebelah menyebelahnya telah dibeli oleh orang dengan harga \$30,000 atau \$40,000 maka jatuhlah harga tanah padi tadi kepada \$4,000 seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi ada tanah yang asalnya sepatutnya berharga \$30,000 turun menjadi 3, 4, 5, atau \$6,000 sahaja. Ini memang disadari oleh pihak Kementerian dan perkara ini telahpun dibangkitkan di dalam Majlis Tanah Negara. Dan saya sukacitalah memberikan jaminan bahawa Majlis Tanah Negara sesudah mengkaji hal ini dari semua sudutnya, maka satu Rang Undang-undang akan dikemukakan dalam persidangan ini juga bagi membuat satu pindaan baharu terhadap Akta Pengambilan Tanah Negara bagi membolehkan penilaian harga itu kembali kaedah yang sekurang-kurang hampir sama dengan kaedah yang lama. Dengan yang demikian, rakyat pun tidaklah teraniaya dengan peraturan-peraturan yang begitu ketat pada masa sekarang. Sebenarnya pihak Kerajaan mengadakan peraturan sekarang dengan begitu ketat, ada tujuannya tetapi rupanya tujuan yang baik itu terkena—melibatkan orang-orang yang sepatutnya tidak dilibatkan dan dengan yang demikian kita terpaksa mengubahnya. Insya Allah, mudah-mudahan pada hari Isnin depan, saya akan kemukakan Rang Undang-undang itu untuk bacaan kali pertama dan seterusnya dalam persidangan ini juga akan diselesaikan. Dan kalau tidak dibuat dengan serta-merta, pembangunan negara pun terhalang, kerana banyak Kerajaan Negeri telah menengguhkan pengambilan tanah itu, dengan sebab masalah-masalah sosial dan masalah-masalah politik juga timbul di dalam perkara ini, jadi tidak timbul lagi masalah itu sekarang.

Berkenaan dengan pembangunan wilayah di Ulu Kelantan, hal ini masih dalam proses. Pegawai-pegawai Kerajaan telah menyediakan kertas kerja yang cukup dan pihak Kementerian telah campurtangan dalam perkara ini, tetapi dukacita tidak sempat perkara itu dimasukkan dalam anggaran tahun ini. Sebab seperti mana yang kita tahu hendak mewujudkan satu pembangunan wilayah atau regional development memakan masa yang lama. Umpamanya, kita katalah Pahang Tenggara ataupun DARA sebuah regional development, setahun, dua tahun itu masih merupakan peringkat pengkajian semata-mata belum sampai kepada peringkat perlaksanaan lagi. Saya harap mudah-mudahan, pada tahun

akan datang peruntukan mungkin dapat diadakan dengan pandangan yang baik daripada Yang Berhormat Perdana Menteri kita dan juga anggota-anggota Kabinet seluruhnya dapat dikemukakan perkara ini dengan sebaik-baiknya apabila kertas kerja disusun dengan sebaik-baiknya oleh Kerajaan Negeri dan diterima baik oleh pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hal-hal yang berlaku dalam FELDA soal jalanraya dan sebagainya, ini soal yang sentiasa timbul pada tiap-tiap kali mesyuarat. Ada jalanraya dalam FELDA itu sepatutnya dibaiki oleh Kerajaan Negeri tetapi pihak Kerajaan Negeri tidak mahu lagi menerima jalan itu, masih belum mahu menerima jalan itu sebagai jalan Negeri sedangkan FELDA tidak mempunyai peruntukan terhadap membaiki jalan itu kerana jalan itu jalan negeri. Ini ada sedikit sebanyak problem. Peruntukan memang ada tahun ini untuk jalanraya dalam rancangan kawasan FELDA tetapi peruntukan itu terpaksa ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang baharu dibuka dan kita harap mudah-mudahan, kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri akan dapat diatasi perkara jalan yang telah dimasukkan atas nama jalanraya Negeri itu sendiri.

Selain daripada berkenaan dengan FELDA Chalok, Besut terhadap tanah-tanah yang kurang bernasib baik yang kena bencana alam dan sebagainya. Ini saya rasa pihak FELDA akan membuat kajian yang cermat dan akan mencari jalan bagaimana supaya peneroka-peneroka FELDA tidak akan terkena aniaya ataupun tidak menempuh kesukasan dan kesulitan.

Memang sudah wujud kerjasama antara Jabatan Ukur dengan pihak Jabatan Tanah sekarang ini. Jadi kelambatan bagi mengeluarkan geran sesudah dipecah-pecah itu bukanlah di pihak Jabatan Ukur semata-mata tetapi masalahnya bergantung kepada soal teknik antara Jabatan Ukur dengan Jabatan Tanah dan Jabatan-jabatan yang lain juga. Pada masa sekarang ini sebenarnya urusan ukur tanah adalah berjalan dengan baik, hanya tanah-tanah yang ada masalah (problem) sahaja seperti kita katalah problem tanah ada timbul pada beberapa buah negeri seperti negeri Perlis dan juga negeri Pulau Pinang. Di negeri Perlis ini masalahnya mungkin timbul jika sekiranya tanah itu belum lagi diselesaikan oleh Bahagian Penyelesaian Tanah. Apabila tanah belum selesai, dia tidak dapat menerima geran baru, maka pe-

nyelelesaian terhadap tanah itu masih rumit dengan kerana ada setengah-setengah tanah itu pesaka-mempesakai dua tiga keturunan, penyelesaian pesakanya masih belum dibuat tetapi tanah yang sudah selesai dibuat oleh land scheme ataupun badan penyelesaian tanah di Perlis, ini saya rasa tidak adalah timbul masalah lagi. Kerja-kerja penyelesaian tanah itupun sudah hampir tamat.

Adapun masalah yang timbul di Pulau Pinang pula ialah masalah hendak mengubah kedudukan jenis tanah yang dahulunya tertakluk di bawah undang-undang British di zaman penjajah kepada taklukan Akta Kanun Tanah Negara. Hal ini memakan waktu yang agak panjang dan kita terpaksa menyambung lagi kuasa kepada Kerajaan Pulau Pinang dalam tempoh yang agak panjang sedikit bagi menyelesaikan kerja-kerja menukarkan lot-lot cara lama kepada lot-lot cara baru dan mendapat geran-baru. Dengan mendapat geran baru ini senanglah hendak diselesaikan.

Akhirnya, satu perkara yang saya rasa patut saya sentuh iaitu perkara tanah rezab, tanah-tanah simpanan Melayu. Walaupun Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu menyatakan memang tujuannya untuk mengadakan tanah simpanan Melayu itu baik dan menasabah bagi menyelamatkan tanah-tanah orang-orang Melayu kita daripada tergadai, terjual atau sebagainya tetapi kesan balas yang kita terima, tanah-tanah itu payah hendak dimajukan, kerana kebetulan bumiputra atau orang Melayu ini tidak mempunyai modal yang cukup untuk memajukan tanahnya sendiri, lebih-lebih lagi tanah dalam bandar. Maka dengan sebab itu, ada seolah-olah yang merupakan semacam saranan patut atau tidak tanah-tanah Malay Reservation itu dikeluarkan daripada Malay Reservation atau sebagainya bagi memajukan tanah itu. Di dalam negeri-negeri yang tidak ada tanah rezab Melayu, negeri itu maju, pembinaannya maju. Memanglah dari segi kemajuan negara, itu memang betul. Di negeri-negeri yang tidak ada tanah rezab Melayu dalam bandar, bandar itu menjadi maju, banyak bangunan besar tetapi dari segi kedudukan nasib golongan bumiputra dari satu pihak yang lain perlu juga diberikan perhatian apa akan jadi kepada mereka apabila negeri itu sudah maju. Apabila tanahnya sudah dibangunkan rumah-rumah batu yang besar apa akan jadi kepadanya, kalau rumah batu itu bukan kepunyaannya.

Ada satu kaedah yang dibuat oleh setengah-setengah negeri, iaitu kaedah dengan jalan Kerajaan Negeri dengan kuasa yang ada padanya boleh membenarkan tanah-tanah seperti itu dileasekan atau dichargekan kepada mana-mana bank bagi mendapatkan pinjaman dan memajukan tanah itu dengan bangunan-bangunan dan hasilnya memang berjaya. Ini bergantunglah pula kepada pihak bank itu samada mahu menerima atau tidak, percaya atau tidaknya kepada kaedah seperti itu, sebab bank-bank ini kadang-kadang dia terpaksa juga memikirkan dua kali hendak menerima charge tanah-tanah yang bersifat Malay Reservation itu, sebab apabila berlaku sebarang kecuaiian pembayaran balik kelak, tanah-tanah itu tidak dapat hendak dibuka tender kepada seluruh bangsa melainkan dari golongan bumiputra atau orang Melayu sahaja. Tetapi saya percaya bahawa kaedah seperti ini merupakan satu langkah maju kedepan selangkah lagi dalam menolong dan menyelesaikan tanah-tanah bumiputra dalam bandar-bandar di samping kita mengharapkan adanya perbadanan-perbadanan Kerajaan Pusat yang akan cuba memberikan bantuan kepada bumiputra di dalam memajukan tanah dalam bandar ini sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak adalah benda lagi yang saya hendak jawab dan mana-mana yang saya tidak sempat jawab itu bukanlah bernakna saya tidak memberi perhatian, tetapi saya rasa bahawa apa yang saya jawab itu ialah perkara-perkara yang penting. Adapun tentang soal yang lain, tentang hendak menambahkan koko, itu memanglah menjadi dasar FELDA sekarang ini hendak mempelbagaikan, bukan sekadar kelapa sawit dengan getah sahaja, sebab koko itu sedikit pada masa sekarang ini sebab dia dalam perintis. Bila sudah dapat hasilnya, dapat dinilai ukuran luas tanah dengan hasil yang didapati, baru dapat ditentukan berapa ekar satu orang boleh pegang sebagai acreage yang ekonomi. Demikian juga kopi, dicuba dahulu. Kalau tidak dicuba begitu, nanti rakyat tidak percaya dan dia tidak mahu terima. Rakyat kita ini biasa dia suka terima pokok kekal. Kalau getah kita nampak 15 tahun baru ditebang, kalau kelapa sawit dia nampak. Kalau macam koko, kopi ataupun teh belum tahu lagi. Jadi kita terpaksa buat satu kajian yang memakan waktu dari segi kesesuaian tanah dan dari segi benih-benih yang sesuai, dari segi hasil yang akan didapati dan dari segi keluasan yang perlu diberikan kepada peneroka-peneroka. Ini semuanya mendapat perhatian.

Pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain itu saya ambil sebagai perhatian kepada Kementerian ini dan pandangan-pandangan sebagai nasihat yang baik, akan diterima oleh pihak Kementerian ini untuk dilaksanakan dari satu masa ke satu masa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,237,000 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$570,453,010 untuk Kepala P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Kepala B. 38 (Jadual)

Kepala B. 38 (Anggaran Pembangunan, 1977)--

6.08 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya bagi tahun 1977 berjumlah \$541,865,670. Dari jumlah ini sebanyak \$450,178,100 adalah bagi Belanja Mengurus di bawah Kepala Bekalan B. 38 dan \$91,687,570 pula bagi Belanja Pembangunan di bawah Kepala Pembangunan P. 38. Anggaran Belanja Mengurus untuk Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$367,454,100; manakala bagi Sarawak \$40,970,000 dan Sabah \$41,754,000. Tambahan bagi Belanja Mengurus berbanding dengan peruntukan tahun 1976 ialah sebanyak \$81,346,000 atau kira-kira 22.1% manakala bagi Belanja Pembangunan pula Kementerian saya mendapat peruntukan yang kurang dari tahun 1976. Kekurangan ini adalah sebanyak \$1,128,550 atau 1.2% jika dibandingkan dengan Anggaran Pembangunan yang diluluskan bagi tahun 1976. Pada keseluruhannya peruntukan yang dipohon ialah 17.4% lebih dari jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, mengikut aktiviti, peruntukan tahun 1977 ialah seperti berikut:

(i) Pentadbiran Am	...	...	\$	13,685,000
(ii) Perkhidmatan Setor	...	...		6,385,000
(iii) Perkhidmatan Latihan	...	...		11,117,000
(iv) Perancang dan Pembangunan	...	...		673,000
(v) Perkhidmatan Kesihatan Awam	...	...	...	106,135,000

(vi) Perkhidmatan Pergigian ...	\$ 22,968,000
(vii) Perkhidmatan Penyelidikan	4,260,000
(viii) Perkhidmatan Rawatan Pesakit	284,505,000
Jumlah ...	\$450,178,100

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk meringkaskan secara ringkas butir-butir penambahan di bawah tiap-tiap aktiviti seperti yang saya nyatakan tadi.

Pentadbiran Am

Jumlah yang dipohonkan di bawah aktiviti ini adalah sebanyak \$13,685,000. Ini merupakan penambahan kira-kira 10.4% dari jumlah wang yang diluluskan untuk tahun 1976. Aktiviti Pentadbiran Am adalah merupakan aktiviti sokongan yang sangat penting. Tanpa pentadbiran yang cekap lagi cergas, aktiviti lain tidak akan berjalan dengan lancar dan licin. Penambahan peruntukan bagi aktiviti ini adalah disebabkan kenaikan gaji tahunan dan penambahan jawatan yang sangat-sangat diperlukan.

Setor dan Bekalan

Di bawah aktiviti Setor dan Bekalan peruntukan yang dipohonkan ialah sebanyak \$6,835,100 iaitu kira-kira 48.3% melebihi anggaran tahun 1976. Antara sebab penambahan peruntukan untuk aktiviti ini bagi tahun 1977 adalah disebabkan berikut:

- (i) Penambahan kakitangan-kakitangan akibat perkembangan pesat Pentadbiran Setor, dan
- (ii) Pembelian alat-alat radas dan mesin-mesin baru untuk mengganti alat-alat lama di Setor Makmal Ubat Petaling Jaya serta menambahkan alat-alat kelengkapan di tempat yang sama.

Dalam tahun 1977 juga satu Setor Kawasan di Bukit Mertajam akan siap. Sementara itu di Petaling Jaya pula satu Pusat Kawalan Makmal Kebangsaan dijangka akan memulakan pentadbirannya pada akhir tahun 1977. Makmal ini akan mengendalikan penyiasatan-penyiasatan dan kajian-kajian serta mengawal mutu dan kualiti dadah di dalam negara kita.

Latihan

Tuan Pengerusi, semenjak ucapan belanjawan saya tahun lalu, Kementerian saya terus

memberi keutamaan kepada latihan. Peruntukan yang dipohon di bawah aktiviti ini ialah \$11,117,000 iaitu 14.1% melebihi anggaran 1976. Matlamat utama aktiviti ini ialah untuk mendapatkan tenaga manusia terlatih dan cekap untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Perancangan dan Pembangunan

Peruntukan yang dipohon di bawah aktiviti ini ialah \$673,000. Ini merupakan tambahan sebanyak 20.4% dari peruntukan 1976 sebanyak \$559,000. Tugas aktiviti ini adalah bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek fizikal Kementerian saya. Di samping itu juga aktiviti ini bertanggungjawab mengumpul dan menyimpan rekod-rekod perubahan.

Kesihatan Umum

Aktiviti Kesihatan Umum memerlukan \$106,135,000 iaitu penambah sejumlah \$16,813,000 berbanding dengan anggaran tahun 1976 iaitu penambahan kira-kira 18.8%.

Perkhidmatan Kesihatan Umum adalah bertujuan untuk meninggikan darjah kesihatan penduduk terutama sekali di kawasan-kawasan luarbandar untuk membolehkan mereka mengambil peranan yang lebih bagi mencapai kemajuan sosial dan ekonomi negara keseluruhannya.

Untuk menambah mutu perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak, Kementerian saya akan menaikkan taraf Klinik Bidan ke Klinik Desa di mana bidan-bidan akan diberi latihan selama enam bulan untuk melayakkan mereka memberi perkhidmatan rawatan dan kesihatan yang berkesan dan tidak hanya perkhidmatan perbidanan sahaja. Sehingga tahun 1975 seramai 288 bidan telah dilatih untuk dijadikan jururawat desa. Selain daripada itu Kementerian saya juga melatih bidan-bidan kampung. Setakat ini 1,500 bidan kampung telah dilatih dan pada tahun 1977 Kementerian saya akan melatih 500 lagi bidan kampung.

Kementerian saya akan juga menjalankan beberapa kempen khas untuk mengawal kesihatan ibu dan kanak-ka ak. Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan yang sekarang sedang dijalankan di 13 daerah di negeri Pahang, Trengganu, Kelantan, Kedah dan Selangor, akan dikembangkan lagi ke 17

daerah pada tahun 1977, meliputi keseluruhannya kira-kira 2.25 juta penduduk. Selain daripada itu 22 daerah telah dipilih meliputi 2,730,699 penduduk di mana aktiviti-aktiviti intensif dalam bidang kesihatan keluarga akan dijalankan dengan bantuan daripada Bank Dunia dan United Nations Fund for Population Activities (UNFPA) mulai daripada tahun 1977.

Dalam bidang makanan tambahan pula, ibu dan kanak-kanak yang kurang sihat diberi susu sekim sebagai tambahan kepada makanan biasa. Jumlah penduduk yang menikmati perkhidmatan ini dalam tahun 1976 adalah 79,000 orang yang terdiri dari kanak-kanak yang kekurangan zat, ibu-ibu mengandung dan ibu-ibu yang menyusu. Dalam tahun 1977 bilangan ini akan bertambah kepada 81,000 orang.

Sementara itu Kempen Kawalan Cacing Kebangsaan yang telah bermula dalam tahun 1974 dan telah dikembangkan dalam tahun 1975 untuk meliputi 266,000 orang murid sekolah dan dilanjutkan bagi tahun 1976 di mana dijangka 300,000 murid sekolah terlibat akan diteruskan. Dalam tahun 1977 ini dijangka bahawa projek ini akan dapat memberi faedah kepada 600,000 orang murid-murid sekolah.

Kementerian saya adalah memberi perhatian yang berat juga kepada Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling dan adalah dicadangkan bahawa dalam tahun 1977 ini 40,000 tandas akan dibina di luarbandar yang dianggarkan meliputi 250,000 penduduk luarbandar. Ini bermakna menjelang akhir 1977 lebih 1.1 juta penduduk luarbandar akan menggunakan tandas curah. Satu rancangan penting dalam Kempen Kebersihan Kawasan Sekeliling ialah membekalkan bekalan air minum ke dalam rumah daripada punca air yang berdekatan, melalui pam dan gravity. Setakat ini 235,000 penduduk telah dibekal dengan pam dan 5,745 dengan sistem gravity. Adalah dicadangkan pada tahun 1977 membekalkan 60,000 penduduk dengan 1,200 pam tangan dan 12,000 melalui sistem gravity yang disalurkan ke rumah melalui 24 sekim air gravity.

Satu daripada aktiviti-aktiviti Kesihatan Umum juga ialah kawalan penyakit-penyakit berjangkit. Rancangan yang akan dijalankan bagi tahun 1977 pertamanya ialah bagi mengawal denggi. Di samping itu Kementerian saya akan terus menjalankan usaha-usaha

Rancangan Membasmi Malaria, Kawalan Mutu Makanan, Perkhidmatan Rancangan Keluarga dan lain-lain aktiviti Kesihatan Umum.

Pergigian

Peruntukan bagi aktiviti Pergigian bagi tahun 1977 adalah dipohonkan sebanyak \$22,968,000, iaitu penambahan sebanyak 17.1% Perkembangan perkhidmatan pergigian dijalankan dengan memberi keutamaan kepada kawasan luarbandar dan rawatan pergigian kanak-kanak sekolah dengan mengadakan lebih banyak lagi kelinik-klinik Pergigian Sekolah di negara. Bagi tahun 1977 ini Kementerian saya bercadang untuk menambatkan lagi bilangan skuad pergigian di samping pembinaan kelinik-klinik gigi dan penambahan bilangan pakar-pakar gigi.

Di samping itu Kementerian saya juga terus mengadakan rancangan memfloraidkan air. Rancangan peringkat kedua yang dimulakan pada tahun 1976 akan disambungkan ke tahun 1977 di samping menjalankan peringkat ketiga projek tersebut. Setakat ini kira-kira 35 buah loji memfloraidkan air telah dipasang dan dijangka pada pertengahan tahun hadapan kira-kira 30 lagi loji akan dapat disiapkan dan menjalankan perkhidmatannya. Adalah dijangkakan apabila kedua-dua peringkat ini siap kelak lebih kurang 6 juta rakyat akan mendapat munafaat daripada projek ini.

Penyelidikan

Tambahan peruntukan yang terkecil sekali iaitu kira-kira 2.8% sahaja telah dipohonkan untuk aktiviti Penyelidikan. Tahun 1976, peruntukan bagi aktiviti ini adalah \$4,145,030 manakala untuk tahun 1977 pula peruntukan yang dipohonkan ialah \$4,260,000. Selain daripada menjalankan penyelidikan terhadap penyakit-penyakit tropika, ianya juga menjalankan tugas-tugas memberi penentuan dan rujukan kawalan serta nasihat kepada hospital dan kelinik di seluruh negeri. Dalam menjalankan tugas penyelidikan ini, Kementerian saya juga adalah bekerjasama dengan lain-lain pertubuhan penyelidikan antarabangsa.

Rawatan Pesakit

Aktiviti terakhir ialah aktiviti Rawatan Pesakit yang memohon sebanyak \$284,505,000 atau kira-kira 63.2% dari jumlah peruntukan di bawah Belanja Mengurus keseluruhannya. Tambahan bagi aktiviti ini ialah sebanyak \$56,071,000 iaitu tambahan sebanyak kira-kira 24.5%.

Kementerian saya telah juga ditugaskan untuk mengurus pengesahan dan rawatan bagi penagih-penagih dadah. Untuk menjalankan tugas-tugas ini Kementerian saya telah mengadakan beberapa pusat pengesanan di beberapa tempat di seluruh negara iaitu Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Permai, Hospital Besar Kota Bharu, Hospital Bahagia, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Daerah Kuala Kubu Baru dan Hospital Besar Seremban. Pada masa ini kira-kira 240 buah katil disediakan bagi rawatan ini. Kementerian saya juga sedang mengambil langkah untuk membuat penyebaran Pusat Rawatan Jiwa dari dua buah Hospital Besar, iaitu Hospital Permai dan Hospital Bahagia kepada Hospital-hospital Besar yang lain yang terdapat di seluruh negara. Dengan adanya penyebaran ini Kementerian berharap masalah perhubungan di antara pesakit-pesakit jiwa dengan keluarga mereka akan dapat diperbaiki dengan beransur-ansur.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sarawak

Di bawah Perkhidmatan Kesihatan tekanan akan terus diberi kepada memperbaiki kesihatan penduduk-penduduk luarbandar. Rancangan Pelajaran Kesihatan dan Kawalan Vektor yang dimulakan dua tahun yang lalu akan diperkembangkan lagi. Perkembangan juga akan dibuat kepada Aktiviti Perancang Keluarga yang mula diperkenalkan dalam Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak ada tahun ini. Bagi kesihatan luarbandar, 13 Yunit Klinik Desa tambahan dan 1 Yunit Pusat Kesihatan akan disiapkan, di samping 2 Yunit Dispensari Bergerak dan 2 Yunit Sub-Dispensari. Perkhidmatan Doktor Terbang akan diteruskan. Di bawah Perkhidmatan Rawatan Pesakit, 100 katil tambahan akan disediakan di hospital-hospital di daerah Marudi dan Sibul, juga pembukaan hospital baru di Serian.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sabah

Perkembangan dan peliputan Perkhidmatan Kesihatan Umum di Sabah akan terus diberi perhatian pada tahun 1977. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maklum Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di negeri tersebut hanya dimasukkan dalam kawalan Kementerian saya dalam tahun 1971 dan segala langkah yang perlu disediakan untuk mencapai tujuan di atas, antara lain, ialah mengembangkan rancangan latihan su aya

tenaga yang mencukupi dapat disediakan. Dalam usaha ini tekanan juga diberi bagi meninggikan taraf kebersihan alam sekeliling dan pemakanan bagi penduduk-penduduk terutama sekali di luarbandar. Jabatan Perubatan Sabah akan mengambil alih perkhidmatan Dispensari yang pada masa ini dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Tanah Sabah (Sabah Land Development Board). Selaras dengan perkembangan ini Negeri Sabah mendapat tambahan kakitangan sejumlah 11.4% dalam tahun 1977.

Anggaran Pembangunan

Peruntukan bagi Anggaran Pembangunan untuk tahun 1977 ialah \$91,687,570 berbanding dengan \$92,816,120 bagi tahun 1976. Daripada jumlah untuk tahun 1977 ini, \$76,442,460 adalah untuk projek-projek pembangunan di Semenanjung Malaysia, \$7,430,040 untuk Negeri Sarawak dan \$7,815,070 untuk Negeri Sabah.

Semenanjung Malaysia

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada Rancangan Kesihatan Luarbandar. Bagi tujuan ini wang sejumlah \$10 juta diuntukkan dalam tahun 1977, untuk membina Pusat-pusat Kesihatan Besar baru, menaikkan taraf Pusat-pusat Kesihatan Kecil untuk menjadi Pusat Kesihatan Besar, membina Klinik-klinik Desa baru dan menaikkan taraf Klinik-klinik Desa baru dan menaikkan taraf Klinik-klinik Bidan menjadi klinik Desa dalam kawasan luarbandar. Dengan pelaksanaan projek-projek baru ini, saya yakin bahawa Rancangan Kesihatan Luarbandar di negara kita yang sudah disanjung tinggi oleh penduduk-penduduk di luarbandar akan memberi perkhidmatan yang lebih baik pada masa hadapan. Dalam rancangan ini juga Kementerian saya akan berbelanja lebih daripada \$2.5 juta untuk mengadakan air aip melalui takungan, air perigi pam dan tandas-tandas curah di kampung-kampung di luarbandar.

Di bawah Rancangan Hospital-hospital Baru, lebih daripada \$27 juta diuntukkan pada tahun 1977 untuk membina hospital-hospital baru di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Hospital Besar baru Ipoh \$10 juta, Hospital Besar Kuala Lumpur \$6 juta, Hospital Besar Kota Bharu \$3 juta, Hospital Daerah Tanah Merah \$2 juta, Hospital Besar Baru Kelang \$1.5 juta dan juga

13 buah hospital-hospital lain. Selain dari itu sebanyak \$12 juta diuntukkan untuk memperbaiki dan memperbesarkan hospital-hospital yang sedia ada.

Bagi memenuhi keperluan tenaga-tenaga kakitangan yang terlatih, Kementerian saya akan menambahkan lagi Rancangan latihan dengan perbelanjaan sebanyak \$6.1 juta pada tahun 1977. Projek di bawah Rancangan ini termasuk Sekolah Latihan Jururawat Melaka, tambahan kepada Sekolah Jururawat Pergigian Pulau Pinang, Sekolah-sekolah Penolong Jururawat di Taiping dan Alor Star, Sekolah-sekolah Jururawat Desa di Johor, Pahang dan Kelantan dan Sekolah Pembantu Hospital di Seremban.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Sementara itu sebanyak \$1.5 juta diuntukkan bagi Rancangan Pergigian, di antaranya termasuk projek-projek Klinik Pergigian Besar, Klinik Pergigian Sekolah dan Klinik Pergigian Bergerak.

Sarawak

Di Sarawak juga keutamaan yang tinggi diberi kepada Perkhidmatan Kesihatan Luarbandar dan \$2.7 juta daripada jumlah \$7.4 juta dikhaskan bagi tujuan ini.

Di bawah Rancangan Hospital-hospital Baru Daerah Serian akan siap dibina pada tahun hadapan, dan sebuah Hospital Daerah Baru akan dimulakan pembinaannya di Limbang. Peruntukan sebanyak \$2.15 juta dipohon di bawah rancangan ini. Selain daripada itu sebanyak \$2.5 juta telah dirancang untuk pelbagai projek di Sarawak di bawah Rancangan Perkhidmatan Pergigian, Memperbaiki Hospital-hospital, Perkhidmatan Setor, kenderaan dan rumah-rumah kakitangan.

Sabah

Di Negeri Sabah, bagi tahun 1977 sebahagian besar daripada jumlah peruntukan adalah untuk memperbesarkan Hospital Besar Kota Kinabalu (\$2.3 juta). Kementerian saya akan meninggalkan lagi mutu rawatan kepada pesakit-pesakit di Negeri Sabah dengan mengadakan kemudahan-kemudahan rawatan istimewa di Hospital Besar Kota Kinabalu sama tarafnya dengan Hospital-hospital Besar di Semenanjung Malaysia.

Rancangan Kesihatan Luarbandar juga diberi keutamaan yang tinggi pada tahun 1977 dan sejumlah \$1.8 juta dikhaskan untuk rancangan ini.

Di bawah rancangan Hospital-hospital Baru, peruntukan diadakan untuk Hospital Daerah Beaufort \$1 juta., Hospital Daerah Beluran \$1 juta dan Hospital Daerah Kota Belud \$1 juta. Selain daripada itu sebanyak \$710,000 diuntukkan bagi pelbagai projek di bawah Rancangan Perkhidmatan Pergigian, Kediaman Kakitangan, Kenderaan dan Belkalan air ke kawasan luarbandar.

Tuan Pengerusi, sukacitalah saya memaklumkan bahawa keadaan kesihatan negara kita pada masa ini terus menjadi bertambah baik. Walaupun ada sekali sekala terjadi wabak demam denggi dan kolera tetapi ini adalah kecil sahaja dan tidak membawa kepada keadaan yang tidak terkawal. Wabak-wabak penyakit berjangkit tidak lagi terdapat. Adalah juga diperhatikan bahawa jenis-jenis penyakit yang didapati di hospital-hospital telah bertukar mencerminkan kemajuan socio-economy yang dicapai oleh negara kita. Penyakit-penyakit berjangkit semakin hari semakin berkurangan tetapi di sebalik itu penyakit-penyakit jantung telah pula bertambah, iaitu sejajar dengan peringkat kemajuan yang dicapai di dalam taraf kehidupan rakyat kita.

Kementerian saya adalah sedang mengkaji dengan teliti aspek-aspek penyakit ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya akan memberikan perhatian utama untuk menubuhkan sebuah Instituti Penyakit Jantung. Kita juga telah menghubungi negara-negara sahabat, seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat bagi menolong kita melatih kakitangan-kakitangan yang perlu seperti doktor-doktor pakar jantung, pakar-pakar bedah jantung dan lain-lain kakitangan-kakitangan untuk menolong kita mengurus Instituti Penyakit Jantung ini secara berkesan. Kita harap akan dapat mengadakan "open heart surgery" dan "close heart surgery" apabila masanya tiba nanti. Saya suka menyeru kepada mereka yang memegang iawatan tinggi dan yang mempunyai pendapatan yang tinggi supaya mengambil perhatian lebih berat terhadap kesihatan dan jantung mereka. Mereka patutlah berhati-hati tentang tabiat-tabiati makan dan membuat senaman yang lebih. Kebanyakan mereka adalah terlalu banyak makan dan dengan itu masyarakat terpaksa mengalami kerugian

yang besar kerana kehilangan mereka dalam lingkungan umur yang sedang menuju kekejayaan. Untuk mengatasi penyakit jantung kita mesti ingat kepada pepatah lama yang menyatakan "mencegah adalah lebih baik daripada mengubat". Saya ingin memberikan nasihat supaya jangan makan terlalu banyak dan tidur awal. Ingatlah bahawa jika tidur awal dan bangkit awal seseorang itu akan menjadi sihat, kaya, pintar dan baik. Ini termasuklah kaum wanita. Akhirnya, selalulah pergi periksa kesihatan sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun. Ini adalah untuk menjamin kesihatan, masa depan, dan keselamatan tuan-tuan dan puan-puan sendiri. Dengan itu tuan-tuan patutlah menjaga diri tuan-tuan sendiri dan tuan-tuan dan puan-puan boleh berharap kepada orang lain atau para doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan atau di dalam sektor swasta.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kita akan mempergiatkan lagi rancangan pelajaran kesihatan untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang perlunya kesihatan diri. Kebanyakan penyakit-penyakit berjangkit seperti typhoid atau taun boleh dielakkan dengan mudah jika seseorang itu mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai kesihatan diri. Saya ulangi, Tuan Pengerusi, mencegah adalah lebih baik dari mengubat. Kita akan membelanjakan lebih banyak wang dalam kesihatan mencegah bagi kawasan-kawasan di luarbandar. Kesihatan adalah masalah semua orang. Dengan pelajaran yang sempurna, lebih banyak orang akan dapat berhenti merokok, menjauhkan diri daripada tabiat-tabiat yang tidak elok seperti membuang puntung-puntung rokok, membazirkan kertas mengikut sesuka hati, meludah dan sebagainya. Perkara-perkara ini boleh dibuat melalui nasihat-nasihat yang diberikan oleh pegawai-pegawai perubatan dan ketua-ketua masyarakat di sekolah-sekolah, gudang-gudang dan keluarga-keluarga.

Secara perbandingan, perkhidmatan kesihatan dan perubatan kita adalah baik dalam kawasan dunia sebelah sini. Terdapat lebih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki. Kita masih mengalami kekurangan pakar-pakar dalam beberapa bidang. Kita masih lagi memerlukan lebih banyak tenaga manusia. Kementerian Kesihatan adalah sedang cuba sedaya upaya bagi melonggarkan sekatan yang tidak sesuai dan lama yang melarang doktor-doktor kita melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan ijazah lanjutan. Kita telahpun membuat keputusan untuk

menggalakkan doktor-doktor yang berkhidmat mengikut kursus ijazah lanjutan samada di luar atau di dalam negeri dengan apacara jua pun.

Saya berharap doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan akan terus berkhidmat dengan Kerajaan. Jika mereka merasa tidak berpuas hati, saya selaku Menteri yang bertanggungjawab adalah sentiasa bersedia bertemu dan mendengar kesulitan mereka. Jika saya boleh diyakinkan bahawa kita ada mempunyai kekurangan atau bahkan kita telah membuat kesilapan, saya tidak teragak-agak untuk mengkaji semula polisi-polisi kita dari masa ke semasa. Saya dapati juga bahawa adalah penting bagi kita mengadakan perpustakaan-perpustakaan yang lebih lengkap untuk memberi bahan-bahan bacaan yang lebih baik seperti buku-buku rujukan dan jurnal-jurnal yang terbaharu untuk membolehkan doktor-doktor kita mendapat tahu tentang kemajuan-kemajuan pesat dalam bidang sains perubatan.

Semua perubahan-perubahan ini tidak akan didapati dalam tempoh masa sehari dua sahaja tetapi kita akan tetap terus berusaha untuk memberikan doktor-doktor kita peluang-peluang yang lebih baik. Dengan itu saya berharap lebih banyak doktor akan membuat keputusan untuk tinggal berkhidmat dengan Kerajaan kita. Perkhidmatan dengan Kerajaan akan mempunyai makna yang lebih besar daripada duit dan ringgit sahaja.

Saya suka memberi jaminan bahawa kita juga sedang dalam proses mengkaji dan mengubah amalan-amalan yang tidak perlu yang diadakan untuk kita sejak zaman penjajahan dahulu. Amalan-amalan ini mengenakan terlalu banyak sekatan-sekatan ke atas profession ini dari membaikinya. Saya berharap doktor-doktor kita adalah sehaluan dengan saya dan bersabar. Saya berjanji mereka akan mempunyai masa depan yang lebih baik dan cerah serta mempunyai peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih baik. Perpindahan cerdik pandai telah merumitkan kita. Saya sedar sepenuhnya mengapa doktor-doktor ini berhenti. Kita akan membuat beberapa perubahan dan penyesuaian. Sebaik-baik sahaja amalan-amalan dan peraturan-peraturan lama telah dimansuhkan, kita akan dapat mengatasi banyak masalah-masalah kita ini.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi harapan saya bahawa dengan sokongan Abli-ahli Yang Berhormat sekalian, darjah kesihatan

penduduk di negara ini akan dapat diperbaiki lagi dan jurang yang didapati antara kawasan-kawasan miskin di Pantai Timur dengan kawasan-kawasan yang lebih maju di Pantai Barat serta juga antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak akan beransur-ansur dapat dipulih. Saya juga suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada pegawai-pegawai di Kementerian saya dalam masa menjalankan tugas-tugasnya.

Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya memohon supaya peruntukan sebanyak \$450,178,100 di bawah Kepala Bekalan B. 38 Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1977 dan peruntukan sebanyak \$91,687,570 di bawah Kepala Pembangunan P. 38 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977 diluluskan dan dijadikan sebahagian dari Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan inilah Kementerian yang akhir yang Jawatankuasa kena timbangan dan wajib Dewan kena luluskan Rang Undang-undang Perbekalan 1977 dan juga Anggaran Pembangunan, 1977 pada malam ini juga. Jadi oleh sebab hendak mengelakkan daripada kita bersidang hingga larut malam, saya haraplah mendapat kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah membuat teguran-teguran itu dengan seberapa tepat yang boleh dan dengan seberapa ringkas yang boleh.

Sekarang Kepala B. 38 dan P. 38 adalah terbuka untuk perbahasan.

6.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, semalam dalam jawapannya kepada soalan rakan saya daripada Sungai Besi Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata bahawa semenjak tahun 1969 sejumlah 965 orang doktor telah berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan dan sekiranya kita memerhatikan angka-angka tahunan kita tentu boleh dapat satu kesimpulan iaitu bilangan doktor yang berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan telah meningkat tinggi setahun demi setahun. Dan apa yang sangat serious lagi ialah pemberhentian perkhidmatan pakar perubatan atau specialist daripada perkhidmatan Kerajaan dalam tahun ini saya dapat tahu lebih kurang 20 orang specialist telah letak jawatan dan tentulah Kerajaan tidak boleh membiarkan satu bilangan yang begitu besar, pakar-pakar perubatan yang begitu

berpengalaman berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan dengan tidak menurunkan mutu perubatan di tanah air kita dan oleh kerana terdapat pemberhentian besar doktor-doktor dan specialist dari perkhidmatan Kerajaan yang berlaku dikebanyakan hospital-hospital di mana hospital-hospital tersebut dijaga oleh pegawai-pegawai yang sangat junior dan ini tidak berfaedah dan bukan untuk kepentingan orang ramai.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mestilah ambil satu sikap yang serius dan segera mengenai perkara ini iaitu kehilangan orang-orang cerdik pandai daripada perkhidmatan Kerajaan dan cari sebab-musababnya dan untuk mencegah kehilangan cerdik pandai ini. Tahun demi tahun wang yang banyak telah dibelanjakan oleh Kementerian Kesihatan dan untuk tahun hadapan sejumlah \$541,000,000 telah diperuntukkan untuk tujuan mengurus dan pembangunan, tetapi tentulah peruntukan-peruntukan yang begitu besar tidak boleh dapat faedah yang sepenuhnya dalam memberi kemudahan perubatan dan kesihatan sekiranya kita tidak ada kebolehan (capacity) untuk menggunakan wang-wang yang begitu besar, dan tentulah satu masaalah yang Kementerian Kesihatan menghadapi ialah tentang implementation capacity, oleh kerana kekurangan tenaga yang terlatih dan qualified dalam sektor-sektor perubatan dan kesihatan oleh kerana kekurangan staff professional dan technicians peringkat tengah dan dengan ini sekiranya perkara ini tidak dihadapi dan diatasi tujuan-tujuan atau matlamat-matlamat yang dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga tentulah akan gagal. Dengan sebab itu, saya ingin memberi beberapa cadangan dan saya harap bahawa cadangan-cadangan ini boleh ditimbangkan dengan seriusnya supaya dapat mengatasi soalan kehilangan orang-orang cerdik pandai daripada perkhidmatan perubatan kerana saya rasa sangat tidak benar dan tidak patut kita menyalahkan doktor-doktor atau specialists yang berhenti daripada perkhidmatan sebagai tidak patriotic atau orang yang tidak mahu berkhidmat dengan Kerajaan.

Saya tahu kes-kes di mana doktor-doktor yang tidak mahu mendirikan sebuah klinik persendirian, mahu bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, dalam satu bidang speciality yang mereka suka tetapi oleh kerana frustrasi-frustrasi dalam perkhidmatan, mereka sekarang fikir samada hendak berhenti daripada

perkhidmatan perubatan. Saya pun tahu terdapat specialists yang mempunyai dua tahun lagi akan tamat perkhidmatannya dan boleh option untuk retirement, lagi dua tahun dia akan bersara, dia resign dan hilang pencenya. Kenapa? Jikalau sebabnya ialah oleh kerana kewangan sahaja tentulah dia boleh tunggu lagi dua tahun, tetapi oleh kerana frustrasi dan tidak puas hati dengan keadaan-keadaan, syarat-syarat perkhidmatan yang berlaku dalam perkhidmatan dan saya haraplah semua ini boleh ditimbangkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, cawangan perubatan dalam Persatuan Senior Government Officers' Association pun telah menyeru pihak Kementerian Kesihatan membuat satu kajian untuk mencari sebab-sebab mengapa doktor-doktor berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan tetapi nampaknya sampai hingga masa ini tidak ada apa-apa tindakan yang konkrit yang telah diambil. Saya faham dan saya tahu perkhidmatan Kerajaan tidak boleh compete dengan private sector dan jika perkara ini dipandang dari segi wang sahaja tentulah pihak Kerajaan tidak boleh mengatasi soal ini, tetapi jika perubahan-perubahan dibuat dalam perkhidmatan perubatan di mana ia boleh menggalakkan doktor-doktor dan specialists tinggal dan tidak berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan semacam perubahan dalam perkara promotion atau naik pangkat, memberi incentive, kemudahan-kemudahan untuk latihan dalam perkhidmatan dan job satisfaction. Di sini, yang pertama saya hendak cadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya, Perkhidmatan Perubatan (Medical Service Commission) seperti ada Suruhanjaya Pasukan Polis atau Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan (Legal Service Commission) yang bertanggungjawab atas perantaraan, pengesahan, naik pangkat atau lain-lain hal yang ada berkaitan dengan tata tertib dan berkaitan dengan pegawai-pegawai perubatan. Prinsip di belakang cadangan ini ialah satu perkhidmatan professional seperti medical dan health service kenaikan pangkat doktor mestilah dibuat oleh orang-orang professional atau doctors should be promoted by their own peers. Dalam sistem sekarang kenaikan pangkat doktor-doktor dan specialists sekarang dibuat oleh orang yang sebenarnya tidak boleh dikatakan yang sangat layak untuk membuat keputusan ini. Inilah satu sebab besar mengapa doktor-doktor dan specialists tidak berpuas hati dalam perkhid-

matan Kerajaan dan juga kerana telah berlaku banyak perkara mengenai perkara kenaikan pangkat (promotion) yang tidak mengikut peraturan. Banyak irregularity mengenai promotion telah berlaku. Seorang Pegawai Perubatan yang sangat senior dengan terkejut mendapat tahu bahawa dia telah menjadi lebih junior daripada lain-lain pegawai tanpa apa-apa sebab, bukan oleh kerana merit atau seniority. Perkara seperti ini tentulah tidak boleh mengujutkan satu suasana di mana doktor-doktor atau specialists akan tetap dalam perkhidmatan perubatan. Kita juga tahu jikalau promotion dibuat tidak mengikut merit atau seniority tetapi nampaknya kadangkala mengikut consideration ethnic atau perkauman, dan saya rasa ini tidak patut dan tidak boleh diikuti demi kepentingan negara.

Pada masa ini ada satu Lembaga Kenaikan Pangkat (Promotion Board for Superscale Officers) di mana semua anggota-anggotanya terdiri dari pegawai-pegawai Melayu sahaja dan tidak ada seorang pun anggota lembaga tersebut yang bukan Melayu. Saya rasa perkara semacam ini boleh dibetulkan supaya dapat memberi keyakinan kepada semua pegawai-pegawai bahawa dalam perkara kenaikan pangkat pertimbangan sewajarnya boleh dibuat dan saya rasa pembetulan ini jika dibuat akan memperbaiki suasana untuk menggalakkan doktor-doktor dan specialists menetap dalam perkhidmatan mereka.

Kita juga mengetahui sekarang prospek naik pangkat (promotion prospects) untuk Pegawai-pegawai perubatan dan Specialists sangat nipis apabila dibandingkan dengan Civil Service atau M.C.S. Sebagaimana yang saya dapat tahu apabila kita bandingkan pegawai-pegawai perubatan dengan pegawai M.C.S., pegawai perubatan adalah lebih daripada pegawai M.C.S., tetapi nisbah (ratio) M.C.S. officer kepada Superscale Posts 1.8:1 tetapi ratio Medical Officer kepada Superscale Post ialah 7:1. Saya fikir tidaklah sukar bagi sesiapa pun untuk memahami mengapa pegawai-pegawai perubatan merasa sangat keciwa (disappointed and frustrated) untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan di mana berlaku ketidak-seimbangan ini. Apabila mereka berada di universiti mereka telah belajar lebih lama iaitu selama enam tahun bagi satu course yang pada amnya dianggap lebih sukar daripada Arts course, tetapi contemporary mereka selepas tiga tahun belajar di universiti boleh keluar dan

mereka itu satu antara dua menjadi superscale officer dan untuk perkhidmatan perubatan nisbahnya ialah satu kepada tujuh sahaja perjawatan superscale officer. Itulah yang mengakibatkan frustrasi-frustrasi, yang mengakibatkan kehilangan brain drain dari health service.

Untuk pegawai perubatan pula mereka menghendaki satu masa yang lebih panjang untuk mencapai perjawatan superscale. Seorang pakar selepas belajar 10 tahun berkhidmat dengan Kerajaan bukan secara automatik masuk ke perjawatan superscale, serendah-rendahnya ialah Superscale "G". Dalam masa itu contemporarynya yang lulus dalam jurusan sastera (Arts course) yang belajar history atau Islamic Studies barangkali telah sampai ke Superscale "E" atau "F" dan ada sebilangan besar specialists atau pegawai perubatan apabila mereka bersara mereka hanya berada di peringkat Superscale "F". Sedangkan counterpart atau contemporary mereka di dalam M.C.S. apabila mereka bersara mereka berada di dalam Superscale "A" atau "B", kalau bukan Superscale Staff A, Superscale Staff B. Misalnya, C.M.H.O. Negeri Sembilan Dr E. Krishnan akan bersara pada tahun hadapan selepas berkhidmat selama 26 tahun. Sekiranya tindakan tidak diambil dengan sertamerta, beliau akan bersara dalam tingkat Superscale "F". Itu adalah satu perkara yang sangat tidak patut, tidak adil dan tidak saksama. Selepas berkhidmat selama 26 tahun contemporarynya di dalam M.C.S. bersara dalam tingkat Superscale A dan B. Sekurangnya seorang C.M.H.O. mesti memperoleh Superscale B atau jikalau tidak Superscale A. Saya rasa perkara ini sangat rumit dan besar dan tidak boleh diketepikan oleh pihak Kerajaan.

Perkara-perkara promotional dan peluang-peluang promotion mestilah diselesaikan. Saya bukan mencadangkan bahawa peluang-peluang untuk M.C.S. officer untuk mendapatkan perjawatan Superscale A, B, C, D, dikurangkan, tetapi saya mencadangkan supaya peluang-peluang dibuka untuk pegawai perubatan dan pakar-pakar (specialists) mendapat Superscale A, B, C, lebih baik jika jawatan Superscale Staff A, atau Superscale Staff B ditambahkan kerana saya tahu Superscale Staff B atau Superscale Staff A adalah untuk pakar-pakar, number-wise inipun tidak boleh didapati.

Saya hendak membuat satu lagi cadangan untuk memperbaiki perkhidmatan perubatan di mana kita boleh mendapat lebih ramai orang cerdik pandai dalam bahagian perubatan berhenti dari perkhidmatan. Dalam promotion bagi pegawai-pegawai perubatan ada satu sistem baru atau a time promotion system. Sekarang promotion untuk pegawai perubatan bergantung kepada satu-satu perkara samada mereka ditukar kepada sebuah hospital di mana ada jawatan gred yang tinggi. Misalnya, dalam sebuah hospital Besar dia berada dalam gred G, tidak ada gred F. Jikalau dia tidak ditukar sampai mati-pun dia berada di peringkat G. Mereka berharap agar dapat ditukar ke satu tempat di mana ada peringkat F dan pegawai di peringkat G berharap dapat ditukar ke satu tempat di mana ada perjawatan peringkat E atau yang lebih tinggi. Saya rasa perkara seperti ini adalah tidak patut ujud dan satu sistem yang tidak baik. Kita mahu menaikkan pangkat seseorang pegawai perubatan bukan bergantung kepada chance: Oh! bernasib baik dapat ditukar daripada satu tempat ke lain tempat di mana ada satu post yang lebih tinggi grednya. Itu adalah nasib. Promotion mesti berdasarkan kepada professional service dari setahun ke setahun atau berapa tahun mereka berkhidmat seperti lima tahun, tujuh tahun atau sebagainya. Ini adalah satu ukuran yang digunakan untuk membolehkan kenaikan pangkat bukanlah seperti seorang pakar di sebuah hospital A dan hospital B. Apa yang beliau buat adalah sama iaitu untuk menjalankan tugas di bidang kepakarannya.

Tuan Pengerusi, saya pun tahu telah berlaku di mana seorang specialist bila ditawarkan jawatan naik pangkat tetapi mahu transfer kerana tempatnya tidak ada grade tu, beliau enggan. Bila ditawarkan promotion, dia terus resign. Kenapa? Pertama, jikalau dia menerima, dia terpaksa up-root keluarganya, sekolah anak-anaknya semua dislocated. Kalau tidak mahu terima penukaran, beliau di by-passed dan orang-orang junior gantikannya dan beliau tidak puas hati, dan dia resign. Siapa rugi? Perkhidmatan perubatan rugi, Kerajaan, orang ramai, rakyat-jelata rugi. Dan saya berharap kalau kita ada satu time promotion system, di mana promotion tidak didasarkan atas geographical locality. Ini tentulah bukan sahaja boleh kurangkan transfer tetapi boleh mengujudkan satu suasana di mana doktor-doktor dan specialists

boleh kekal dalam perkhidmatan untuk berkhidmat dan inilah satu ciri incentive. Dan saya berharap perkara ini boleh diatasi. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Lagi sedikit.

Tuan Pengerusi: Minta cepat sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tahu.

Tuan Pengerusi: Minta cepatkan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, oleh kerana Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ialah satu perkhidmatan professional, saya rasa tepat di mana jawatan professional semacam ini diketuai oleh seorang pegawai Professional dan bukan oleh seorang Pegawai Pentadbir (Administrative Officer). Dan ini pun akan menggalakkan pegawai-pegawai perubatan tetap dalam perkhidmatan oleh kerana ada perjawatan lebih tinggi untuk mendapatkan satu incentive. Dan seorang pegawai professional pun lebih tahu, tentang keperluan perkhidmatan ini.

Saya mempunyai kepercayaan sekiranya beberapa cadangan saya ini mengenai kenaikan pangkat boleh diterima, saya rasa tentulah tidak akan berlaku atau timbul masalah kehilangan cerdik-pandai daripada Kerajaan, kehilangan cerdik-pandai dari perkhidmatan perubatan boleh dicegah, ataupun pihak Kerajaan boleh membuat beberapa perubahan untuk menggalakkan atau memberi incentive.

Satu lagi ialah cara untuk menentukan pakar-pakar tidak berhenti ialah untuk menjadikan di mana specialist allowance pensionable. Jadikan specialist allowance pensionable dan apabila mereka bersara kelak, elau itu boleh dikira masuk dalam pencennya, ini satu lagi incentive. Oleh kerana apabila kita hilang specialists, dan itu bukan satu perkara yang mudah diganti. Dan lagi pun saya rasa mesti ada syarat-syarat yang lebih menarik untuk membolehkan pegawai-pegawai perubatan untuk melanjutkan pelajaran atau mengambil post-graduate studies. Pada masa ini ramai doktor-doktor, jururawat-jururawat, therapists berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan oleh kerana peperiksaan Bahasa Malaysia. Saya tidak bercadang supaya Ujian

Bahasa Malaysia itu dimansuhkan. Tetapi saya rasa oleh kerana kita menghadapi satu masalah yang rumit iaitu untuk menyelamatkan nyawa orang ramai, perkara ini mesti boleh dihadapi dengan adanya satu sikap yang lebih flexible. Dan salah satu sikap yang lebih flexible ialah untuk menentukan ujian ini tidak dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (P.S.D.) di mana sekarang Ujian-ujian Bahasa Malaysia, yang dijalankan oleh pegawai-pegawai di P.S.D. atau graduates daripada universiti-universiti hanya hendak uji seseorang calon untuk mendapat tahu samada seseorang calon itu tahu adat-adat Melayu atau proverb, tetapi dalam perkhidmatan professional seumpama ini, apa yang patut kita menguji ialah untuk menentukan seseorang doktor dapat berhubung dengan pesakitnya ataupun dapat menggunakan bahasa Malaysia dalam melaksanakan tugas-tugas mereka, seperti dapat berbual-bual dengan orang-orang sakit dalam masa menjalankan tugas-tugas mereka. Ini akan lebih praktikal dan lebih realistik dan ini akan membolehkan perkhidmatan kita mempunyai lebih ramai lagi doktor-doktor, jururawat-jururawat, therapists dan lain-lain orang. Bukan seperti sekarang di mana dalam bidang perkhidmatan perubatan sekarang terdapat kekurangan orang-orang mahir. Alat (equipment) pun tidak guna. Tidak ada orang yang boleh menggunakannya. Orang yang menggunakannya tidak boleh meneruskan perkhidmatannya oleh kerana tidak lulus Bahasa Malaysia. Dan lagi sekarang kita sedar Pegawai-pegawai Perubatan (Medical Officers) boleh, selepas berkhidmat selama empat tahun, pergi ke luar negeri on no-pay leave untuk membuat post-graduate studies. Tetapi satu syarat yang diwajibkan ialah mereka mesti confirmed officers. Confirmed officers ertinya apa? Mereka mesti lulus Bahasa Malaysia. Kalau mereka tidak lulus Bahasa Malaysia, mereka tidak boleh dijadikan confirmed officers. Ertinya samada seseorang doktor itu boleh atau tidak dapat no-pay leave untuk pergi ke luar negeri untuk specialise dalam satu bidang yang dia suka adalah bergantung kepada samada beliau lulus atau tidak Bahasa Malaysia. Dan kita tahu, apabila kita mahu seseorang doktor itu lulus peperiksaan yang tinggi, adalah jika pelajaran tinggi itu dibuat apabila mereka itu masih muda. Sekiranya mereka masih muda dan tidak dapat peluang untuk pergi ke luar negeri untuk membuat post-graduate

studies oleh kerana masalah Bahasa Malaysia, tentulah mereka terpaksa kerana tidak ada jalan lain berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan. Lagi kita rugi. Rugi orang-orang yang telah kita latih, kita belanja wang tiap-tiap tahun untuk melatih mereka sebagai doktor.

Mengenai perkara ini juga saya tahu Kerajaan mewajibkan seseorang doktor yang dapat scholarship baik pun beliau pergi ke luar negeri untuk satu atau dua tahun menandatangani satu bond sebanyak \$70,000. Ini saya rasa satu angka yang sangat tinggi. Satu tahun pun bond \$70,000. Dengan sebab itu saya mendapat tahu banyak doktor-doktor tidak mahu menerima scholarship ini. Tetapi sekiranya angka ini boleh diturunkan sampai \$20,000-\$30,000 suatu angka yang lebih realistik, tentulah lebih banyak doktor boleh didapati dan ini lebih berfaedah dan sudah tentulah Perkhidmatan Perubatan pun untung. Saya harap beberapa syor-syor yang dikesulkan oleh saya ini boleh dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh kerana saya percaya ke semua syor-syor ini ialah untuk memperbaiki Perkhidmatan Perubatan.

Satu perkara yang saya mahu sentuh dengan ringkasnya ialah mengenai Universiti Kebangsaan yang tidak lama lagi akan mengeluarkan siswazah-siswazah perubatan yang pertama dari Fakulti Perubatannya. Oleh kerana media of instruction di Fakulti Universiti Kebangsaan ialah dalam Bahasa Malaysia saya difahamkan bahawa medical degree dari Universiti Kebangsaan ini tidak akan diakui oleh General Medical Council of Great Britain oleh kerana antara syarat-syaratnya media of instruction mestilah dalam bahasa Inggeris. Ertinya jika sekiranya saya tidak silap, graduates atau doktor-doktor yang lulus dari Universiti Kebangsaan tentulah tidak boleh pergi ke United Kingdom ataupun ke lain-lain negara Commonwealth untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat post-graduate studies oleh kerana ijazah-ijazah mereka tidak akan diakui oleh United Kingdom atau negara-negara Commonwealth. Ertinya ialah doktor-doktor yang lulus dari Universiti Malaya boleh pergi untuk specialise atau mengambil post-graduate studies tetapi doktor-doktor daripada Universiti Kebangsaan tidak boleh. Dan di masa depan akan timbul satu perkara yang rumit yang besar.

Saya berharap bahawa perkara ini akan ditimbang dan perkara ini boleh dielakkan, di mana doktor-doktor yang lulus dari Universiti Kebangsaan boleh dapat diakui oleh Britain dan lain-lain negara Commonwealth.

Baharu-baharu ini kita dapat berita yang mengatakan ramai pelajar-pelajar kita di United Kingdom terpaksa menghentikan pelajaran mereka dalam jurusan kejururawatan oleh kerana kenaikan fees dan lain-lain sebab dan mereka terpaksa balik ke tanah air kita. Di sini saya menyokong satu editorial yang tersiar di akhbar *New Straits Times* hari ini (10-12-76) yang mengatakan perkara ini sangat istimewa, exceptional dan pihak Kementerian mestilah mengambil satu sikap yang urgent dan serious untuk menolong pelajar-pelajar yang sekarang terperangkap dalam keadaan ini, di mana mereka kembali dari United Kingdom dengan tidak dapat menghabiskan pelajaran kejururawatan mereka dan saya cadangkan bahawa satu sekim atau rancangan khas patut dibuat oleh Kementerian Kesihatan di mana mereka yang seramai seribu atau lebih boleh menyambung pelajaran mereka untuk menghabiskan kursus kejururawatan, ini bukan sahaja akan memberi faedah kepada mereka tetapi juga menguntungkan Perkhidmatan Perubatan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak membawa satu perkara sahaja untuk menarik perhatian Dewan ini khasnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Pada penghujung bulan November baru-baru ini seorang ibu Melayu telah melahirkan anak sulungnya di Rumah Sakit Assunta Petaling Jaya. Oleh kerana itulah anak sulung dan itulah pertama kalinya beliau melahirkan cahaya mata maka beliau dan suaminya terlupa akan tembuni atau placenta bayi itu. Mereka bertanyakan hal tembuni itu pada hari ketiga.

Maka datanglah Matron, personnel officer, sister dan staff nurse menemui si ibu dan suaminya mengenai placenta tersebut. Masing-masing mengatakan tembuni itu telah diserahkan kepada ibu itu semasa beliau dipindahkan daripada bilik bersalin ke wad bersalin. Suami beliau yang sama-sama hadir mengatakan beliau tidak melihat sebarang bungkus berisi tembuni itu.

Beberapa jam kemudian si isteri dipindahkan ke wad kelas satu daripada kelas dua di kelas satu juga pun si suami tiada terjumpa tembuni bayi tersebut. Si suami mengatakan

cara pihak berkuasa Assunta menerangkan akan hal tembuni itu adalah sebagai menegakkan benang basah.

Mereka mengatakan setiap tembuni bayi Islam selalunya diserahkan kepada ibubapanya. Dan kejadian yang berlaku baru-baru ini adalah kejadian pertama. Si suami kurang puashati dengan penerangan itu kerana dia berpendapat kelalaian pihak Assunta hingga menyebabkan kehilangan tembuni itu adalah kelalaian (negligence) yang melibatkan tradisi orang-orang Melayu dan tradisi Islam. Beliau mengatakan demikian kerana beliau mahu menanam tembuni bayinya mengikut adat resam Melayu dan Islam. Bagi beliau kecuaiannya itu adalah damage yang tak boleh digantirugi. Walaupun hal Assunta bukan tanggungjawab Kerajaan adalah diharapkan agar Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian yang sewajarnya bahawa kehilangan tembuni bayi-bayi Islam di rumah sakit tersebut tidak akan berlaku lagi.

Semasa ibu yang kehilangan tembuni bayian itu hendak keluar daripada rumah sakit tersebut, seperkara lagi timbul kali ini mengenai surat guarantee daripada majikan si ibu itu. Pihak Assunta kata ibu tersebut belum menyerahkan surat guarantee majikannya kepada Assunta. Ibu tersebut telah menyerahkan surat tersebut pada masa beliau mula menjalani check-up setiap minggu di hospital tersebut.

Si ibu terpaksa menunggu tiga jam baru dapat dibenarkan keluar. Itu pun sesudah suaminya dapat membawa salinan photostat surat guarantee itu. Perkara semacam ini adalah merumitkan orang ramai. Saya berharap bahawa dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri Kesihatan perkara ini dapat diatasi serta dielakkan pada masa akan datang.

7.28 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 38—Kementerian Kesihatan, muka surat 271, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Perancang dan Pembangunan dan Kepala Pembangunan P. 38, muka surat 261, Pecahan-kepala 4—Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Umum mengetahui bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur sedang diperbesarkan dan dilengkapi dengan kelengkapan dan alat-alat yang moden. Pembangunannya begitu pesat.

Pesakit-pesakitnya terlalu ramai. Saya fikir Hospital Tanglin, satu daripada hospital yang dapat memberi kemudahan yang baik kepada pesakit-pesakit. Specialists boleh dihantar ke Hospital Tanglin dengan membahagi-bahagikan harinya. Misalnya, dua hari dalam seminggu boleh ditugaskan specialists tersebut berkhidmat membantu tenaga doktor-doktor di tempat tersebut. Jabatan Mata dan Bahagian ENT (Telinga Hidung dan Tekak) adalah jabatan yang mustahak dan jabatan ini boleh ditugaskan membantu Perkhidmatan Perubatan di Hospital Tanglin. Pada masa ini pegawai-pegawai Kerajaan terpaksa dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan specialists. Ini disebabkan terlalu ramai pesakit-pesakit. Saya fikir adalah wajar Bahagian-bahagian yang berkenaan dapat diperbantukan di Tanglin Hospital, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Perubatan adalah satu perkhidmatan yang mustahak essential services kepada orang ramai. Kita mempunyai banyak klinik-klinik swasta dan beberapa buah hospital swasta. Hospital Pantai (Pantai Medical Centre) memberi perkhidmatan yang baik kepada pegawai-pegawai executive begitu juga dengan Assunta Hospital, Petaling Jaya. Bayaran yang dikenakan adalah mahal, dan dengan sebab itu tidak berapa orang yang dapat menikmati kemudahan ini. Saya fikir, ada baiknya bagi perancang-perancang (planners) kita memikirkan untuk membanyakkan hospital swasta di tanah air kita. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan di hospital-hospital Kerajaan, malahan juga dapat memberi kemudahan yang lebih kepada orang ramai. Bayarannya juga patutlah berpatutan, dan tidaklah seperti bayaran yang dikenakan di Hospital Pantai. Saya berharap Kerajaan dapat memerhatikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 288, Kepala P. 38, Pecahan-kepala 4 (33) Hospital Daerah Tumpat, token \$10.

Jajahan Tumpat mempunyai penduduk seramai 73,050 orang. Tanah tapak di Kelaboran telah ditetapkan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah diperuntukkan sebanyak \$800,000. Namun begitu, saya berharap agar Kerajaan dapat menetapkan bilakah projek pembinaan Hospital Daerah Tumpat ini dapat didirikan. Dalam meninggalkan taraf kesihatan penduduk luar

bandar, Jajahan Tumpat juga tidak ketinggalan berkehendakkan perubahan moden, seperti mana yang dinikmati oleh hospital-hospital daerah yang lain di Malaysia ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan.

7.30 mlm.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh sedikit mengenai wang yang diperuntukkan di bawah Kepala P. 38—Kementerian Kesihatan, muka surat 284, Pecahan-kepala 31—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di Sarawak, terutama sekali berhubung dengan dispensari-dispensari dan klinik-klinik di luar bandar. Saya telah tegaskan bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini telah sampai masanya dan saya berharap dispensari-dispensari dan klinik-klinik di luar bandar agar dapat diperbesarkan dan ditambah supaya dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya beberapa tahun yang lalu ada sungutan-sungutan dari orang ramai kerana dispensari-dispensari dan klinik-klinik yang dijanjikan kepada mereka itu sehingga saat inipun masih belum lagi didirikan. Oleh hal yang demikian, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian. Saya pun berasa tidak puas hati oleh kerana ada di kawasan saya, Batu Lintang Undap permintaan klinik-klinik oleh orang ramai hampir lebih 10 tahun dan kawasan itu jauhnya 20 batu dari General Hospital Simanggang dan penduduk-penduduk di kawasan itu ada lebih 5,000 orang dan saya sudah berasa malu oleh kerana beberapa kali saya bangkitkan perkara ini di Majlis Kerajaan Tempatan Batang Lupar, tiap-tiap kali saya masuk mesyuarat di Majlis Kerajaan Tempatan saya merayu kepada Kerajaan Tempatan supaya dapat mempercepatkan mendirikan satu klinik di kawasan Batu Lintang Undap tetapi pernah dijawab oleh pihak yang bertanggungjawab; Jabatan Kesihatan memang sedar dan sanggup menghantar seorang bidan kepada kawasan tersebut sekali sahaja dalam satu minggu iaitu sebagai percubaan dan percubaan itu masih lagi dijalankan.

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya bagi memperkukuhkan dan meluaskan kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar dan

meninggikan mutu perkhidmatan yang lebih luas bagi penduduk luar bandar, saya yakin sekiranya Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri Kesihatan agar dapat melawat ke kawasan yang saya sebutkan di sini supaya Yang Berhormat Menteri sendiri dapat melihat dan dapat mendengar hujjah-hujjah daripada orang ramai.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ada juga satu tempat orang ramai dengan lebih 5,000 penduduk iaitu di Melugu Sekim ataupun Lembaga Kemajuan Tanah. Kawasan itu pun agak lebih 10 batu jauhnya dari General Hospital Simanggang. Didapati sehingga hari inipun belum lagi dapat sebuah klinik di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan ini patutlah bertimbangrasa kepada penduduk-penduduk di luar bandar khasnya penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak oleh kerana banyak tempat yang patut didirikan dispensari ataupun klinik-klinik sekiranya jika ada 2,000 penduduk ataupun 3,000 penduduk di kawasan yang tidak ada jalanraya patutlah difikirkan. Walau bagaimanapun, seperti Melugu Sekim itu ada jalanraya tetapi kita tahu bukan semua rakyat yang tinggal di sekim tersebut itu ada motosikal ataupun motokar. Pernah pesakit-pesakit di kawasan tersebut menumpang bas dan menunggu-menunggu 2-3 jam. Kita tidak mahu perkara seperti ini selalu berlaku kerana kalau perkara seperti ini dibiarkan, propaganda komunis masuk kepada mereka dan apa yang kita mahu ialah tiap-tiap 2,000 atau 3,000 penduduk patutlah didirikan dengan satu dispensari bergerak ataupun klinik. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya dapat mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pecahan-kepala 33—Memperbaiki Hospital-hospital muka surat yang sama. Pada tahun hadapan wang yang diperuntukkan sebanyak \$840,000 keseluruhannya tetapi dalam Anggaran Belanjawan ini General Hospital Simanggang Bahagian Kedua di Sarawak tidak ada diperuntukkan dalam tahun 1977. Saya harap jika dapat Yang Berhormat Menteri agar dapat menimbangkan oleh kerana bila saya melawat ke hospital itu saya tengok banyak pesakit-pesakit itu tinggal di luar dengan tidak ada katil. Ini satu perkara yang penting kepada pesakit-pesakit. Katil-katil patutlah ditambahkan di

General Hospital Simanggang dan patut juga diperbesar an. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat mengambil perhatian atas perkara ini dan menambahkan katil-katil dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, berhubung dengan pegawai-pegawai di Hospital Besar ataupun di seluruh dispensari dan klinik di Sarawak. Sepatutnya pegawai-pegawai itu diarah oleh Kementerian Kesihatan supaya mengadakan cukup disiplin kepada mereka oleh kerana ada kekeliruan dari pesakit di hospital ataupun di klinik iaitu berkenaan dengan ada separuh pegawai-pegawai itu marah pesakit-pesakit di hospital ataupun di klinik. Kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku dan perkara seperti ini yang saya sebutkan di Dewan yang mulia ini tidak patut dibiarkan. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat mengambil tindakan supaya perkara seperti itu tidak berlaku lagi.

7.36 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya turut mengambil bahagian di dalam menyokong peruntukan Kementerian ini dengan menyentuh beberapa Kepala. Kita tahu kesihatan adalah punca kemakmuran. Kalau rakyat sihat negara akan maju dan makmur. Kalau pula rakyat kurang sihat kita akan berasa kurang senang sebab segala pemberian dan kemudahan tidak dapat sambutan yang menggalakkan.

Di dalam Kepala P. 38, muka surat 281, Pecahan kepala 3—Memperbaiki Hospital-hospital. Untuk maklumat, Tuan Pengerusi, Hospital Daerah Sungai Petani adalah sebuah hospital yang terletak di tengah-tengah di antara Baling, Yan dan Kulim selalu penuh sesak dengan pesakit-pesakit dari daerah-daerah yang saya sebutkan dan juga dari Kuala Muda sendiri. Ini kerana ada tiga buah kem tentera dan juga beberapa buah kilang-kilang yang baru didirian.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri pada satu masa iaitu pada tahun 1974 di mana pada waktu itu saya telah memohon untuk mengadakan satu Yunit Kawalan Rapi (Intensive Care Unit) untuk Hospital Sungai Petani. Yang Berhormat Menteri pada tahun itu telahpun menjawab bahawa tidak ada

tempat di situ dan tidak ada pula jururawat yang terlatih berkenaan dengan perkara ini. Kalaupun dari masa tahun 1974 sampai sekarang (1976) belum dapat dilatih, bilakah agaknya Hospital Daerah Sungai Petani akan dapat dibekalkan dengan yunit ini dan akan mendapat jururawat-jururawat di atas perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan tidak menghampakan permintaan saya ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi jawapan yang akan menyenangkan dan pertimbangan yang saksama.

Menyentuh Pecahan-kepala 58, muka surat 286—Tempat Kediaman Kakitangan, termasuklah rumah-rumah Atendan. Sudahlah hospital ini lama dan buruk, rumah-rumah kakitangan hospital serta Atendan pun buruk serta jalan-jalan masuk ke rumah-rumah ini pun telah rosak, parit-parit di situ pecah. Bila hujan, air hujan masuk dari air parit terus sampai ke rumah Atendan itu dan inilah tidak patut se ali-kali, dengan sebab perkhidmatan yang kita dapati dari hospital-hospital sedangkan kakitangannya duduk dengan tidak selesa.

Pecahan-kepala 59—Perkhidmatan Ubat-ubatan dan Stor Perubatan. Saya dapat tahu ada kekurangan ubat untuk pesakit luar (Medical Out-patient Department). Tuan Pengerusi, kadangkala seorang pesakit luar telah menemui doktor. Sampai di gedung ubat, Pegawai Gedung Ubat memberitahu pesakit luar itu ubat tidak ada lagi di dalam stor. Jadi pegawai Gedung Ubat itu minta pula pesakit ini berjumpa dengan doktor lagi sekali. Bila sudah berjumpa do tor kali kedua, doktor pun telah menulis ubat lain di atas chit kecil itu dan bila sampai di situ diberilah ubat yang lain. Pada pendapat saya perubahan ubat boleh jadi kurang baik ataupun boleh jadi rosak badan pesakit.

Menyentuh Kepala B. 38, Pecahan-kepala 1100, muka surat 271, Aktiviti (4)—Perancangan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, Tikam Batu adalah sebuah pekan yang sedang membangun dengan pesat. Penduduk di beberapa kampung sedang meningkat. Ada juga beberapa buah Sekolah Rendah Menengah di situ. Oleh kerana ini saya berpendapat dan saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri agar dapat diadakan sebuah poliklinik dibina di sini untuk kemudahan penduduk-penduduk dan kanak-kanak dari beberapa buah sekolah. Maklumlah kanak-kanak, kalau datang musim batuk

semua batuk, musim demam banyak yang demam dan juga sama-sama mereka bila masa bermain, kadang-kadang jatuhlah atau dapat kemalangan, jadi kalaulah dari Tikam Batu hendak ke Hospital Daerah Sungai Petani sejauh 7 batu, kalaulah luka parah, tentulah tidak begitu baik. Kalau kita adakan satu poliklinik di Tikam Batu dapatlah kesenangan kepada penduduk-penduduk di beberapa kampung begitu juga kepada kanak-kanak sekolah di situ.

Tuan Pengerusi, lagi satu permintaan saya di Kota Kuala Kedah iaitu patut ditambah seorang lagi jururawat di pusat kesihatan di situ kerana hanya seorang sahaja jururawat bertugas. Dialah memberi ubat, dialah hendak mencuci kudis, dialah juga hendak beri injection. Memandangkan begitu banyak pesakit-pesakit dari beberapa mukim, eloklah ditambah lagi jururawat di situ. Ini adalah dengan permintaan orang-orang di situ.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya tadi menasihatkan wanita-wanita pergi ke hospital enam bulan sekali membuat check-up kerana untuk mengelakkan daripada penyakit jantung, maklumlah Yang Berhormat Menteri nampak saya ini gemuk-gedempol, jadi rasanya patutlah saya ini pun pergi membuat check-up, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya belumlah ada penyakit-penyakit yang begitu. Jadi, saya ingat di atas nasihat Yang Berhormat Menteri tadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

7.42 m/m.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala P. 38, muka surat 281, Pecahan-kepala 4, Aktiviti (6) Hospital Daerah Telok Anson.

Tuan Pengerusi, perlunya mengadakan suatu hospital baru di Telok Anson telah sedari pada awalnya dalam tahun 1968. Dalam Anggaran Belanjawan bagi tahun 1969 sebanyak \$10 telah diperuntukkan bagi projek tersebut. Dalam tahun 1973 peruntukan ini telah dinaikkan sehingga \$2.2 juta, kemudian peruntukan ini telah dikurangkan tahun demi tahun sehingga tahun 1976 dan tahun 1977 peruntukan ini kembali kepada \$10 semula. Meskipun kita mengetahui bahawa adanya peruntukan dalam anggaran tahunan peruntukan tanda (token vote) boleh ditambahkan atau diperbesarkan, tetapi peruntukan

tanda bagi hospital baru Telok Anson telah mencerminkan pemikiran Kementerian Kesihatan. Pendek kata hospital Baru Telok Anson telah tidak menjadi projek keutamaan dan tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Pengerusi, keputusan ini sangat menyedihkan penduduk-penduduk di daerah Hilir Perak. Penduduk-penduduk sebanyak 250,000 di Hilir Perak telah menanti-nantikan hospital baru ini selama lima tahun. Kerajaan telah membayar sebanyak \$550,000 bagi tapak hospital ini beberapa tahun dahulu, tetapi setakat ini projek tersebut masih belum ditunaikan lagi. Kononnya, kesukaran melaksanakan projek tersebut diadakan kerana seramai 45 keluarga yang bermastautin dalam kawasan yang dibeli oleh Kerajaan bagi hospital baru enggan berganjak dari tempat mereka. Sungguhpun pekerjaan dicari bagi mereka oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah, mereka masih begitu degil. Dalam lawatannya ke Telok Anson pada tahun 1975, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah memutuskan bagi menukarkan tapak yang dibeli dengan suatu tapak lain yang sama besar. Usaha menukar adalah mustahil kerana tapak asal telah dibayar oleh Kerajaan dan oleh kerana itu ianya telah menjadi hak Kerajaan. Saya juga percaya Penasihat Undang-undang Negeri Perak telah mengesahkan kedudukan ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak ketahui apa langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentang perkara ini. Sekiranya beliau berasa simpati terhadap 45 keluarga penoreh getah itu, saya mencadangkan beliau menguntukkan lebih kurang \$30,000 untuk membeli dua ekar tanah untuk menempatkan semula mereka (resettle them). Ini adalah lebih murah dari membeli 65 ekar tanah lagi semata-mata untuk mencegah masalah buruk itu. 65 ekar tanah yang dibeli empat tahun dahulu itu bernilai \$550,000. Kini nilainya tentu telah berganda. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memindahkan beratus-ratus orang penduduk dalam pembangunan Ampangan Temenggor. Saya tidak faham mengapa \$30,000 tidak boleh dibelanjakan sebagai perbelanjaan pembangunan hospital baru ini.

Tuan Pengerusi, diharap cadangan saya akan mendapat pertimbangan yang baik dari Yang Berhormat Menteri dan saya juga berharap suatu keputusan yang pantas akan diambil supaya penduduk-penduduk daerah

Hilir Perak tidak payah menanti-nantikan kedatangan projek itu. Pada saat ini tidak sesiapa pun yang untung, kecuali tuan punya ladang, kerana dia telah menerima sebanyak \$550 tiga tahun dahulu, tetapi setakat ini dia masih mengusahakan ladang tersebut. Tambahan pula dia juga tidak perlu membayar-assessment, sewa cukai-cukai tanah dan sebagainya. Segala perbuatan ini cuma memberi keuntungan kepada tuan punya ladang. Saya percaya bukanlah dasar Kerajaan membeli tanah untuk faedah seorang ataupun sesuatu kompeni sahaja. Saya juga percaya bukanlah tujuan Kerajaan mengikat wang yang besar bagi satu penggal yang begitu lama tanpa membangunkan projek bagi kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya bercakap dengan ringkas dan ada bekerjasama maka saya akan minta selewat-lewatnya pukul 8.30 Yang Berhormat Menteri menjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Parit.

7.48 mlm.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kesihatan ini. Saya suka menyentuh kepada Kepala P. 38, muka surat 281, Pecahan-kepala 2—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Sungguhpun boleh dikatakan bahawa masalah kesihatan di dalam negara ini telah bertambah baik sejak kebelakangan ini, tetapi kita tidaklah boleh berpuas hati dengan kemajuan-kemajuan yang tersebut kerana masih banyak lagi perkara-perkara yang mesti dilakukan demi kepentingan kesihatan penduduk di negara kita terutama penduduk di luar bandar dan di kawasan-kawasan pendalaman. Kesihatan kepada mereka adalah satu perkara yang penting dan utama, kerana jika mereka tidak sihat maka tidaklah dapat mereka bekerja untuk menyara hidup. Masalah kesihatan penduduk-penduduk kampung ini tidaklah terhad kepada yang bekerja sahaja bahkan kepada murid-murid sekolah juga.

Pergigian

Perkembangan kemajuan di bidang kesihatan pergigian dalam negara ini memanglah tidak dapat dinafikan tetapi bidang kesihatan

pergigian ini hendaklah diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan pendalaman dengan mengadakan yunit-yunit bergerak kerana sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tidak semua mereka itu mampu untuk pergi ke klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan kecil daerah masing-masing kerana untuk pergi itu memerlukan tambang serta membuang masa bagi mereka mencari nafkah seharian. Jadi dengan adanya yunit bergerak melawat ke kampung-kampung mereka maka dapatlah mereka dirawat.

X-ray

Perkhidmatan X-ray juga hendaklah diberikan kepada golongan yang disebutkan tadi kerana X-ray ini bukan sahaja setakat usaha ubat untuk mencegah penyakit batuk kering, bahkan juga lain-lain penyakit. Maka kelengkapan alat-alat X-ray juga tidak dibekalkan dengan alat X-ray ini terutama hospital-hospital daerah. Jadi sekiranya seorang pesakit itu perlu di X-ray maka terpaksa di hantar ke hospital besar di tempat berkenaan dan sekiranya pesakit itu terlalu tenat boleh jadi ia meninggal dunia di dalam perjalanan. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian yang serious dalam perkara ini. Yunit-yunit X-ray bergerak juga patut diadakan dan dengan itu dapatlah yunit-yunit itu melawat ke kampung-kampung pendalaman.

Klinik-klinik bergerak di dalam tahun 50-an sehingga ke tahun 60-an dahulu kita ada yunit bergerak yang termasuk juga perjalanan melalui sungai-sungai. Saya berpendapat walaupun negeri kita telah moden, yunit-yunit bergerak tak patut diberbentikan, ianya hendaklah diadakan semula terutama di kawasan-kawasan pendalaman yang masalah perhubungan amat sukar.

Kenderaan (ambulan)

Masalah kenderaan juga hendaklah diberi pertimbangan dan perhatian yang serius. Kenderaan hendaklah ditambah di pusat-pusat kesihatan kerana di masa yang tertentu terdapat masalah tidak ada kenderaan, terutama apabila berlaku kecemasan seperti ibu hendak bersalin dan sebagainya. Di hospital luarbandar Changkat Melintang kini cuma ada dua ambulan dan di Klinik Pekan Parit ada sebuah sahaja. Dengan pengisytiharan Parit sebagai satu daerah yang tersendiri iaitu Daerah Perak Tengah, saya rasa tiga buah ambulan itu tidak mencukupi untuk menemui keperluan lebih daripada 150,000

penduduk yang bertaburan. Kalau di kira jauhnya kawasan yang mesti diliputi adalah berpuluh-puluh batu di Parit sahaja ada 20,000 penduduk dan juga ambulan ini terpaksa meliputi kedua belah sungai Perak. Oleh yang demikian, saya minta Menteri yang berkenaan supaya menambah bilangan ambulan itu kepada satu bilangan yang wajar.

Kursus Sivik

Sejak kebelakangan ini terlalu banyak rungutan yang kita dengar dari orang ramai mengatakan kakitangan hospital bersikap kasar dan tidak bertata-tertib, sombong dan sebagainya. Dalam soal ini, saya harap pihak Kementerian Kesihatan hendaklah bersikap tegas terhadap kakitangannya yang bersikap kasar. Sebaik-baiknya diadakan kursus sivik dari semasa ke semasa kepada kakitangan hospital terutama mereka yang di peringkat rendah dan ini akan mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap hospital kita dan juga menambah minat mereka terhadap tugas mereka seharian serta menanamkan semangat bertanggungjawab.

7.55 mlm.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara di bawah Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am, (2) Perkhidmatan Setor dan (3) Perkhidmatan Latihan.

Sambil menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan, saya suka mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan atas usaha-usaha yang dibuat oleh beliau untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan perubatan dalam negara kita. Walau bagaimanapun, ada masalah kakitangan iaitu kekurangan doktor dan jururawat dengan demikian memburukkan keadaan disebabkan bertambahnya bilangan perletakan jawatan oleh doktor-doktor dalam perkhidmatan perubatan untuk memasuki praktis persendirian atau merantau ke luar negeri. Kami mempercayai bahawa tanggungaji dalam perkhidmatan Kerajaan tidak mencukupi lagi sekiranya dibandingkan dengan bilangan masa doktor diperlukan dalam panggilan di hospital. Akan tetapi, cerita lain yang mesti juga diakui yakni dalam praktis persendirian bilangan doktor yang telah berjaya juga diperlukan bekerja sepenuh hari dan kadang kala sampai tengah malam apabila dipanggil oleh pesakit. Mesti ada sebab-sebabnya mengapakah banyak bilangan doktor meletakkan jawatan. Satu daripada sebabnya ialah oleh

kerana kebosanan atau frustration yang dialami oleh mereka dalam perkara kenaikan pangkat atau keadaan perkhidmatan. Kami berharap kepada Menteri berkenaan boleh mengambil perhatian dalam perkara ini.

Saya pernah mendengar cerita yang diperkatakan bahawa dalam perkhidmatan Kerajaan siapa yang rajin lambat naik pangkat. Kami dengan ikhlas berharap bahawa perkara ini tidak berasas dan benar, kerana perkhidmatan begitu akan sampai ke dalam tangan musuh, akan tetapi kami percaya bahawa perkembangan atau promotion patutlah didasarkan atas kebijaksanaan dan jasa.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan untuk menujukan hospital-hospital baru dan juga membina polyclinic baru dan moden. Dengan itu saya suka membangkitkan dua perkara iaitu adalah amat baik untuk pembinaan hospital baru dan moden tetapi kami semua tahu hospital itu dibina di pekan atau di bandar. Ini bermakna banyak doktor akan tertumpu di kawasan bandar sahaja. Bagaimanakah rakyat di luar bandar akan menikmati kebahagiaan. Mereka dikehendaki untuk membayar tambang teksi ke hospital. Mereka menghadapi kesulitan apabila mereka tidak dibenarkan masuk untuk melawat saudara-mara dan kawan kecuali dalam masa rasmi untuk melawat. Mereka juga dikehendaki untuk menunggu masa yang panjang untuk mendapatkan permit melawat yang mana mereka dibenarkan dua orang sahaja kepada seorang pesakit sehari. Begitu juga menyebabkan kelambatan dalam permit melawat oleh sebab masa diambil oleh seorang atendan hospital untuk mengeluarkan permit kepada setiap pelawat. Kami adalah difahamkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh hospital yang berkuasa untuk mencegah kekacauan kepada pesakit dan untuk mengelakkan kecurian harta hospital, tetapi patutkah majoriti dihukum dahulu oleh kerana setengah orang dan sekiranya ada pencuri harta hospital bukankah kakitangan hospital bertanggungjawab sebab mereka tidak menjalankan kerja dengan teratur dalam penyeliaan.

Kita semua tahu bahawa baru-baru ini ada dilapurkan dalam suratkhbar *New Straits Times* bahawa setengah-setengah kelinik private membeli ubat dan pill yang dipunyai

oleh Kerajaan. Itu adalah satu kelakuan pencurian harta yang salah di bawah undang-undang. Adalah perlu untuk mencegah kekacauan kepada pesakit yang dikatakan oleh doktor mesti perlu rehat dan bertenang. Bolehkah pesakit yang demikian dimasukkan dalam wad yang berasingan. Apakah tujuan untuk mengadakan intensive care unit di hospital? Saya suka merayu kepada Menteri untuk menimbangkan samada ada kemungkinan untuk mengadakan wad bersalin dalam kelinik poli semenjak kelinik poli itu ada diberikan perkhidmatan sebagai hospital daerah dalam kawasan desa. Kita semua ketahui bahawa ada wad bersalin di hospital yang besar di bandar, tetapi kita patutlah menimbangkan kes untuk ibu terdiri dari golongan miskin yang mereka dihendaki untuk bekerja menolong pendapatan keluarganya seperti seorang penureh getah atau peladang atau buruh kasar mahupun ibu yang miskin di kampung. Apakah akan berlaku sekiranya dalam kecemasan dia tidak dapat datang ke kelinik poli untuk beranak, dia mesti pergi ke hospital yang terletak sekurang-kurangnya 30 hingga 40 batu jauh jaraknya. Sementara suami mendapat teksi atau kereta sapu mungkin ibu itu akan bersalin dalam kereta dan lagi procedure yang patut dibuat untuk dimasukkan ke wad oleh pegawai yang berkenaan. Pegawai yang berkenaan telah menengok banyak pesakit tiap-tiap hari dan sudah biasa kesulitan yang dialami oleh pesakit dari luar bandar yang tidak tahu bercakap dalam bahasa Malaysia dianggap bukan sebagai manusia tetapi sebagai kerja akan dibuat sebelum mereka bebas dari tugas.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya merojok kepada lapuran dalam suratkhbar *New Straits Times* semalam tentang rakyat Malaysia yang pergi ke England untuk dilatih sebagai jururawat. Adalah dikatakan di bawah Perlembagaan baru Kerajaan British tidak akan mengeluarkan permit bekerja untuk membolehkan mereka menjalankan latihan dan memperolehi pengalaman dalam hospital di England sebelum mereka lulus sebagai jururawat yang berdaftar. Kami mendengar kekurangan kakitangan seperti jururawat di negara kita. Sekarang ada lebih kurang 1,000 jururawat yang akan balik ke Malaysia dengan setengah latihan dan tidak berkelulusan. Dengan kembalinya mereka akan mengujudkan masalah sosial disebabkan frustration mereka. Saya merayu kepada Menteri untuk menimbangkan samada ada

kemungkinan untuk Kerajaan menghantar perwakilan ke Kerajaan British melalui Duta di London untuk membuat representation membenarkan jururawat itu menyambung latihan mereka sehingga mereka betul-betul berkelulusan supaya apabila semua hospital baru yang akan siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga nanti akan mempunyai kekosongan yang cukup untuk menerima mereka.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Untuk semua dapat peluang bercakap, tolong ringkaskan lagi dan tidak melebihi tujuh atau lapan minit. Namanya ada bertambah seorang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

8.05 mlm.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan yang berjumlah \$541,865,670. Saya akan mengadakan perbahasan saya di bawah Pecahan-kepala 1100 muka surat 271 aktiviti (1)—Pentadbiran Am, (8) Perkhidmatan Rawatan Pesakit dan Kepala Pembangunan 38 Pecahan-kepala (2) Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan (3) Hospital Baru.

Memandangkan kepada tujuan dan hasrat Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan ini iaitu untuk memperbaiki taraf kesihatan rakyat dan mengurangkan perbezaan perbekalan perkhidmatan di kawasan-kawa yang tidak bernasib baik, Kerajaan sentiasa menekankan bahawa pembahagian perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih seimbang di antara negeri-negeri dan daerah-daerah hendaklah diwujudkan. Di masa-masa lalu kita dapati bahawa pembahagian perkhidmatan ini tidak dapat diwujudkan semua sekali dan ini adalah suatu hal biasa yang juga berlaku di negara-negara lain di dunia ini yang keadaannya sama seperti Malaysia kita. Akan tetapi, apabila kita membuat rancangan dan menyediakan program-program dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, maka nyatalah program itu akan dapat menyahut seruan atau hasrat tekanan Kerajaan.

Memerhati dan meneliti daripada tajuk-tajuk dan senarai-senarai projek seperti bangunan hos ital-hospital baru dalam negeri-negeri, khususnya bangunan baru dan hospital daerah yang akan dilaksanakan di seluruh

negara adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, kesempurnaan 100% tidak akan diperolehi, kesilapan perancangan, kelemahan pentadbiran adalah sebagai kelaziman atau amalan biasa. Apa yang diharapkan bahawa segala kesilapan dan kelemahan hendaklah dibaiki dan diperbetulkan sebelum terlewat, terutama kesilapan dari pihak yang tertentu samada pihak pentadbiran negeri-negeri atau Kementerian yang menyentuh atau menyinggung perasaan hati seluruh rakyat sesuatu daerah itu berhubung dengan pemberian hospital.

Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang anggota Kerajaan terpaksa membangkitkan dalam soal ini kerana saya dapati dalam senarai projek hospital daerah, daerah saya iaitu daerah Bachok telah ketinggalan, sedangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini semua lima daerah di negeri Kelantan yang belum ada lagi hospital daerah samada penduduknya lebih ramai atau terkurang jauh dari daerah Bachok akan dapat peruntukan sebuah hospital daerah masing-masing. Saya berpendapat hal ini bukan satu perkara yang disengajakan oleh mana-mana pihak atau ini bukanlah satu hukuman kepada rakyat Bachok yang menyokong 100% Kerajaan yang memerintah sekarang dengan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada saya dalam pilihanraya Umum 1974. Bahkan kejadian ini adalah satu kesilapan dari pihak yang tertentu. Kalaulah dapat dipersetujui maka jawapan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari ini seperti yang diberi kepada Dewan ini dalam perbahasan meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga tempoh hari tidak perlu diulang lagi. Saya minta Kementerian memberi layanan-layanan istimewa kepada Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional Bachok dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam masaalah yang sensitif ini samada layanan jawapan surat mahupun layanan sedia menerima rombongan dari Jawatankuasa Barisan Nasional di Bachok, istimewa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan diharapkan campurtangan bagi menentukan projek yang tertinggal ini, dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan masa yang sebaik-baiknya pada pendapat saya ialah dalam membahaskan Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang mungkin akan diadakan dalam tahun 1978 akan datang.

Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (8) Perkhidmatan Rawatan Pesakit, sejak beberapa tahun kebelakangan ini perkhidmatan rawatan pesakit telah begitu tinggi nilainya. Ini adalah disebabkan oleh pentadbiran yang licin lagi cekap kesedaran dan kemahiran serta kepakaran dari para doktor, disiplin dan layanan yang memuaskan dari pihak jururawat dan lain-lain kakitangan terhadap pesakit-pesakit tanpa mengira ugama, bangsa dan kedudukan seseorang. Inilah yang menyebabkan bilangan pesakit terutama dari luar bandar berlumba-lumba datang ke pusat-pusat kesihatan daerah dan hospital bertambah dengan pesatnya. Contohnya seperti hospital-hospital di negeri Kelantan sendiri. Dalam setahun-dua ini pula, bilangan doktor-doktor perempuan kelihatan bertambah dengan banyak, samada dalam bidang kedokteran biasa atau kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu. Di hospital Kota Bharu misalnya, lebih daripada 10 orang doktor perempuan yang sedang bertugas sekarang ini. Bertambahnya pesakit-pesakit perempuan dari luar bandar mendapat rawatan di hospital sekarang sedikit-sebanyak adalah hasil dari bertambahnya bilangan doktor-doktor perempuan. Untuk menggalakkan lagi sambutan pesakit-pesakit perempuan dari luar bandar datang ke hospital maka beberapa ikhtiar bolehlah dilakukan.

Satu daripada kegiatan atau usaha yang berkesan patut diadakan ialah pemeriksaan awal ataupun first consultation kepada pesakit-pesakit perempuan hendaklah seboleh-bolehnya dilakukan atau dijalankan oleh doktor-doktor perempuan sendiri. Pemeriksaan awal ini ialah pemeriksaan yang dilakukan oleh doktor selepas sahaja pesakit-pesakit itu diberi kad pesakit. Pemeriksaan awal ini untuk menentukan samada seseorang pesakit itu perlu dirawat di hospital atau sebaliknya.

Biasanya pemeriksaan awal inilah juga untuk menentukan wad mana yang patut dibawa pesakit itu menerima rawatan. Tindakan ini bukan bermakna kurang yakin kepada doktor laki-laki tetapi ini adalah kehendak keadaan pada masa ini. Saya percaya dengan bertambahnya bilangan doktor perempuan ini maka peraturan ini bolehlah dilakukan di mana-mana hospital negeri yang bilangan doktor perempuannya menggalakkan. Saranan

saya ini tidaklah termasuk pesakit-pesakit yang mengidap penyakit-penyakit yang tertentu di mana doktor pakar sahaja diperlukan untuk mengubatnya.

Dalam kesempatan ini saya mengharapkan Kementerian ini supaya lebih banyak lagi doktor-doktor perempuan dilatih di luar dan di dalam negeri untuk menemui keperluan pesakit-pesakit kita terutamanya pesakit-pesakit perempuan.

Selain dari itu, saya suka menyentuh iaitu saya selalu menerima komplek-komplek dari orang ramai yang di luar bandar mengenai pakaian jururawat kita di hospital-hospital ataupun di mana-mana pusat kesihatan. Untuk menyambut seruan ini, maka saya berpendapat sudah sampai masanya Kementerian ini berfikir dan mengambil tindakan awal bagi menukar uniform jururawat kita yang ada sekarang kepada satu uniform yang lebih sopan-santun, sesuai dengan Islam ugama negara kita.

Jika perlu seminar-seminar juga patut diadakan dalam soal ini, saya difahamkan bahawa sebahagian daripada jururawat kita sememangnya bersetuju menukar uniform itu kepada yang lebih baik seperti jururawat di setengah-setengah negara Islam umpamanya di Pakistan. Mereka diberi satu uniform yang sungguh menarik, bersopan-santun, manis dipandang dan halal pada hukum Islam. Uniform ini terdiri dari seluar panjang, baju kemeja separuh labuh dan bila tiba musim sejuk ditambah dengan overcoat. Sekian sabaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan.

8.15 mlm.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bercakap di muka surat 284-285, P. 38 Pecahan-kepala 31-39 berkaitan dengan Pembangunan di bawah Kementerian ini untuk Sarawak.

Sukacita saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan yang telah memberi perhatian besar kepada Negeri Sarawak, selain daripada memberi rancangan-rancangan pembangunan di bidang Kesihatan dan perubatan di bandar-bandar besar, tidak ketinggalan juga di luar bandar dan desa di seluruh negeri Sarawak untuk dinikmati oleh semua peringkat rakyat.

Tuan Pengerusi, semenjak perkhidmatan doktor udara diadakan di Sarawak yang telah membuktikan kepada rakyat luar bandar yang telah banyak menyelamatkan nyawa rakyat sebagai satu kejayaan Kerajaan Barisan Nasional menerusi Kementerian ini benar-benar mengambil perhatian berat atas masalah kesihatan rakyat luar bandar seperti yang ditegaskan oleh Menteri yang berkenaan waktu membentangkan peruntukan perbelanjaan yang dikehendaki ini.

Walaupun demikian, perkhidmatan ini pada masa sekarang belum lagi dapat memberi perkhidmatannya kepada semua rakyat luar bandar. Sekurang-kurangnya usaha telah dibuat dengan bersungguh-sungguh. Kami ucapkan tahniah kepada keseluruhan Kementerian ini atas kejayaan yang telah dicapai. Oleh yang demikian, suka saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya perkhidmatan doktor udara ini ditambah lagi bagi kepentingan rakyat di ulu-ulu sungai dan pedalaman di negeri Sarawak. Untuk menambah lebih baik lagi di bidang kesihatan yang sangat diperlukan oleh rakyat luar bandar termasuk perkhidmatan pergigian juga seimbang dengan kemajuan pembangunan negara yang sedang membangun pesat dan bergerak cergas menuju ke arah rakyat sihat, negara maju; sepertimana yang dilafazkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani sebentar tadi.

Kesihatan adalah lebih berharga dari duit atau wang seperti yang telah diterangkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Mengenai hospital daerah Mukah pula, pada masa sekarang sentiasa penuh katil di dalam kawasan bilik wad dan kadangkala pesakit ditempatkan di luar bilik wad. Ini ialah atas daya usaha yang begitu cemerlang dan begitu baik daripada kaitan hospital tersebut yang sentiasa bertimbang rasa kepada pesakit.

Bagi pesakit T.B. pula yang saya lihat sendiri boleh dikatakan sentiasa berada di luar bilik wad disebabkan tidak ada tempat yang lain lagi untuk mereka. Oleh hal yang demikian, dengan adanya anggaran peruntukan bagi memperbaiki atau membesarkan hospital-hospital sebanyak \$840,000 ini dapatlah digunakan sebahagian daripadanya bagi menambah atau membesarkan lagi hospital daerah Mukah untuk mengelakkan pesakit tidak terdedah di luar bilik wad seperti yang terdapat sekarang ini.

Mengikut sepertimana yang diketahui di Selangau, Ulu Mukah dan di Sekau Ulu Oya dan di Ulu Sungai Arip, Balingian klinik-klinik kesihatan akan dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Apa yang saya harapkan klinik-klinik yang berkenaan dapat dibuat dan digunakan menjelang tahun 1978 selewat-lewatnya bagi mengatasi masalah kesihatan penduduk-penduduk yang sekitar di kawasan yang tersebut. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat bekerjasama bagi melaksanakan segala rancangan seperti itu demi mencapai tujuan dan hasrat Kementerian ini untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di luar bandar. Saya berharap juga, perkhidmatan kesihatan luar bandar di seluruh negeri Sarawak dibaiki lagi dengan bekalan ubat-ubat yang mencukupi beserta dengan kakitangan yang terlatih dan bersopan santun bagi melayan pesakit luar bandar yang tidak begitu mengetahui cara-cara untuk menggunakan ubat. Biarlah diberi dengan penerangan yang cukup jelas untuk difaham oleh mereka seperti ini bagi mengelakkan ubat yang diberi itu tidak disalahgunakan bagi pesakit yang tertentu itu.

Kami berharap juga sekurang-kurangnya Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian ini selalu melawat di kawasan luar bandar negeri Sarawak untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi segala rancangan yang sedang dibuat dan yang diatur atau yang dirancang supaya dapat berjalan mengikut jangka masa yang ditentukan serta wang yang dibelanja itu benar-benar memberi faedah dan perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh rakyat seluruhnya.

Saya turut bersama-sama menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini bagi tahun 1977.

8.24 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hanya merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu mengenai Pecahan-kepala 1200, Aktiviti 5 berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Awam dan di samping ini saya ingin mengucap sedikit mengenai demam denggi. Tuan Pengerusi, saya rasa masanya telah tiba bagi Kementerian untuk mengadakan satu kempen yang lebih sistematik, dirancang dengan baik dan dikelolakan dengan teratur untuk melawan demam denggi. Keadaan demam denggi hari

ini sangat serius dan berkehendakkan tindakan yang segera dan benar-benar berkesan diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskannya.

Sebuah akhbar tempatan telah menyebut bahawa laporan kes-kes demam denggi terutamanya di Wilayah Persekutuan dan Selangor telah membimbangkan Kementerian Kesihatan. Daripada 33 kes yang dilaporkan di seluruh Semenanjung Malaysia di antara 7hb hingga 20hb November, tahun ini, 25 kes termasuk dua kematian datangnya dari Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sejumlah 146 kes dan 13 kematian dilaporkan di Wilayah Persekutuan sepanjang tahun ini berbanding dengan 67 kes dan 7 kematian bagi tempoh yang sama tahun yang lalu. Jumlah kematian bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 29 orang daripada sejumlah 395 kes yang dilaporkan hingga 20hb November, tahun ini.

Tuan Pengerusi, faktor-faktor dan angka-angka yang saya sebut di atas dengan jelasnya menunjukkan betapa seriusnya masalah demam denggi ini terutamanya di Wilayah Persekutuan, langkah-langkah yang diambil hingga kini oleh Kementerian untuk menghadapi wabak ini tidak mencukupi dan tidak berkesan. Tiap-tiap kali demam denggi berlaku, Kementerian nampaknya tidak lengkap untuk melawannya, penyemburan atau fogging sebagai contoh dijalankan dengan cara yang kelam-kabut tidak ada semburan besar-besaran atau fogging besar-besaran dibuat untuk melawan penyakit ini. Perkara yang tidak baik mengenai tindakan keseluruhannya ialah penghuni-penghuni rumah disalahkan kerana merebaknya demam denggi ini. Sudah tentu saya tidak menafikan bahawa kerjasama orang ramai sangat penting untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk aedes tetapi apa hal pula pihak Berkuasa Tempatan yang tidak cekap untuk mengawas pembuangan tin-tin kosong, bekas-bekas tayar dan benda-benda lain yang akan menakung air. Di luar daripada tempat-tempat kediaman dan tempat-tempat awam, tidakkah mereka boleh disalahkan juga. Saya bukan membuat kenyataan yang tidak berasas, Tuan Pengerusi. Misalnya, di dalam Wilayah Persekutuan ada banyak contoh-contoh yang mana yang pihak Berkuasa Tempatan tidak dapat mengawasi pembuangan bekas-bekas yang tidak dikehendaki di tempat-tempat awam yang membiak nyamuk aedes. Dengan itu, saya rasa tidaklah adil menyalahkan

penghuni-penghuni rumah apabila pihak-pihak berkuasa tempatan sendiri tidak dapat menunjukkan satu contoh yang baik dan berkesan. Sekali lagi saya ingin mencadangkan kerjasama yang lebih giat mestilah ada di antara Kementerian Kesihatan dengan pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk melawan demam denggi. Kementerian Kesihatan mesti sendiri bersedia dengan kempen yang dirancang dengan teratur untuk melawan demam denggi daripada menunggu wabak demam denggi datang dan baharu hendak mengambil tindakan kelam-kabut untuk mementangnya.

Yang akhirnya, saya juga ingin menyeru kepada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah-langkah yang lebih aktif di dalam menentang penyakit-penyakit yang berjangkit yang banyak terdapat di kalangan kanak-kanak dengan ini dapat mengurangkan kadar kematian bayi-bayi. Dalam hubungan ini saya cadangkan supaya diadakan satu kempen kebangsaan untuk menyuntik semua kanak-kanak terhadap penyakit-penyakit polio, diptheris, whooping cough dan tetanus, untuk mengelakkan daripada merebaknya penyakit-penyakit ini sekurang-kurangnya 80 rakyat mestilah disuntik daripada penyakit-penyakit ini; pada masa ini kurang daripada 20 rakyat negeri ini disuntik

8.26 mlm.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 38 muka surat 282 ini, saya suka hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan mengenai dengan Hospital Daerah Maran/Jengka.

Di sini saya minta penjelasan sedikit oleh kerana di suatu ketika dahulu rancangan asalnya Hospital ini hendak didirikan di Jengka Pusat (Jengka Triangle) Kemudian apabila saya membuat pertanyaan dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri, maka Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa hospital itu akan didirikan di bandar Maran. Tetapi baru-baru ini saya mendengar pula pihak Kementerian akan mendirikan hospital itu di bandar Jengka. Jadi, saya percaya pihak Kementerian, pihak Menteri sendiri pun sekarang ini pun masih belum menetapkan di mana samada hendak dibuat di bandar Maran ataupun dibuat di bandar Jengka. Jadi, itu fasallah barangkali ditulisnya Hospital Daerah

Maran/Jengka. Sedangkan yang lain itu semua sudah tetap. Jadi di sini saya suka merayu kepada Yang Berhormat Menteri hospital ini patutlah kalau mengikut hasrat pembangunan Wilayah dibuat di bandar Jengka Pusat. Kerana di bandar Jengka Pusat tapaknya sudah ada dan rakyat peneroka di situ berjumlah sekarang ini 65,000 orang dan akan meningkat kepada 150,000 orang tidak lama lagi. Jadi kalau kita fikirkan di seluruh kawasan Maran tempat yang paling di tengah-tengah sekali ialah di bandar Pusat Jengka dan bukannya di bandar Maran. Kalau dibuat di bandar Maran sekalipun di bandar Maran maka orang yang akan pergi ke hospital ini kebanyakannya adalah orang di Jengka dan sekitar Jengka. Jadi di sini saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan sedikit dan jikalau belum ada ketentuan di mana hospital itu hendak didirikan, maka saya merayu supaya Menteri mempertimbangkan semula supaya perkara ini ditetapkan di Jengka Pusat.

Satu perkara yang saya suka menarik perhatian di sini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan perkhidmatan rawatan pesakit, jadi banyak Ahli-ahli telah mengemukakan bahawa perhubungan pegawai-pegawai perubatan samada peringkat rendah atau peringkat tinggi adalah sangat buruk. Mungkin Kementerian menafikan, tetapi perkara ini sebenarnya adalah benar. Saya hendak beri contoh di Mentakab misalannya. Di Hospital Mentakab, saya telah mendengar banyak complaint bukan sahaja daripada orang ramai tetapi daripada Wakil-wakil Rakyat, daripada Penghulu-penghulu, daripada Ketua-ketua Parti mengatakan bahawa pesakit-pesakit luar ini sangatlah tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pegawai-pegawai hospital ini. Kadang-kadang Dato Penghulu pun kena tengking, kena herdik, kemudian peraturan tidak diikuti, pesakit yang dapat nombor dahulu dikemudiankan, dan yang kemudian didahulukan. Perkara ini patutlah mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

Demikian juga keadaan yang terdapat di Hospital Kuala Lumpur. Lebih daripada 6 bulan sudah seorang tua telah dimasukkan daripada Hospital Mentakab ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Oleh kerana barangkali penyakitnya itu serius maka doktor mengatakan beliau ini tidak ada peluang, maka beliau telah dihantar balik ke kampungnya. Jadi pegawai-pegawai sepatutnya menghantar

mereka ini ke station bas memberikan teket waran tidak melihat bahawa orang tua yang sedang berumur 70 tahun ini betul-betul naik bas yang boleh membawa dia ke Temerloh. Jadi, saudara-mara yang menunggu di Temerloh dapati orang tua ini tidak sampai. Mereka datang kepada saya, saya round dengan mereka ini di Kuala Lumpur ini selama dua hari untuk mencari di mana orang tua ini berada, kerana umurnya, kerana sakitnya, mungkin beliau ini telah sesat. Di hari ketiga akhirnya didapati beliau pergi merayau-rayau di satu station bas dekat Mentakab. Dan beliau itu dijumpai dalam keadaan letih, dan sakit kemudian dibawa balik ke kampung dan dalam masa tiga, empat hari beliau ini telah meninggal dunia. Sungguh pun saya telah menulis surat kepada Pengarah Hospital dan Pengarah Hospital telah meminta maaf dengan panjang lebar, saya sangat puas hati, tetapi saya cuma hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa perhubungan antara pegawai dengan pesakit ini memang ada dan patut mendapat perhatian.

Tiga hari sudah saya juga pergi ke mesyuarat Tindakan Negeri di Kuantan di mana mesyuarat ini dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri. Maka di dalam mesyuarat ini ada Chief Medical Officer, Pahang. Ada satu complaint dari Pegawai Daerah Temerloh mengatakan di Hospital Mentakab ini ada seorang pakar pembedahan (surgeon) tetapi malangnya surgeon ini tidak dapat digunakan oleh kerana pakar bius tidak ada. Jadi apabila soalan dikemukakan kepada Chief Medical Officer, Chief Medical Officer mengatakan beliau telah mengarahkan pakar bius supaya pergi ke Hospital Mentakab dan juga Hospital-hospital dalam Pahang, dari semasa ke semasa. Kemudian apabila ditanya mengapa pakar bius ini tidak pergi, maka jawapan Chief Medical Officer ini sepatutnya beliau pergi tetapi tidak mahu pergi dan beliau pula telah mengarahkan Medical Superintendent supaya mengarahkan pakar bius ini pergi.

Pakar bius ini tidak pergi dan bila ditanya mengapa dia tidak pergi, maka dia menjawab itu saya tidak dapat buat apa-apa. Jadi apabila ditanya lagi, apa sebab tidak dapat berbuat apa-apa kerana kamu Chief Medical Officer. Jawabnya, doktor-doktor ini kita tidak boleh tekan-tekan sangat, kalau kita tekan-tekan sangat dia berhenti. Inilah jawapan dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Raja dalam

negeri dan di hadapan semua Wakil Rakyat. Jawab ini melambangkan sikap satu pegawai yang besar dalam negeri. Jadi seolah-olah kita tidak dapat menegor mereka dan mereka boleh buat apa yang mereka suka. Inilah tiga perkara, tiga contoh yang saya beri kepada Yang Berhormat Menteri, saya rasa sudah cukup yang membayangkan bahawa memang—memang perhubungan di antara pegawai-pegawai kesihatan dan juga orang ramai tidak begitu baik. Seharusnya Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya samada seperti kata salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi diberi civic course atau dihantar circular yang sesuai supaya orang ramai tidak mencemar nama baik Kerajaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana saya lihat dalam senarai ini ada 33 buah hospital baru hendak dibuat. Ini menunjukkan bahawa kita telah mencapai kemajuan yang pesat di segi kesihatan.

Akhir sekali, saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya harap lima minit sahaja, sebab sudah lebih daripada pukul 8.30 malam sebagaimana yang saya janjikan tadi.

8.32 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong dan saya bercakap seberapa ringkas yang boleh iaitu mengenai B. 38 dan P. 38.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya walaupun nama-nama itu tidaklah begitu mustahak tetapi kalau dikaji nama tempat atau perhiasan adalah sangat mustahak di segi perubahan. Sebab itulah kadang-kadang ada setengah orang yang sanggup berubat dengan doktor prebet yang mana saya yakin ubatnya tidak berbedza dengan ubat yang diambil di hospital biasa, walaupun satu malam bayarannya sampai \$100 atau \$200. Saya mendengar ada setengah orang yang sanggup berubat seperti saya katakan tadi dia telah masuk dispensary selama enam hari, tetapi saya tidak hendak sebutkan namanya di sini,

ia telah mengeluarkan belanja hampir-hampir \$1,000. Ubat yang diberikan itu adalah tidak lebih daripada ubat yang dimakan di hospital biasa, ini adalah kerana pengimapan itu mustahak. Kadangkala ada orang yang merasa terkejut mengenai sesuatu perkara yang agak pelik dan ini boleh menyebabkan ia mati dengan serta-merta. Jadi, selain daripada ubat, perasaan dan tempat yang baik adalah juga mustahak.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan nama hospital ataupun rumah sakit itu patutlah diganti dengan nama perubatan. Yang kedua, Tuan Pengerusi, nama wad-wad. Nama ini kurang manis sedikit, kalaulah di Perlis yang dikatakan wad ini ialah tempat "Tiam" tetapi saya tidak tahulah di sini. Sekiranya kita mengatakan Wad III, Wad IV tidak begitu manis. Saya rasa kalau boleh dinamakan bangunan itu dengan nama bunga seperti bunga raya ataupun sahaja bunga yang difikirkan patut, kemudian kita adakan tingkat 1, 2 dan 3. Begitu jugalah mengenai dengan kelas, tidak payahlah kita menamakan kelas 1, 2 dan 3. Seperti saya katakan tadi selain daripada ubat, perasaan manusia apabila dia pergi ke satu tempat yang agak jijik, maka dengan sendiri akan timbul satu perasaan yang lain kepada mereka itu. Perkara ini patut dikaji, sebab itulah saya berpendapat nama-nama Wad dan sebagainya patut ditukar dengan nama-nama seperti bunga raya, bunga rampai atau apa sahaja yang difikirkan patut kemudian diadakan Tingkat 1A, 1B dan sebagainya supaya janganlah apabila ada orang pergi ke hospital mereka mendapati Kelas 1 ini untuk orang yang kenamaan, Kelas II, kurang sedikit dan Kelas III untuk rakyat biasa. Apabila mereka pergi ke sana mereka biar terasa apabila diperiksa oleh pegawai yang berkenaan dapat layanan yang sama.

Tuan Pengerusi, mengenai perkhidmatan doktor di hospital pada masa malam terutamanya, walaupun saya yakin ada doktor khas bertugas pada waktu malam, tetapi setengah daripada doktor-doktor itu balik ke rumah. Penyalit ini dia bukan mengenal malam ataupun siang, kadang-kadang tergigit ular, perut enak atau apa sahaja yang selalu biasa berlaku. Sekiranya ada satu-satu kes mereka terpaksa menalipon doktor-doktor dan kadang-kadang memakan masa selama setengah jam atau paling lewat sejam lamanya. Ini biasa berlaku. Bagi hamba Allah yang sakit ini dia tidak boleh menunggu. Oleh itu, patut sangatlah diadakan

satu bilik khas untuk doktor dengan dikhaskan makanan secara yang istimewa supaya ia jaga sedikit. Kalaulah ditakdirkan malam itu ada satu-satu kes biarlah diberi doktor itu mengambil cuti pada besok harinya supaya jangan malam itu dia sudah bertugas dan besok harinya dia kena bertugas lagi. Ini akan menyebabkan ia kelabu mata dan letih dan apabila melihat orang sakit dia akan menjadi lebih sakit lagi. Mereka sepatutnya diberi cuti istimewa pada kesokan harinya kalau malam itu ada satu-satu kes.

Tuan Pengerusi mengenai berkhatan. Berkhatan ini adalah satu perkara yang mustahak dan orang yang hendak bertugas bahagian berkhatan ini hendaklah orang yang ada berkebolehan betul-betul dan jangan diberi tugas ini kepada orang yang tidak ada kebolehan. Ini akan menyebabkan berlaku satu-satu perkara yang tidak diingini dan tidak payahlah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini kerana perkara ini sangat mustahak kepada manusia.

Tuan Pengerusi, dalam segi rawatan, selain daripada ubat, sopan-santun juga adalah perlu. Saya perhati semua tempat yang mana saya telah lawati samada dispensari atau hospital semua doktor walaupun dia berbangsa Melayu, China atau India hendaklah bercakap dengan manis, begitu juga penjaga-penjaga di luar. Saya berpendapat selain daripada ubat yang mujarab, sopan-santun hendaklah ada dalam tempat perubatan itu daripada doktor sampailah kepada orang yang mengangkat pesakit. Ini sangatlah mustahak, Tuan Pengerusi. Kalau sopan-santun tidak ada, bercakap pula dengan sombong orang yang sakit sedikit akan menjadi bertambah sakit. Sekiranya sakitnya itu teruk, tetapi bercakap dengan sopan-santun: Tidak apa mak cik atau tuan akan bertambah baik. Dengan berkata demikian akan menjadi separuh daripada ubat. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi, begitu juga

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Mengenai penderma-penderma anggota seperti derma darah atau mata patutlah Kerajaan memberi layanan yang cukup istimewa kerana penderma ini. Kalau setakat derma wang ringgit adalah derma

biasa, tetapi ada manusia yang dia sanggup untuk menderma anggota seperti sebelum dia mati dia telah berkata untuk mendermakan matanya, begitu juga derma darah patutlah kita memberikan satu keistimewaan kepada dia, samada bintang atau rawatan istimewa di rumah sakit. Setelah dia memberi derma dua—tiga kali tetapi selepas itu kita tidak memberi apa-apa. Saya rasa ini adalah satu derma yang paling istimewa.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri hendak mengadakan Jawatankuasa Hospital ataupun Pelawat Hospital. Kita hendaklah pilih mereka yang bukannya terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat tetapi sesiapa sahaja yang sanggup memberikan khidmat kepada rakyat. Bukannya kepada Menteri sahaja, maktumlah dia berada di Kuala Lumpur sedangkan hospital sangat banyak terdiri daripada hospital kecil dan besar yang ada di Malaysia. Jadi, sebagai mewakili Menteri atau Timbalan Menteri patutlah diadakan Pelawat-pelawat Hospital untuk mengadakan lawatan. Sekiranya hendak melantik biarlah orang yang sanggup bekerja, jangan melantik seseorang itu sampai 3-4 tahun sekalipun dia tidak pergi melawat. Apabila dia pergi melawat hendaklah mengambil laporan sekurang-kurangnya enam bulan sekali untuk mengetahui kedudukan hospital.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab, saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi kerjasama juga dan menjawab dengan ringkas sahaja.

8.39 mlm.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai pandangan berkaitan dengan perkhidmatan perubatan di bawah Kementerian saya. Dengan itu, saya mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu dengan ucapan ribuan terima kasih.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan adalah sebuah Kementerian yang besar. Bilangan kakitangannya mulai daripada pegawai-pegawai ikhtisas serta cara medical dan juga buruh kasar di Semenanjung Malaysia berjumlah 54,000 orang termasuk negeri Sabah

dan Sarawak. Jadi memanglah barangkali kadangkala ada pegawai-pegawai dan kakitangannya bersikap tidak sopan santun. Memang ada, saya mengakui. Tetapi saya suka menasihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dan juga rakyat jelata amnya bahawa tiap-tiap pekerja di hospital-hospital atau di Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil serta juga Klinik Bidan dan Klinik Desa. Adalah dikehendaki menggunakan nama-tag; namanya sendiri. Jika sekiranya ada seseorang pegawai bersikap kurang bersopan santun maka terpujangkah kepada rakyat jelata ataupun pesakit-pesakit untuk menulis nama pegawai itu dan menyampaikan satu complain kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab serta juga menyampaikan complain itu kepada Kementerian saya, maka Kementerian saya akan menyiasat seterusnya. Jika sekiranya kita menerima complain secara am sahaja maka susahlah bagi Kementerian saya untuk menyiasat. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga rakyat jelata khasnya pesakit-pesakit kita yang dirawat di hospital di Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan di Jabatan-jabatan pesakit luar di seluruh tanahair bagi bekerjasama mengambil perhatian dengan cadangan ini dan saya percaya pegawai-pegawai yang bersikap kasar itu kita dapat membuat penyiasatan dan seterusnya Kementerian saya akan mengambil langkah seperti tindakan tatatertib terhadap mereka.

Tuan Pengerusi, cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan pada petang ini, pada pendapat saya jika hendak memberi jawapan satu persatu tentulah barangkali terpaksa mengambil masa 40 minit. Tetapi saya rasa eloklah diringkaskan sahaja oleh kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat pun sudah merasa lapar sekarang dan saya akan bercakap dengan ringkas sahaja menjawab ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tan Sri Lee Siok Yew: Berkenaan dengan rancangan-rancangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini memanglah Kementerian ini telah membuat keputusan, mana rancangan-rancangan yang penting serta patut diberi keutamaan khasnya kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti di Negeri Kelantan. Negeri Kelantan adalah bagi kali yang pertama akan mendapatkan beberapa buah

hospital yang baru. Misalnya, di Negeri Kelantan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, empat buah hospital baru akan dibina di Kubang Pasir, Machang, Pasir Mas dan Tanah Merah. Sebuah hospital baru di daerah Tumpat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kita berdoa rancangan pembinaan hospital khasnya di kawasan Tumpat ini akan boleh dilaksanakan sebelum pilihan raya yang akan datang, jikalau boleh untuk memuaskan hati Ahli Yang Berhormat dan mempertahankan kawasan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pandangan dan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak, yang sebenarnya negeri Sarawak ini sebuah negeri yang pertama Kementerian Kesihatan ini telah melancarkan "flying doctors" dengan menggunakan helicopter melawat kekawasan yang terpencil mul pertengahan tahun 1973. Sekarang ada dua buah helicopter yang melawat ke kawasan-kawasan masing-masing untuk memberi rawatan perubatan dan kesihatan kepada saudara-mara kita di kawasan-kawasan yang terpencil dan perkhidmatan ini akan diteruskan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak janganlah berasa khuatir, sungguhpun saya tidak mempunyai masa yang lebih untuk melawat ke tiap-tiap kawasan tetapi saya sendiri telah melawat keseluruh negeri Sabah dan seluruh negeri Sarawak. Sekarang saya ada seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen, saya telahpun mengarah agar beliau sentiasa melawat kesemua kawasan di seluruh negeri Sarawak dan memberi laporan kepada saya. Dengan laporan itu saya akan mengambil apa-apa tindakan yang sesuai untuk meninggikan taraf perkhidmatan perubatan di negeri Sarawak dengan lebih berkesan lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Mantin mencadangkan supaya diadakan maternity unit di poly clinic. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mantin itu saya suka memaklumkan bahawa di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di bandar, Kementerian saya menggalakkan ibu-ibu bersalin di rumah sendiri dengan tolongan bidan atau jururawat. Hanya kes-kes yang dalam pemeriksaan atau antenatal yang difikirkan akan mengalami kesusahan pada masa bersalin dan

oleh sebab-sebab tertentu adalah diminta datang ke hospital untuk bersalin. Inilah tujuan kita dan saya berharap semua ibu-ibu yang mengandung akan bekerjasama dengan jururawat yang terlatih serta juga bidan di negara kita dengan mengadakan pemeriksaan tiap-tiap bulan. Jangan tunggu dua tiga bulan baru datang periksa, sekali. Suami juga adalah bertanggungjawab. Suami janganlah biarkan sahaja isteri bila isterinya mengandung. Kalau dibiarkan suami adalah bersalah. Suami juga bertanggungjawab untuk menasihatkan isterinya supaya datang mendapatkan rawatan, oleh kerana perbuatan itu adalah kerana suami. (Ketawa) Jadi kita tidak boleh biarkan!

Tuan Pengerusi: Partnership—kongsi!

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, itulah dasar yang dijalankan oleh Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menyentuh mengenai dengan Intensive Care Unit. Malangnya, kita kekurangan pakar khasnya physicians, pakar-pakar perubatan yang tidak mencukupi. Sungguhpun kita ada Intensive Care Unit, doktor-doktor biasa dan pakar-pakar perubatan tidaklah boleh buat apa-apa pun. Ini satu masalah yang saya akan jawab yang akhirnya pada petang ini berkaitan dengan kekurangan pakar-pakar itu. Di dalam ucapan itu, saya telahpun merayu dengan doktor-doktor kita supaya jangan berhenti berkhidmat dengan Kerajaan. Saya sudah bertemu dengan semua pakar-pakar di seluruh negara kita dari semua jenis pakar pada dua minggu yang lalu di Kementerian saya dan berdallog dengan pakar-pakar tersebut atas kesulitan dan kerumitan yang telah timbul. Dan juga apa sebabnya rasa tidak puas hati dan sebagainya maka dallog itu adalah sangat berguna, apa-apa rahsia semuanya dikeluarkan. Saya memberi jaminan kepada pakar-pakar yang berkenaan itu bahawa ini adalah menjadi tugas saya untuk menahan bilangan pakar-pakar yang mahir meneruskan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan. Dan perkara-perkara yang didallogkan ini tidak dikeluarkan kepada akhbar-akhbar, kerana saya fikir apa-apa yang telah dibincangkan itu tidak payah dikeluarkan. Saya harap dengan adanya dallog ini maka pakar-pakar itu faham akan kerumitan-kerumitan kita dan saya sendiri sedar mengenai perasaan mereka dan sekarang saya sudah pun mengarahkan pegawai-pegawai saya mengeluarkan satu directive kepada

semua pakar-pakar yang berkhidmat di bawah Kementerian ini, menyampaikan cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan mereka kepada Kementerian saya, khususnya kepada saya sendiri dan saya akan tubuhkan satu jawatankuasa khas (special committee) untuk mengkaji recommendations daripada pakar-pakar itu. Dengan recommendations dan pandangan-pandangan daripada pakar-pakar kita itu, maka satu perubahan kita harap akan tercapai pada masa yang akan datang.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh mengenai pakar-pakar yang mahir itu berhenti dari perkhidmatan Kerajaan atas berbagai-bagai sebab yang tertentu seperti tidak puas hati berkenaan dengan prospect promotion tidak begitu baik. Sebetulnya perkara ini adalah benar dan saya sendiri mengaku dan saya akan mengambil perhatian serta mengkaji dengan telitinya dan berbagai-bagai cadangan akan diambil oleh Kementerian saya pada masa yang akan datang bila laporan-laporan yang disampaikan ke Kementerian saya, dan laporan ini jikalau boleh mendatangkan satu conclusion yang baik, cadangan itu akan disampaikan kepada Kerajaan untuk mendapat pertimbangan supaya pakar-pakar kita ini akan meneruskan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga membandingkan antara MCS Officers dengan pakar perubatan. Saya suka menjelaskan di sini, sebenarnya ratio antara Superscale MCS Officers adalah satu berbanding dengan 2.5 dan juga kepada pegawai professional, Superscale posts ialah satu berbanding dengan 6. Ini adalah sangat rendah. Kita harap pada masa akan datang kelemahan ini akan dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyebutkan berkenaan dengan penyakit demam denggi. Yang sebenarnya kempen-kempen telah dijalankan ke seluruh negeri tiga tahun sudah iaitu melalui radio dan TV dan juga melalui akhbar-akhbar. Saya minta semua rakyat khususnya penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai perubatan di bawah Kementerian saya. Jikalau ada kelemahan-kelemahan yang bukan dikuasai oleh Kementerian saya, perkara ini akan saya sampaikan kepada Datuk Bandar, Wilayah Persekutuan berkenaan dengan kelemahan-kelemahan pekerja-pekerja ataupun kebersihan-kebersihan di

Daerah Kuala Lumpur dan saya percaya dengan adanya kerjasama antara pegawai dengan rakyat jelata dan juga Wakil Rakyat khususnya Ahli Yang Berhormat itu. Jika ada perkara-perkara yang penting dan berasa tidak puas hati. Ahli Yang Berhormat itu bolehlah datang ke pejabat saya dan berunding dan saya akan berhubung dengan pegawai-pegawai saya serta memberikan arahan-arahan yang sewajarnya.

Itulah sahaja jawapan saya secara ringkas pada petang ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jikalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mendapat jawapan yang jelas, saya minta maaf dan saya akan mengambil perhatian atas syor-syor yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$450,178,100 untuk Kepala B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$91,687,570 untuk Kepala P. 38 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

PENERANGAN SENDIRI OLEH TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

9.00 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin membuat penjelasan yang ringkas.

Saya suka merujuk kepada ucapan yang saya buat pada hari Isnin, 29hb November, 1976. Ucapan ini ialah jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan telah dicatitkan di perenggan 2 muka 62 Penyata Rasmi Perlimen yang belum disemak bagi hari itu.

Saya telah membuat kesilapan bila saya mengatakan yang wang \$200 juta yang tercatit di bawah Kepala P. 32, Pecahan-kepala 7 di muka surat 239 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 1977, berkaitan dengan Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra, sedang ditadbirkan oleh suatu Lembaga yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Encik Ghafar Baba. Keadaan yang sebenarnya ialah, beberapa agensi sedang diwujudkan untuk mengendalikan kumpulanwang ini. Agensi-agensi ini akan diuruskan

oleh orang-orang yang berkelayakan dan berpengalaman supaya kumpulanwang ini mendatangkan faedah yang sepenuhnya kepada orang-orang Bumiputra. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan membuat pengumuman mengenai perkara ini tidak lama lagi.

Saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Yaacob, Menteri Perusahaan Awam kerana beliau yang telah menarik perhatian saya kepada kesilapan itu.

Saya juga suka meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana kesilapan tersebut yang tidak disengajakan.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan 1977 dilaporkan tanpa pindaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Becara Kali Yang Ketiga

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 telah

ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan

pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-

ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama semenjak Dewan ini bersidang dalam peringkat Jawatankuasa selama 16 hari menimangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 dan juga Usul yang termaklum dan kita telah tamat pada malam ini.

Sekarang saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga hari Isnin, 13hb Disember, 1976 pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.05 malam.